



NEGERI PULAU PINANG

MINIT PERSIDANGAN

**MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA BELAS**

**19 MEI 2017,
22 MEI 2017 HINGGA 25 MEI 2017**

Dikeluarkan oleh

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**



**MESYUARAT PERTAMA
PENGAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA BELAS**

Kandungan	Muka Surat
Minit Persidangan 19 Mei 2017 (Jumaat)	3
Minit Persidangan 22 Mei 2017 (Isnin)	12
Minit Persidangan 23 Mei 2017 (Selasa)	80
Minit Persidangan 24 Mei 2017 (Rabu)	85
Minit Persidangan 25 Mei 2017 (Khamis)	91

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 19 MEI 2017(JUMAAT)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fook	Berapit
16.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
27.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
30.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32.	YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
33.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai
34.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
35.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
39.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Puan Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 10.00 pagi.

1. DOA

2. PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan 19 Mei 2017 sebagai hari permulaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas melalui pengisytiharan bertarikh 17 Mac 2017 yang telah diwartakan pada 30 Mac 2017. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tun sempena Perlanjutan Perkhidmatan Tuan Yang Terutama sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

3. UCAPAN OLEH T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat pagi dan salam sejahtera. *Bismillahirrahmanirrahim.*

Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang. Yang Berhormat Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang. Yang Berhormat Dato' Seri Farizan bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Yang Berhormat Dato' Hajah Jahara binti Hamid, Ketua Pembangkang. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-Ahli Parlimen. Yang Berbahagia Dato'-Dato' dan Datin-Datin. Ketua-Ketua Jabatan Agensi Negeri dan Persekutuan. Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipersembahkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua maka dapat kita berada dalam Dewan yang mulia ini bagi Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berusaha gigih menjaga kebajikan rakyat di kawasan masing-masing.

KEKUKUHAN EKONOMI.

Ahli-Ahli yang Berhormat. Jika diamati, sepanjang tahun 2016 Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan baik oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan barisan Ahli-Ahli EXCONya telah menguruskan kewangan dan pentadbiran negeri dengan berkesan. Kedudukan kewangan terus mantap manakala penjana sumber pendapatan Negeri telah dipelbagaikan. Saya dimaklumkan bahawa *Exit Conference* bagi Penyata Kewangan Negeri Tahun 2016 oleh Ketua Audit Negara menunjukkan pengurusan kewangan Negeri adalah amat memberangsangkan. Saya turut berbangga apabila Pulau Pinang selama sembilan tahun berturut-turut terus mendahului negeri-negeri lain dalam mengemukakan Penyata Kewangan Negeri paling awal.

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN PELABURAN.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam usaha untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa dan pintar, Kerajaan Negeri perlu menjayakan transformasi ke arah negeri keusahawanan dan kebajikan, di mana semua rakyat diberikan peluang yang sama untuk mengecap kemajuan ekonomi serta hasil kemakmuran juga dapat dinikmati oleh semua tanpa kira agama dan kaum. Transformasi ini menampakkan hasil apabila pertumbuhan per kapita yakni GDP telah membangun daripada kedudukan tercorot di bawah di antara semua negeri-negeri di Malaysia dalam tempoh 2005 hingga 2015 kepada yang paling baik mulai 2013 hingga 2015.

Pulau Pinang adalah satu-satunya negeri industri di Malaysia dengan sektor pembuatan menyumbang 45% dan sektor perkhidmatan menyumbang kepada 50% kepada GDP negeri. Jumlah pelaburan mencatat peningkatan sebanyak 73% iaitu peningkatan daripada RM34.2 bilion pada tahun 1999 hingga 2007 kepada RM59.2 bilion untuk tempoh 9 tahun yang sama

pada tahun 2008 hingga 2016. Peluang pekerjaan yang baru juga naik 15% daripada 121,511 pekerjaan baru untuk tempoh tahun 1999 hingga 2007 kepada 139,133 pekerjaan baru untuk tempoh 2008 hingga 2016. Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama dengan agensi Kerajaan yang terlibat untuk menarik lebih banyak pelaburan.

Pulau Pinang mencatat pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.5% berbanding dengan pertumbuhan GDP negara sebanyak 5% pada tahun 2015. Cabarannya ialah untuk memastikan hasil kemakmuran ini dapat dikecapi oleh semua. Justeru, menerusi konsep negeri berkeadilan, Kerajaan Negeri telah membuat pelaburan dalam peningkat infrastruktur asas seperti jalan, bekalan air dan longkang serta membina kemudahan awam seperti perumahan awam, taman lapang hijau, kompleks sukan dan dewan orang ramai. Tumpuan diberikan kepada kawasan Seberang Perai, di mana 70% daripada peruntukan pembangunan negeri, Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dibelanjakan demi mencapai pembangunan seimbang dan mampan di antara kawasan Pulau dan Seberang.

Pada Tahun 2016, Pulau Pinang telah mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM4.3 bilion dengan 106 projek diluluskan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM3.1 bilion adalah daripada pelaburan asing manakala RM1.2 bilion daripada pelaburan domestik.

Pelaburan dalam industri berat sememangnya memberi impak yang tinggi kepada negeri, namun Pulau Pinang tidak mengabaikan Industri Kecil dan Sederhana yakni IKS yang dilihat semakin rancak berkembang dan menjadi pendokong kepada sektor-sektor lain. Saya difahamkan pada 8 Februari lalu, Kluster Automasi Pulau Pinang (*Penang Automation Cluster*) bernilai RM63 juta telah ditubuhkan di perkampungan IKS seluas 150 ekar oleh tiga (3) syarikat besar tempatan yang akan membantu serta bekerjasama dengan 18 buah syarikat IKS yang lain. Kluster Automasi Pulau Pinang ini juga akan menjadi hub bagi '*precision metal fabrication*' bertaraf dunia yang mengintegrasikan syarikat besar tempatan dengan syarikat IKS.

PEMBANGUNAN SEKTOR PELANCONGAN DAN WARISAN NEGERI.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Dalam sektor pelancongan, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah melebihi kapasiti penumpang sebanyak 6.5 juta dengan mengendalikan 6.7 juta penumpang dalam 2016, iaitu empat (4) tahun lebih awal daripada anggaran 2020. Prestasi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan dengan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dan juga hospital-hospital berkualiti mendapat perhatian seluruh dunia. Saluran Berita Televisyen CNN meletakkan Pulau Pinang di tempat kedua daripada 17 tempat paling menarik yang mesti dilawati di dunia pada tahun 2017. Manakala laman web kesihatan *International Living* telah mengiktiraf Pulau Pinang sebagai "*No. 1 Best Healthcare In The World*". Baru-baru ini, penganjuran *Penang International Food Festival* atau PIFF yang pertama di Pulau Pinang untuk meraikan makanan Pulau Pinang, khususnya makanan jalanan ataupun *street food* yang paling sedap di dunia, telah menarik lebih daripada 400,000 pengunjung.

Pelayaran *cruise* juga mendapat tempat di hati pelancong di mana saya difahamkan seramai 1.2 juta penumpang telah direkod menggunakan Pelabuhan Swettenham bagi tahun 2016. Saya berasa bangga apabila sepanjang tahun 2016 dan awal tahun 2017, Pulau Pinang telah disenaraikan dalam pelbagai penerbitan dan artikel antarabangsa sebagai destinasi pelancongan yang terunggul di dunia merangkumi pelbagai produk dari makan jalanan (*street food*) hingga ke pelancongan perubatan (*medical tourism*).

Selain itu, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai bandaraya perubatan. Dalam usaha mempromosi pelancongan perubatan di Pulau Pinang, saya memuji inisiatif Kerajaan Negeri menubuhkan *Penang Center of Medical Tourism* ataupun PMED dengan penglibatan 10 buah hospital swasta di Pulau Pinang. Hasil kerjasama yang dijalinkan, saya difahamkan Pulau Pinang telah berjaya merekodkan peningkatan jumlah pelancong perubatan sebanyak 14.77% iaitu dari 302,000 orang pada tahun 2015 kepada 347,000 orang pada tahun 2016.

Hasil pendapatan juga meningkat sebanyak 17.92% daripada RM391 juta pada tahun 2015 kepada RM458 juta pada tahun 2016. Ini adalah suatu peningkatan yang cukup membanggakan. Keyakinan sektor swasta memang terserlah apabila Island Hospital Medical sedia melabur RM2 bilion di Pulau Pinang untuk menambah 300 buah katil yang sedia ada kepada 1,000 buah katil yang menjadikannya sebagai hospital swasta yang paling besar di Malaysia.

Pengiktirafan *Malaysia Book of Record* yang diterima oleh Bukit Bendera bagi Funikular Tunggal di Malaysia dan Trek Funikular terpanjang di Asia juga merupakan kejayaan besar dalam sektor pelancongan Negeri. Pada tahun 2016, jumlah pengunjung Bukit Bendera adalah seramai 1.6 juta orang, berbanding 1.57 juta orang pada tahun 2015. Dalam hal ini, cadangan pewartaan Bukit Bendera sebagai "*Unesco Biosphere Reserve*" adalah bertepatan dengan usaha untuk memulihara kawasan Bukit Bendera sebagai satu daripada warisan utama Pulau Pinang.

Mengenai warisan, suka saya nyatakan bahawa langkah Kerajaan Negeri yang berusaha menjaga nilai-nilai keunggulan sejagat George Town sebagai Tapak Warisan Dunia patut disokong. Saya difahamkan kajian serta pengemaskinian maklumat berkenaan 2,557 bangunan, 1,637 premis di kawasan penempatan tapak warisan dan proses membaikpulih 220 set pelan bangunan lama berjalan lancar.

Satu penemuan arkeologi penting disaksikan di Guar Kepah, Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU) apabila rangka wanita purba berusia 5,710 tahun dahulu yang hidup semasa zaman Neolitik telah ditemui. Rangka manusia purba yang digelar sebagai *Penang Woman* ini akan ditempatkan di Pusat Arkeologi bertaraf antarabangsa yang akan dibina oleh Kerajaan Negeri di atas tapak seluas dua (2) ekar. Kerajaan Negeri juga akan berusaha untuk mendapatkan status *UNESCO World Heritage* untuk tapak arkeologi Guar Kepah ini.

PERKEMBANGAN SEKTOR PERTANIAN DAN ASAS TANI

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Sungguhpun Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada sektor perindustrian dan perkhidmatan, sektor pertanian masih kekal relevan dan penting dalam menyumbang kepada kepesatan ekonomi negeri. Saya dimaklumkan, bagi pengeluaran ladang, Nilai Hasil Ternakan (NHT) sejak tahun 2014 terus mengekalkan perolehan melebihi Lapan Ratus Juta Ringgit (**RM800 juta**) setiap tahun. Pengeluaran NHT telah meningkat daripada Lapan Ratus Dua Puluh Tujuh Perpuluhan Sembilan Enam Juta Ringgit (RM827.96 juta) pada tahun 2015 kepada Lapan Ratus Empat Puluh Dua Perpuluhan Lima Lima Juta Ringgit (**RM842.55 juta**) pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak Empat Belas Perpuluhan Lima Sembilan Juta Ringgit (**RM14.59 juta**) bersamaan 1.8 peratus. Kadar ini dijangka akan terus berkembang dan dianggarkan akan melebihi Lapan Ratus Lima Puluh Juta Ringgit (**RM850 juta**) pada tahun 2018.

Promosi Industri Asas Tani (IAT) juga terus diberi perhatian bagi memperkasakan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri keusahawanan. Pada tahun 2016, sudut *creativity index* bagi promosi IAT adalah satu nisbah tiga (1:3), di mana setiap RM1 yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri telah memberi pulangan sebanyak RM3 kepada usahawan Pulau Pinang. Untuk itu, saya menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri untuk menganjurkan sekurang-kurangnya empat (4) Karnival Asas Tani di luar Negeri Pulau Pinang serta menyertai program-program promosi usahawan di negeri-negeri lain.

Tabung Usahawan Tani Muda yang dilaksanakan bagi menggalakkan anak muda menyertai industri pertanian semakin mendapat tempat. Sehingga ini, seramai 66 orang peserta telah menyertai program berkenaan sejak tiga tahun pelaksanaannya. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Lima Puluh Ribu Ringgit (**RM750,000.00**) bagi tujuan pinjaman mikro kredit tanpa faedah ini. Saya berharap lebih ramai usahawan tani muda akan mengambil peluang untuk menyertai program ini.

Kerajaan Negeri tidak meminggirkan golongan nelayan di mana bantuan kepada golongan ini juga diberi tumpuan oleh Kerajaan Negeri. Di samping menyediakan tukun-tukun tiruan baharu sebagai kawasan pembiakan ikan, para nelayan juga diberi bantuan pukot sejak 2013. Bantuan pukot yang dimulakan sejak 2013 telah berjaya membantu seramai 3,186 nelayan

negeri Pulau Pinang. Bantuan bagi tahun 2017 akan terus dilakukan dan dijangka dilaksanakan pada awal Jun 2017 dengan melibatkan seramai 1,664 nelayan dengan anggaran kos Ringgit Malaysia Tiga Ratus Dua Puluh Sembilan Ribu **(RM329,000.000)**.

PENGURUSAN ALAM SEKITAR DAN SISA PEPEJAL

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Dalam usaha mentransformasikan Pulau Pinang kepada Negeri usahawanan dan kebajikan, pemeliharaan dan perlindungan alam sekitar tidak dilupakan. Pulau Pinang boleh berbangga kerana merupakan satu-satunya Negeri di Malaysia yang tidak menaruh atau menyentuh seinci persegi pun hutan simpan kekalnya sejak tahun 2006. Itulah salah satu sebab utama mengapa Pulau Pinang berjaya memastikan bekalan air yang mencukupi. Kejayaan menjadi satu-satunya Negeri yang tidak pernah menjalankan catuan air ialah kerana kawasan tadahan air diwartakan dan hutan simpan kekal dijaga sehingga empangan air di Pulau Pinang adalah penuh.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri di atas usaha untuk membina stesen pemindahan sampah bernilai Enam Puluh Satu Perpuluhan Lima Juta Ringgit **(RM61.5)** di Batu Maung. Saya difahamkan stesen ini berupaya menerima sehingga 800 tan sampah sehari bila mula beroperasi pada 1 April 2018. Dengan adanya stesen ini, semua sampah Bahagian Pulau akan disalurkan ke stesen ini untuk dimampat dan diangkut ke tapak pelupusan sampah di Pulau Burung, Seberang Perai Selatan untuk dilupuskan. Dengan usaha ini, ianya akan meningkatkan lagi tahap kebersihan dan menghijaukan alam sekitar.

Pulau Pinang juga merupakan Negeri yang terkehadapan dalam pengasingan sisa iaitu usaha untuk mengurangkan jumlah sampah yang dijana. Walau bagaimanapun, penduduk diberi tempoh satu tahun sejak dilancarkan pada 1 Jun 2016 untuk bersiap sedia dalam pelaksanaan dasar ini, namun ramai yang telah mengamalkan cara hidup moden ini. Mulai 1 Jun 2017, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan menguatkuasakan dasar ini di seluruh Negeri dan denda akan dikenakan bagi mana-mana premis yang melanggar undang-undang kecil ini. Pulau Pinang juga merupakan Negeri yang memiliki kadar kitar semula yang paling tinggi iaitu sebanyak 38% berbanding dengan purata kebangsaan sebanyak 20.9% pada 2016.

PENYEDIAAN PERUMAHAN UNTUK RAKYAT

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Saya percaya sasaran Kerajaan Negeri untuk menyediakan sebanyak 26,255 unit Rumah Mampu Milik dengan pihak swasta pelbagai kategori untuk rakyat Pulau Pinang menjelang tahun 2022 akan tercapai. Sejak 2008-2016, Kerajaan Negeri telah membina 20,887 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah berbanding dengan 5,124 unit pada tempoh 2000-2007. Dalam memastikan kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat terus menjadi keutamaan, Kerajaan Negeri pada tahun 2017 telah memperuntukkan sebanyak Sembilan Perpuluhan Enam Sembilan Juta Ringgit **(RM9.69 juta)** di bawah Bajet Pembangunan untuk kerja-kerja menaiktaraf dan menyenggara 50 skim Rancangan Perumahan Awam melibatkan sebanyak 15,490 unit rumah dan kedai. Ini termasuklah kerja-kerja pembaikan keretakan di Rancangan Perumahan Mak Mandin, Rancangan Perumahan Padang Tembak dan Rancangan Perumahan Teluk Bahang yang melibatkan peruntukan pembangunan sebanyak Dua Perpuluhan Lima Tiga Juta Ringgit **(RM2.53 juta)**.

NEGERI KEBAJIKAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Satu aspek Negeri kebajikan ialah Agenda Ekonomi Saksama (AES) dan Program i-Sejahtera di mana bantuan kewangan secara wang tunai sebanyak **RM412.63** juta diberikan kepada 1.6 juta rakyat Pulau Pinang sejak tahun 2008. Ia merangkumi Warga Emas, bayi, OKU, Ibu Tunggal, Ibu yang tidak bekerja, pelajar, pemandu teksi, operator bas sekolah berdaftar, penarik beca, bantuan pukut kepada nelayan dan **RM1,000** kepada mahasiswa-mahasiswi

tempatan. AES merupakan pelaksanaan *universal basic income* (pendapatan asas sejagat) pertama di Malaysia di mana Kerajaan Negeri menghapuskan miskin tegar dengan menjamin setiap keluarga menerima **RM790** sebulan. Bagi keluarga yang menerima pendapatan yang kurang daripada **RM790** sebulan, Kerajaan Negeri akan menambahnya sehingga cukup **RM790** setiap bulan. Lebih **RM23.2** juta telah dibelanjakan untuk program AES ini sejak ia dimulai pada tahun 2014. Kejayaan AES jelas dilihat dengan kejayaan Kerajaan Negeri mengurangkan ketidaksamaan pendapatan daripada 0.419 pada 2009 kepada 0.364 pada tahun 2014 iaitu penurunan sebanyak 13% dalam enam (6) tahun. Kerajaan Negeri prihatin dengan bebanan kewangan yang ditanggung oleh rakyat yang berpendapatan rendah dalam keadaan ekonomi yang merosot dan inflasi yang tinggi yang naik sehingga 5.1% pada bulan Mac dan 4.4% pada bulan April. Kerajaan Negeri memberikan potongan cukai pintu sebanyak 6% dan pengecualian cukai pintu penuh bagi rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah kampung / bertanah pada tahun 2017. Dengan menambah penyerapan bayaran GST oleh Kerajaan Tempatan, ini bermakna kedua-dua Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai akan menanggung **RM55** juta untuk manfaat rakyat.

Dalam membantu rakyat yang berpendapatan rendah juga, Projek Khas Ekonomi yang merupakan dan memperuntukkan sejumlah Dua Perpuhuan Kosong Tiga Satu Juta Ringgit (**RM2.031** juta) pada tahun 2016 bagi projek pembinaan baru ini dan baik pulih rumah. Bagi membantu peniaga yang masih berada di tahap permulaan dengan pendapatan bulan kurang daripada **RM3,000.00** sebulan, bantuan peralatan diberikan untuk membantu peniaga membeli perkakasan bagi meningkatkan hasil jualan.

PEMBANGUNAN WANITA DAN KANAK-KANAK

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Pulau Pinang telah mencapai kecemerlangan dalam mengambil langkah-langkah proaktif untuk penglibatan wanita dalam kepimpinan pentadbiran awam. Sebagai contoh, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mencapai 33% penglibatan wanita sebagai Ahli Majlis setanding dengan pencapaian negara-negara maju.

Kerajaan Negeri juga sedar akan pentingnya kewujudan sistem penjagaan kanak-kanak yang selamat dan komprehensif untuk ibu bapa yang bekerja terutamanya dalam meningkatkan penglibatan kaum ibu dalam tenaga kerja. Usaha sedang diambil untuk mendaftarkan semua Taska dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak di Pulau Pinang yang masih belum berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

HAL EHWAL AGAMA ISLAM

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Ketetapan bahawa Islam adalah agama rasmi perlu dihormati oleh semua. Islam adalah agama yang berlandaskan ilmu dan untuk itu Islam mewajibkan umatnya menuntut ilmu dengan memberikan keseimbangan antara ilmu agama bagi memenuhi tuntutan fardhu ain dengan tuntutan ilmu duniawi bagi memenuhi fardhu kifayah sebagaimana yang disebutkan oleh Imam Al-Ghazali.

Saya bersyukur, urusan hal ehwal agama Islam diberi perhatian berat oleh Kerajaan Negeri. Pembinaan institusi pendidikan Islam melalui pembinaan Sekolah Agama Rakyat terus diberi keutamaan. Antaranya, saya dimaklumkan pembinaan Sekolah Agama Rakyat Guar Jering telah siap dibina pada tahun 2016. Sementara itu, Sekolah Agama Rakyat Masjid Daerah Seberang Perai Selatan, Sekolah Agama Rakyat Tuan Guru di Tanjong Tokong dan Sekolah Agama Rakyat di Masjid Abdullah Fahim sedang dalam proses untuk dibina. Semua sekolah agama termasuk Maahad Tahfiz di Negeri ini juga didaftarkan bagi membolehkan penyaluran bantuan dan pemantauan dijalankan supaya mutu pembelajaran dan kebajikan pelajar terbelas.

Pembangunan Islam di Pulau Pinang yang mendokong kedudukannya sebagai Agama Persekutuan dan tidak diabaikan apabila jumlah peruntukan untuk Hal Ehwal Agama Islam naik 84% pada tahun 2008 kepada **RM457** juta untuk tempoh 2008 hingga 2016 berbanding dengan **RM257** juta untuk tempoh 2000 hingga 2007. Dan, siapnya Kompleks Kehakiman dan Mahkamah

Tinggi Syariah Pulau Pinang di Jalan Scotland, atas tanah Kerajaan Negeri yang bernilai **RM80** juta dan perbelanjaan kos pembinaan **RM33** juta oleh Kerajaan Persekutuan, merupakan satu lagi kejayaan dalam pembangunan Islam.

Semua ini tidak mungkin tercapai tanpa pentadbiran Cekap, Akauntabiliti dan Telus iaitu (CAT) dan kepimpinan bersih yang diterapkan ke dalam tata kelola Kerajaan Negeri. Urus tadbir CAT membuahkan kejayaan Pulau Pinang yang berjaya mencatat bajet lebih sebanyak **RM573** juta bagi tempoh 8 tahun dari 2008 hingga tahun 2015. Ini berbanding dengan lebih bajet terkumpul bagi tempoh 1957 hingga tahun 2007 sebanyak **RM373** juta untuk 50 tahun. Nilai aset Negeri Pulau Pinang pula meningkat hampir sekali ganda dalam tempoh 8 tahun, iaitu sebanyak **RM850** juta kepada **RM1.6** bilion.

MODAL INSAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Saya memuji Kerajaan Negeri yang meneruskan usaha membina infrastruktur asas dan modal insan demi menjamin pembangunan ekonomi yang mampan. Sektor pembuatan berada di ambang revolusi Industri 4.0 yang membabitkan *Big Data Analytis, Cloud Computing, E-Commerce, Crowd Sourcing* dan *Internet of things*. Demi menyertai Industri 4.0, adalah perlu kita membangunkan modal insan yang mencukupi. Tumpuan diberikan dalam Pendidikan STEM iaitu (*Science, Technology, Engineering dan Maths*) demi memastikan Pulau Pinang menjadi pusat e-kecemerlangan sains dan teknologi.

PERKHIDMATAN AWAM

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada penjawat awam yang bertungkus lumus memajukan Pulau Pinang. Suka saya menasihatkan para penjawat awam agar sentiasa mempertahankan nama baik perkhidmatan, teguh dengan perinsip menolak rasuah serta tegas menentang perbuatan salah guna kuasa yang boleh mengakibatkan berlakunya ketirisan hasil negeri. Contohnya: "Nabi Allah Sulaiman *Alaihissalam* yang tidak tergugat dengan sogokan kebendaan sebagai inspirasi dalam melaksanakan tugas. Baginda secara tegas, menolak hadiah yang dipersembahkan oleh Raja Perempuan Negeri Saba; seperti yang diriwayatkan didalam satu ayat 36 Surat An-Naml yang bermaksud:

"Maka apabila yakni (utusan pembawa hadiah itu) datang menghadap Nabi Sulaiman, berkatalah Nabi Sulaiman: Tidaklah patut kami memberikan hadiah kepadaku pemberian harta benda, apa yang Allah berikan kepadaku lebih baik dari apa yang diberikanNya kepada kamu:"

Saya menyokong penuh usaha Kerajaan Negeri memerangi rasuah dalam kalangan penjawat awam dengan mengambil tindakan tegas termasuk pemuangan kerja bagi mereka yang didapati bersalah melakukan rasuah. Malah saya mengharapkan penjawat awam yang lebih berani untuk melaporkan usaha pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk merasuah penjawat awam di Pulau Pinang.

Alhamdulillah, beberapa agensi Kerajaan Negeri telah mendapat pengiktirafan hasil daripada daya usaha para penjawat awam. Untuk itu, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) di atas kejayaan mengekalkan Persijilan Semula MS ISO 9001:2008 untuk tahun ke-5 berturut-turut, pengiktirafan Bintang Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS dan Persijilan Amalan Berkualiti 5S.

Tahniah juga diucapkan kepada PSUKPP, Jabatan Kewangan Negeri, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Majlis Sukan Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah dan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara di atas Anugerah Lima Bintang dalam Pengurusan Kewangan Berdasarkan Akauntabiliti. Syabas juga kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) atas pengiktirafan antarabangsa.

Sebagai penutup, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Membangun dan memakmurkan sesebuah negeri adalah suatu usaha yang mencabar dan merupakan amanah yang sangat berat untuk dipikul. Namun, pekerjaan yang berat ini menjadi ringan apabila dibuat secara bersama dengan semangat berpasukan yang tinggi dalam kalangan kepimpinan negeri dan dokongan rakyat. Semangat kental rakyat Pulau Pinang membolehkan Kerajaan Negeri meningkatkan lagi imej lepas kepada Pulau Pinang yang terus dengan bersih, hijau dan sihat serta selamat.

Untuk itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atas kecemerlangan khidmat bakti yang dicurahkan dalam kepimpinan Negeri ini. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sentiasa berusaha menjaga rakyat tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang demi menyatupadukan rakyat.

Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh Anggota Perkhidmatan Awam, pasukan keselamatan khususnya pasukan Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia serta semua pihak yang terlibat dalam menyumbang ke arah pembangunan, keamanan dan kemakmuran Negeri serta kesejahteraan rakyat.

Akhir kata, semoga Allah SWT sentiasa melimpahkan kurnia dan rahmatNya kepada kita semua dan melindungi Negeri yang tercinta ini agar kita terus maju dan makmur serta rakyatnya mendapat taufik dan hidayah, sejahteraan, bersatu padu serta sentiasa hidup dalam keadaan aman, damai sentosa di bawah lindunganNya.

Dengan lafaz *Bismillahhirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketiga Belas.

Sekian terima kasih. *Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

4. PENGUMUMAN OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI:

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan, akan meninggalkan Dewan. Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput untuk bergambar bersama-sama dengan Tuan Yang Terutama Tun. Mesyuarat ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada hari Isnin 22 Mei 2017, jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguh pada jam 11.45 pagi.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 22 MEI 2017 (ISNIN)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fook	Berapit
16.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
27.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
30.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32.	YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
33.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai
34.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
35.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
39.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Puan Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. DOA

2. PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan sesi Dewan pada kali ini akan menimbangkan 72 Soalan Lisan, 629 Soalan Bertulis, 3 Rang Undang-Undang dan 2 Usul. Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

3. PEMBENTANGAN RISALAH

- Bilangan 1 Tahun 2017
- Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Pulau Pinang
 - Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 : Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Siri 2)
- Bilangan 2 Tahun 2017
- Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan Negeri Pulau Pinang Mengenai Pengurusan Pembangunan di Kawasan Tanah Bukit (Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 – Siri 3)
- Bilangan 3 Tahun 2017
- Laporan Tahunan 2015 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

4. SOALAN-SOALAN BERTULIS

I. Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bilakah dan bagaimana Kerajaan Negeri akan menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di sekitar kawasan Bukit Mertajam khususnya Jalan Damai, Jalan Kulim dan Jalan Aston? Huraikan dengan terperinci.
2. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mendirikan rumah kos rendah / rumah kos sederhana rendah / rumah mampu milik di kawasan Bukit Mertajam?
3. Selain daripada Projek Tebatan Banjir Kampung Baru, Bukit Mertajam yang telah siap pada tahun 2014, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek pembangunan di KADUN Berapit?

II. Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Perincikan tanah-tanah yang telah ditambun/timbus bagi kategori pertanian dan first grade di bawah MBPP dan MPSP.
 - (i) Adakah setiap tanah tersebut mempunyai kebenaran atau kelulusan?
 - (ii) Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa jika tindakan menambun itu haram?
2. Perincikan program-program dan perbelanjaan setiap CSR yang dilaksanakan oleh agensi-agensinya berikut:
 - (i) Perbadanan Bekalan Air (PBA)
 - (ii) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

3. Isu ketidakadilan dan ketelusan agihan pukut-pukat kepada nelayan Kuala Sungai Burong telah dibangkitkan dalam dialog bersama EXCO. Apakah masalah sebenarnya, mengapa berlaku dan bagaimana penyelesaiannya?
4. Kaedah penjualan makanan melalui *Food Truck* telah meningkat. Apakah polisi dan perancangan kerajaan bagi menyokong dan merencanakan perniagaan berkaedah ini? Perincikan maklumat permohonan dan jumlah yang diluluskan. Apakah sumbangan Kerajaan Negeri untuk menyokong?
5. YB. Ahli Parlimen Kulai telah mencadangkan dalam sidang parlimen Fasal Baharu 15A pada Undang-Undang Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, iaitu "Walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak adalah diharamkan". Apakah pandangan Kerajaan Negeri atas usul ini?
6. Adakah pihak Kerajaan Negeri berhasrat untuk meminda Seksyen 8 dan Seksyen 18, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 bagi menyokong cadangan usul YB Ahli Parlimen Kulai yang telah mencadangkan dalam sidang parlimen Fasal Baharu 15A pada Undang-Undang Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017?
7. Perincikan status kelewatan pelaksanaan pembinaan tiga lebuhraya bagi setiap kerja/program/projek/laporan EIA dan DEIA dan jelaskan sebab kelewatan dan penyelesaiannya serta bilakah kerja-kerja pembinaan akan dimulakan dan disiapkan. Adakah pihak Kerajaan Negeri dan/atau pihak kontraktor dibayar penalti atas kelewatan dan bagaimana penyelesaiannya?
8. Apakah kaedah pembayaran baki yuran iktisas bagi penyediaan Kajian Kebolehlaksanaan dan Rekabentuk untuk 3 lebuhraya? Jika akan dibayar dengan pemberimilikan tanah, di manakah tanah tersebut dan nilainya?
9. Jelaskan status pembangunan projek di atas Taman Manggis, George Town.
10. Kenaikan surcaj air telah menimbulkan pelbagai reaksi masyarakat. Jelaskan secara terperinci bagi setiap kenaikan:
 - (i) Keuntungan PBA hasil dari kenaikan surcaj dan penjimatan penggunaan air dari segi kos dan kuantiti.
 - (ii) Apakah matlamat kenaikan surcaj dan adakah matlamat tercapai?
11. Perincikan lokasi lot-lot tanah serta keluasan mengikut daerah yang terletak dalam zon pertanian yang telah ditambun dengan mendapat kebenaran dan yang tanpa kebenaran.
12. Apakah kadar surcaj akan terus dinaikkan secara berkala jika ia masih gagal mengurangkan kadar penggunaan air negeri?
13. Apakah tarif air akan dinaikkan jika peningkatan kadar surcaj kali ini juga gagal?
14. Apakah kempen atau program yang telah dijalankan oleh PBAPP atau Kerajaan Negeri bagi mendidik rakyat Pulau Pinang untuk menjimatkan air?
15. Perincikan status pelaksanaan terkini dan perancangan projek perumahan yang melibatkan peruntukan RM500 juta yang terhasil dari penjualan tanah PDC di Bayan Mutiara.
16.
 - (i) Sila beri pencerahan dan huraian terperinci berkaitan pelan pembangunan komprehensif Gurney Drive.
 - (ii) Berapa anggaran kos pembangunan dan apakah isu-isu bantahan masyarakat dan bagaimana menyelesaikannya?

17. Jelaskan:
 - (i) Apakah kadar surcaj akan terus dinaikkan secara berkala jika masih gagal mengurangkan kadar penggunaan air negeri?
 - (ii) Apakah tarif air akan dinaikkan jika peningkatan kadar surcaj kali ini juga gagal?
 - (iii) Apakah kempen/program yang telah dijalankan oleh PBAPP atau Kerajaan Negeri bagi mendidik rakyat Pulau Pinang untuk menjimatkan air?
18. Jelaskan kenapa ADUN Permatang Pasir masih duduk sebaris dengan penyokong Kerajaan Negeri padahal PAS bukan lagi komponen dalam Pakatan Harapan?
19. Perincikan maklum balas ke atas Cadangan Pelan Induk Pengangkutan yang telah dipamerkan di Dewan Sri Pinang awal tahun ini.
20. Perincikan dan jelaskan soalan-soalan atau isu-isu dan yang berkaitan yang telah dihantar untuk mendapat jawapan Kerajaan Negeri mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Akta Kebebasan Maklumat. Apakah soalan-soalan yang ditolak dan kenapa?
21. Sila jelaskan carta organisasi Perbadanan Bukit Bendera, nama-nama penjawat serta kelayakan mereka dan gred gaji mereka. Nyatakan bilangan Perbadanan bermesyuarat dan jelaskan polisi serta dasar-dasar yang telah diputuskan dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut. Paparkan sempadan pentadbiran Perbadanan.
22. Bagi setiap portfolio MMK, berikan tarikh bermesyuarat sejak bermula penggal dari tahun 2013.
23. Bagi setiap program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, antaranya dan tidak terhad kepada warga emas, anak emas dan lain-lain inisiatif, jelaskan jumlah perbelanjaan, penerima dan sumber pembiayaan program tersebut. Apakah kejayaan bagi setiap program itu?
24. Senaraikan perincian projek-projek yang dibekalkan konkrit oleh Tetuan Strong Mix, anak syarikat milik IJM yang beroperasi di The Lights sepanjang tahun 2015 dan 2016.

III. Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pasar Awam Kepala Batas:
 - (i) Sila nyatakan tarikh akhir Projek Naik Taraf Pasar Awam Kepala Batas? Huraikan butiran kerja.
 - (ii) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat menambah ruang perniagaan memandangkan peniaga semakin bertambah?
 - (iii) Apakah ada peniaga tidak berdaftar sepanjang 2016-2017? Jika ada berapa jumlah notis dikeluarkan dan cara menyelesaikan masalah ini?
2. *Smart Parking Gadget System:*
 - (i) Apakah Kerajaan Negeri ada mewujudkan gadget tersebut di sekitar Seberang Perai? Jika ada, bila akan dilaksanakan?
 - (ii) Apakah *gadget* ini mendapat sambutan di bahagian Pulau setelah diperkenalkan?
 - (iii) Berapakah jumlah gadget yang berjaya dijual sehingga Mei 2017 dan di manakah gadget ini boleh diperolehi?

3. Kualiti perkhidmatan air PBA:
 - (i) Adakah pihak PBA ada menerima aduan tentang kualiti air yang kurang memuaskan di sekitar Bertam?
 - (ii) Jika ada, apakah tindakan pihak PBA untuk menangani masalah ini memandangkan jumlah caj perkhidmatan semakin meningkat?
 - (iii) Berapa kalikah kenaikan caj perkhidmatan sepanjang 2015-2017. Huraikan dengan lengkap.
4. Pusat Asuhan Kanak-kanak:
 - (i) Sila nyatakan jumlah Pusat Asuhan Kanak-Kanak dalam Parlimen Kepala Batas. Pecahkan nama pusat asuhan mengikut DUN.
 - (ii) Huraikan juga pusat asuhan yang berdaftar dan tidak berdaftar sehingga Mei 2017.
 - (iii) Apakah syarat pewujudan pusat asuhan dan berapa jumlah pusat yang dibenarkan dalam satu-satu kawasan?
5. Penjagaan Parit dan Longkang dalam DUN Bertam:
 - (i) Sila senaraikan parit seliaan JPS dan Pejabat Daerah. Pecahkan mengikut jabatan.
 - (ii) Berapakah kekerapan cucian di setiap parit berkenaan dan agensi atau syarikat mana yang dipertanggungjawabkan?
 - (iii) Sila senaraikan pegawai bertugas lengkap dengan nombor telefon bagi setiap parit dan longkang.
6. Rumah Kanak-kanak Taman Bakti, Kepala Batas:
 - (i) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaik taraf rumah kanak-kanak tersebut? Jika ada, bila akan dilaksanakan?
 - (ii) Apakah sumbangan Kerajaan Negeri sama ada kewangan atau pembangunan fizikal sejak 2013? Huraikan terperinci.
 - (iii) Sila senaraikan aktiviti bersama Kerajaan Negeri dengan rumah kanak-kanak ini sejak 2013.
7. Permohonan lampu jalan kampung:
 - (i) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan lampu jalan kampung? Jika ada, sila senarai permohonan dalam DUN Bertam.
 - (ii) Bagaimanakah cara memohon dan berapakah kos yang perlu ditanggung oleh pemohon?
 - (iii) Jabatan manakah yang mengawal selia permohonan ini dan nyatakan syarat dengan lengkap bagi setiap permohonan.
8. Latihan Kemahiran Lulusan SPM:
 - (i) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan Latihan Kemahiran kepada pelajar lulusan SPM? Jika ada huraikan secara terperinci.
 - (ii) Institusi manakah yang terlibat menyediakan peluang ini?

- (iii) Berapakah jumlah pelajar yang terlibat dan nyatakan jumlah kos bagi setiap latihan yang ditawarkan?
9. Pelajar Cemerlang UPSR, PT3, SPM, STPM & STAM:
- (i) Berapakah jumlah senarai cemerlang bagi setiap peperiksaan dalam DUN Bertam? Senaraikan nama mengikut sekolah.
 - (ii) Adakah Kerajaan Negeri memberi insentif sebagai menghargai kejayaan pelajar berkenaan?
 - (iii) Berapakah peratusan pencapaian setiap peperiksaan tersebut di Pulau Pinang dibandingkan dengan pencapaian seluruh negara?
10. Bantuan kepada mangsa kebakaran dalam DUN Bertam:
- (i) Berapakah kes kebakaran yang dilaporkan dalam DUN Bertam pada tahun 2016 dan 2017? Nyatakan tarikh dan tempat.
 - (ii) Apakah jenis sumbangan Kerajaan Negeri dan persekutuan bagi setiap kes di atas?
 - (iii) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan pembaikan rumah dan agensi manakah terlibat?
11. Pengindahan pasu bunga Jalan Bertam dan Kepala Batas:
- (i) Adakah PBT telah melaksanakan sehingga selesai seperti jawapan kepada soalan penggal lalu?
 - (ii) Berapakah kekerapan pemantauan dan penyiraman pokok yang baru ditanam memandangkan banyak pokok yang kering?
 - (iii) Adakah setiap blok pasu pokok dicat dengan sempurna dan penambahbaikan telah dibuat?
12. Tapak Pasar Malam Kepala Batas:
- (i) Merujuk kepada soalan penggal lalu, bilakah PBT akan menurap semula tar yang rosak teruk?
 - (ii) Apakah Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan bagi menaik taraf dan nyatakan kos yang diperlukan?
 - (iii) Agensi manakah yang mengurus kebersihan tapak memandangkan masih terdapat sampah setelah selesai pasar malam?
13. Fakir miskin di DUN Bertam:
- (i) Berapakah jumlah fakir miskin yang didaftarkan melalui Zakat Pulau Pinang di dalam DUN Bertam? Pecahkan senarai nama mengikut masjid.
 - (ii) Apakah jenis bantuan yang diterima oleh fakir miskin dan nyatakan jumlah kewangan.
 - (iii) Apakah perancangan untuk mengurangkan jumlah fakir miskin di Pulau Pinang?
14. Pelebaran Jalan dari Permatang Kuala ke Lahar Tabut:
- (i) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk melebarkan jalan tersebut. Jika ada, bila ianya akan dilaksanakan?

- (ii) Berapakah kos yang terlibat dan adakah Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi?
 - (iii) Agensi manakah yang memantau dan mengawal selia jalan tersebut?
15. Perhentian Bas Awam:
- (i) Bilakah pembaikan perhentian bas awam di hadapan IPD SPU, Kepala Batas akan selesai?
 - (ii) Apakah pihak MPSP menerima permohonan pembaikan dua perhentian bas di hadapan Hospital Kepala Batas?
 - (iii) Sila senaraikan jumlah perhentian bas yang dinaik taraf dalam tahun 2016 hingga 2017.
16. Penutupan Restoran Nasi Kandar Line Clear:
- (i) Pada 12 Mac 2017, restoran tersebut telah diarahkan tutup oleh MBPP. Apakah sebab serta tempoh penutupan?
 - (ii) Apakah tujuan notis penutupan itu merupakan satu denda atau tempoh pembersihan?
 - (iii) Berapa kali kekerapan pemantauan yang dibuat untuk restoran tersebut sepanjang 2016 dan 2017?
17. Tanah Perkuburan Islam:
- (i) Sila senaraikan jumlah tanah perkuburan Islam dalam Parlimen Kepala Batas. Pecahkan mengikut DUN.
 - (ii) Adakah setiap tanah perkuburan Islam di bawah MAINPP? Jika tidak, jabatan mana yang bertanggungjawab?
 - (iii) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk pembaikan pagar kubur atau lain-lain naik taraf yang berkaitan?
- IV. Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**
1. Merujuk jawapan bertulis Ketua Menteri Pulau Pinang pada sidang DUN November 2016, perkara 4(B)(XII)2, peruntukan adalah RM1.2 juta untuk menaik taraf padang Mengkuang Titi (RM400,000) dan pembinaan baru dewan Mengkuang Titi (RM800,000).
- (i) Bilakah kedua-dua projek ini akan mula dilaksanakan?
 - (ii) Tempoh masa setiap projek akan disiapkan?
2. Senaraikan jumlah penerima setiap tahun dari 2008 hingga 2017 bagi bantuan dan pinjaman perniagaan bawah Kerajaan Negeri untuk Penanti berbanding KADUN lain mengikut:
- (i) Pecahan umur dari 25 tahun, 35 tahun, 45 tahun dan 55 tahun?
 - (ii) Jumlah berasaskan gender?

3. Berapakah jumlah permohonan dan jumlah yang diluluskan bagi Program Pembasmian Kemiskinan & Projek Khas Ekonomi Pembangunan Desa bagi kawasan Penanti berbanding KADUN lain di Pulau Pinang?
 - (i) Senaraikan mengikut tahun dari tahun 2008 hingga 2017.
 - (ii) Senaraikan mengikut kategori permohonan.
4. Apakah status permohonan bagi semua surau, Sekolah Agama Rakyat/Kafa dan masjid yang berada di KADUN Penanti yang telah menghantar permohonan pembaikan/naiktaraf kepada Pejabat Agama Islam SPT?
5. Berdasarkan permohonan Penanti, Mesyuarat MMK Agama pada 23/03/2017 memutuskan rumah Zakat Pulau Pinang dibekalkan air/elektrik. Namun, Mesyuarat Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan pada 17/4/2017 dimaklumkan keputusan Lembaga ZPP hanya membekalkan elektrik. Kos RM1,500 - RM3,500 memasang paip PBA ataupun "Boring" jika tidak dapat kebenaran tuan tanah di luar kemampuan asnaf.
 - (i) Bilakah cadangan Pegawai Kebajikan Ketua Menteri untuk melancarkan Tabung Bekalan Asas air/elektrik kepada golongan asnaf/miskin dilaksanakan?
6. Dalam JKTDSP, JKR memaklumkan tender kontrak pembersihan jalan dan parit dan potong rumput dalam "kampung tersusun" perkampungan Sg.Lembu akan dibuka pada September 2017.
 - (i) Walaupun pembersihan "kampung tersusun" termasuk dalam skop kerja JKR, apakah faktor-faktor yang menyebabkan kontrak pembersihan kampung tersusun tidak dilaksanakan sejak 2013?
 - (ii) Bolehkah dipercepatkan?
7. Projek Perumahan Akasia oleh JKP di Mengkuang Titi hampir siap dilaksanakan dan perancangan awal *crossover culvert* akan dibuat oleh pihak pemaju.
 - (i) Apakah tindakan MPSP bagi memastikan air dari Kawasan Perumahan Akasia tidak melimpah menyebabkan banjir di kawasan rumah-rumah penduduk kampung?
 - (ii) Sekiranya pihak pemaju tidak membuat *culvet* tersebut, adakah longkang baru akan dibuat?
8. Bagi sesuatu projek pembangunan, MPSP/MBPP akan memohon ulasan daripada pihak JPS. Adakah pihak JPS membuat kajian terperinci keadaan di sekitar kawasan pembangunan sehingga kawasan discaj air agar tidak berlaku masalah banjir khususnya di masa akan datang?
9. Prosedur JKM bagi penerima yang gagal mengambil wang bantuan bulanan adalah menamatkan bantuan yang diterima. Prosedur ini memberikan masalah kepada penerima bantuan yang mempunyai masalah pengangkutan dan sebagainya. Apakah tindakan JKM bagi menambah baik prosedur supaya memudahkan mereka tanpa perlu membuat permohonan baru berulang kali?
10. Jabatan Veterinar Pulau Pinang ada membekal binatang ternakan kepada penternak-penternak yang memohon.
 - (i) Bolehkah penternak sedia ada dan baru mendapat dua haiwan ternakan (lembu dan kambing) dalam satu permohonan?
 - (ii) Jika boleh, apakah syarat dan prosedur yang perlu dipatuhi?
 - (iii) Berapa jumlah penternak di DUN Penanti yang diluluskan berbanding KADUN lain?

11. Senaraikan jumlah peniaga yang memohon dan telah diluluskan bantuan/mikrokredit/pinjaman dari Kerajaan Negeri dari 2013-2017 setiap tahun bagi Penanti berbanding KADUN lain mengikut jenis perniagaan ; berniaga di rumah/tiada premis, perniagaan online, pasar malam/pasar tani, gerai MPSP/MBPP/PERDA dan premis swasta.
12. Apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh EXCO/JAINPP/Mahkamah Syariah untuk memastikan waris-waris lelaki memberi nafkah mencukupi kepada tanggungan wanita/kanak-kanak bawah Seksyen 61 Undang-Undang Agama Islam Pulau Pinang?
 - (i) Latihan/kesedaran dalam kursus pra-perkahwinan kepada bakal suami-isteri dan keluarga mereka tentang tanggungjawab waris-lelaki dan hak wanita/kanak-kanak untuk mendapat nafkah dari waris-lelaki?
 - (i) Penguatkuasaan?
 - (ii) Peruntukan?
13. Pada 20 hingga 22 April 2017, JKR membaiki penahan cerun setelah kejadian tanah runtuh di Bukit Lengkok. Memandangkan jalan alternatif tanpa tol Mengkuang-Kulim ini pesat dan satu-satunya jalan keluar masuk perkampungan Sg.Lembu tapi berisiko mengalami tanah runtuh dan banjir lumpur setelah penggondolan 21 hektar bukit tanpa permohonan/kelulusan kerja tanah MPSP, bilakah MPSP/pihak berkuasa memantau agar tuan tanah melaksanakan kawalan selut?
14. Masalah JMB tidak mampu menyelenggara bangunan, baiki penutup parit bahaya, taman permainan, infra awam, kebersihan sering dibangkitkan persatuan penduduk/JMB Flat Bukit Noning, Taman Guar Perahu Indah dan flat-flat lain yang menggugat keselamatan dan risiko denggi. Adakah cadangan-cadangan MPSP bagi mengambil alih mengutip cukai pintu dan buat pembersihan dan penyelenggaraan parit/jalan/bangunan/dewan akan dilaksanakan?
15. Apakah perincian setiap 21 projek-projek perparitan bernilai RM13 juta yang diumumkan oleh Y.A.B Ketua Menteri semasa Majlis Pecah Tanah Bina Semula Bumbung Futsal di Taman Guar Perahu pada 16/4/2017 yang juga dilaporkan dalam Facebook Ketua Menteri & Sinar Harian pada 18/4/2017.
 - (i) Lokasi mengikut kampung atau JKKK?
 - (ii) Kos?
 - (iii) Tarikh laksana dan siap?
16. 45 lot di keseluruhan Kampung Tun Sardon adalah tanah pajakan .Dalam perjumpaan penduduk pada 6/3/2017 & 1/4/2017 dengan Pejabat Tanah SPT/ADUN/JKKK, permohonan utama yang disuarakan ialah:
 - (i) Adakah Pihak Berkuasa Negeri membenarkan pertukaran tanah pajakan kepada hak milik tetap?
 - (ii) Berapakah caj/ekar di 45 lot tanah pajakan Kampung Tun Sardon?
 - (iii) Bolehkah Kerajaan Negeri bantu memudahkan proses ini?
17. Memandangkan Syarikat Metro telah memulakan kerja-kerja tanah untuk membina rumah-rumah teres di belakang Taman Seri Mengkuang dan Jalan Seberang, Mukim 19, JKKK dan 500 penduduk kampung Kuala Mengkuang memohon bolehkah 2 tanah kosong Baitulmal ini dibangunkan sebagai tapak perniagaan bagi kemahiran baiki kereta, motosikal, jahitan bagi meningkatkan ekonomi penduduk kampung?

18. Penduduk kampung hanya mampu membeli tanah lot lidi sekitar RM40,000 - RM50,000 tetapi kos mendapatkan geran, bayaran pelan rumah untuk kemasukan air dan elektrik mahal dan menyusahkan. Bolehkah PDTSP/MPSP/PBA/TNB.
- (i) Membenarkan lebih lima (5) rumah dibina atas lot lidi memandangkan tanah Pulau Pinang terhad?
 - (ii) Memudahkan proses dan meminimalkan bayaran dapatkan geran?
 - (iii) Menggunakan pelan-rumah *block-design* seperti MBPP?
19. Runtuhan tebing Sungai Kulim telah berlaku pada 29/9/16 dan 24/3/17 di tepi landasan keretapi Kuala Mengkuang MK19 dilokasi [https://www.Google.Com.My/maps/place/Masjid+Kuala+Mengkuang/@5.4285644,100.4833882,786m/data=!3m1!1e3!4m5!3m4!1s0x304acefff5fc1c3f:0x5782346e763e4244!8m2!3d5.4284038!4d100.4855446?](https://www.Google.Com.My/maps/place/Masjid+Kuala+Mengkuang/@5.4285644,100.4833882,786m/data=!3m1!1e3!4m5!3m4!1s0x304acefff5fc1c3f:0x5782346e763e4244!8m2!3d5.4284038!4d100.4855446?hl=enakibat) HI=enakibat hentaman air ke tebing. Dalam JKTD pada 25/4/2017, pembinaan *sheet piling* akan dilaksanakan sebelum bulan 7/2017 oleh JPSSPT, bilakah JPSSPU akan mencuci tebing Sungai Kulim bagi mengelak runtuhan tebing tersebut berulang?
20. Flat Tenggiri telah dicat baru dibiayai 100% (RM600,000) bawah HAPPY dan ADUN. Tetapi EXCO Perumahan mengatakan dalam DUN yang HAPPY bayar 80%, penduduk/JMB bayar 20% dan tidak boleh guna peruntukan ADUN sebab ini juga duit kerajaan.
- (i) Bagaimanakah cara Flat Bukit Noning boleh dicat dan dibiayai 100% memandangkan JMB/penduduk tak mampu bayar 20% (RM120,000)?
21. Jalan JPS tepi Sg.Kulim melalui Kuala Mengkuang sehingga ke Kg.Terus menjadi tempat riadah penduduk sekitar. MMK Pelancongan pada 18/4/2017 menetapkan Penanti River Run 2017 pada 30/7/2017 dan ia adalah laluan utama larian sungai.
- (i) Bilakah pihak JPS akan menyelenggara laluan sungai tersebut seperti yang dipersetujui oleh Pengarah JPS Negeri di MMK Tebatan Banjir pada 2016?
22. Program Foodbank untuk menyelamatkan makanan pasaraya/hotel/restoran yang masih baik dan diagihkan kepada orang susah boleh menjimatkan MPSP/MBPP kos (RM100juta) pembuangan sisa pepejal ke Pulau Burong. Bagaimanakah Pihak Berkuasa Tempatan/Kerajaan Negeri boleh menggunakan penjimatan ini untuk:
- (i) Memberi pekerjaan/elaun kepada anak muda/wanita/orang kampung untuk pengutipan/penyimpanan/pemprosesan/pengedaran makanan kepada kumpulan sasaran?
 - (ii) Baiki/naik taraf gerai/dewan terbiar sebagai pusat pengumpulan/penyimpanan/pengedaran?
23. Setelah jawapan penggulungan EXCO Pertanian, penggondolan 21 hektar bukit untuk penanaman pokok hiasan tanpa permohonan/kelulusan kerja-kerja tanah MPSP telah menyebabkan banjir lumpur atas Jalan Sg.Lembu.
- (i) Adakah cadangan pengecualian permohonan kerja-kerja tanah untuk tanah/aktiviti pertanian ditolak/diluluskan Majlis Perbandaran Seberang Perai/Pihak Berkuasa Tempatan?
 - (ii) Apakah Akta/Undang-Undang tanah/aktiviti pertanian cerun bukit yang dikuatkuasakan untuk mencegah banjir lumpur berlaku lagi?

24. Y.A.B Ketua Menteri mengumumkan semasa Majlis Pecah Tanah Bina Semula Bumbung Futsal di Taman Guar Perahu pada 16/4/2017 yang 60% bajet projek Kerajaan Negeri diperuntukkan kepada Seberang Perai. Apakah perincian jumlah bajet projek di Seberang Perai berbanding Pulau mengikut:
- (i) KADUN;
 - (ii) Tarikh laksana; dan
 - (iii) Tajuk projek
25. Pekeliling Perbendaharaan PB3.3 Garis panduan langkah-langkah mengoptimalkan perbelanjaan kerajaan telah dikuatkuasakan pada 11/3/16.
- (i) Berapa penjimatan kuih/muih/minuman untuk mesyuarat (yang tidak termasuk dalam Pekeliling) tetapi SUKPP melaksanakannya?
 - (ii) Lawatan luar negara hanya terhad kepada Menteri sahaja tetapi kenapa MMK-MMK Pulau Pinang tidak ikut Pekeliling tapi sering buat lawatan luar negara?
26. Dalam jangkamasa 6 bulan telah berlaku 3 kejadian kebakaran di Penanti (Padang Ibu-1, Mengkuang Semarak-2). Kebakaran mengambil masa yang lama untuk dipadamkan kerana ketiadaan pili bomba dan punca air.
- (i) Apakah penilaian yang dibuat Jabatan Bomba Pulau Pinang bagi menyediakan pili bomba di kawasan kritikal?
 - (ii) Berapakah peruntukan pili baru untuk setiap daerah, KADUN, kampung?
- V. Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**
1. Senaraikan semua GLC Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan terperinci directornya dan general manager, sedia ada, letak jawatan, tamat khidmatnya, sejak tahun 2008.
 - (i) Adakah penyata dilaporkan semua GLC itu? (ii) Sekiranya tidak, kenapa?
 2. Huraikan dengan terperinci (bilangan/asal negara/jenis pekerjaan/halal atau haram/tempat duduk dan sebagainya) demografi pekerja asing di DTL/DBD/SPU/SPT/SPS.
 3.
 - (i) Senaraikan semua projek dengan terperinci (nama pemaju/nama projek/jenis khidmat/keluasan/ lot/pemilik tanah dan sebagainya) yang telah diluluskan, disiapkan dan dimohonkan pemaju dan korporat di Bukit Bendera sejak tahun 2008 hingga 2017.
 - (ii) Adakah permohonan pembangunan *theme park* (termasuk casino) atau hotel akan diluluskan atau dimohonkan jika ada? Dan kemukakan nama pemaju.
 4.
 - (i) Huraikan semua kos dengan terperinci (termasuk DEIA/TIA) yang terlibat untuk projek Terowong Laut Pulau ke Seberang Perai, termasuk tanah (luasnya/lot/lokasinya) yang dijadikan bayaran, dan berapa bayaran (tanah/tunai) telah dibayar setakat ini.
 - (ii) Huraikan bila tiga pakej jalanraya, terutamanya Teluk Bahang ke Tanjung Tokong akan mula kerjanya dan siapnya.
 5.
 - (i) Senaraikan semua penggondolan tanah bukit (termasuk 76m/250kaki ke atas) persendirian secara haram (dengan terperinci termasuk lot nombor/keluasan/nama tuan tanah/status tanah dsb) dalam Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008.

- (ii) Huraikan tindakan dan penguatkuasaan dengan terperinci (Akta-akta rujukan) yang telah/sedang/akan dilaksanakan pihak Kerajaan Negeri.
6.
 - (i) Huraikan status dan keadaan pembangunan semula Kampong Tanjung Tokong setakat ini?
 - (ii) Bila akan siapnya dan ke semua penduduk yang terlibat akan pindah masuk pembangunan tersebut?
 7.
 - (i) Huraikan isu pampasan kepada nelayan yang dipengaruhi projek tanah tebus guna Sri Tanjung Pinang 1 & 2, yang masih tidak diperundingkan antara nelayan (Kawasan Tanjung Tokong), LKIM, E&O, UPEN dan Kerajaan Negeri.
 - (ii) Apakah tindakan dan penyelesaian akan dilaksanakan?
 8.
 - (i) Senaraikan semua harga tanah yang dinilai Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan terperinci (DTL/DBD/SPU/SPT/SPS), termasuk pulau-pulau, misalnya Pulau Jerejak, dan bandingkan dengan harga pasaran bebas atau tender terbuka.
 - (ii) Huraikan nilai dan harga anggaran di 3 buah Pulau yang akan ditambunkan di lautan Gertak Sanggul - Teluk Kumbar - Permatang Damar Laut pada masa 30, 60 dan 100 tahun.
 9.
 - (i) Senaraikan pecahan warga emas dengan program warga emas dengan terperinci (DTL/DBD/SPU/SPT/SPS) dan pecahan dikategorikan kepada 1) sihat dan boleh berjalan, 2) tidak sihat, sakit dan tidak boleh berjalan.
 - (ii) Huraikan polisi *social welfare*, strategi dan Pelan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memberikan khidmat perubatan, skim insurans, pusat lindungan atau penyayangan kepada golongan warga emas ni.
 10.
 - (i) Huraikan dengan terperinci (termasuk projek Sri Tanjung Pinang Fasa 2, 3 buah pulau tambunan di lautan selatan) keadaan, kemampuan dan kesediaan bekalan air seluruh Negeri Pulau Pinang dan impaknya dari segi sosial, ekonomi, alam sekitar dan "sustainable development" pembangunan yang mampan.
 - (ii) Huraikan polisi, strategi dan pelan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
 11.
 - (i) Huraikan sebab-sebab dalam draf kajian semula Pelan Struktur Pulau Pinang 2007, Kerajaan Negeri tidak berhasratewartakan semula *sea grass bed* di *Middle bank* sebagai kawasan eko sistem laut *sea grass bed* Pulau Pinang dari jadi kawasan tanah tebus guna.
 - (ii) Huraikan Negeri Kerajaan Pakatan lebih berhasrat pembangunan daripada alam sekitar.
 12.
 - (i) Senaraikan dengan terperinci rombongan MMK dan PBT (nama rombongan/Ahli yang mengikut/tujuan/anggaran perbelanjaan/negara yang dikunjungi/laporan lawatan) ke luar negara dari tahun 2016 hingga 1 Mei 2017.
 - (ii) Berapa kunjungan lagi akan dicadangkan hingga hujung tahun 2017?
 13. Huraikan prestasi Jabatan Penguatkuasaan sejak penubuhannya dan pelannya pada masa jangka pendek dan panjang, termasuk latihan, peralatan, undang-undang, peruntukan dan kelayakan kemasukan kaki tangan.
 14. Huraikan prestasi mesyuarat tindakan daerah bagi setiap daerah (DTL/DBD/SPU/SPT/SPS) dan kategorikan dan asingkan isu-isu mengikut jenis dan popular.

15. Huraikan semua soalan bertulis Dewan ini sejak 2008 berdasarkan kandungannya dikategorikan dan asingkan jenis mengikut MMK.
16.
 - (i) Huraikan dengan terperinci strategi, pelan dan sistemnya Kerajaan Negeri melaksanakan pengasingan sisa pepejal dari punca (*Segregation At Source*) agar mencapai 65% kitar semula dalam 10 tahun lepas sistem tersebut dikuatkuasakan.
 - (ii) Huraikan perlunya Undang-undang Khas untuk maksud tersebut digubalkan Pihak Berkuasa Tempatan.
 - (iii) Senaraikan peruntukan sedia ada dan/atau draf untuk pengasingan sisa pepejal, jika ada.
17.
 - (i) Senaraikan jadual dan khidmat bas awam seluruh Negeri Pulau Pinang dan huraikan strategi, pelan dan polisi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan pengguna pengangkutan awam terutamanya bas awam ke tahap sekurang-kurangnya 35% dalam masa 20 tahun.
 - (ii) Apakah *hardware* dan *softwarena*, misalnya *free bus*, kurangkan pintu cukai, *environment charge*, *pollution charge* dan sebagainya.
18.
 - (i) Huraikan rancangan, strategi, polisi dan visi MMK Pelancongan untuk mempertingkatkan sumbangan sektor pelancongan dalam GDP ke tahap lebih tinggi lagi iaitu 60%.
 - (ii) Huraikan mustahaknya infrastruktur untuk mencapai sasaran tersebut.
19. Senaraikan semua pemilik rumah warisan dalam zon warisan George Town dengan terperinci (nama pemilik/jenis dan kegunaan rumah/keluasan/lot dan sebagainya) dan huraikan impaknya rumah di zon tersebut kepada status warisan George Town dan polisi, strategi dan pelan untuk memelihara hidungnya, keunggulan dan unik sosial aktiviti George Town terus makmur dan mampan bersejarah.
20.
 - (i) Huraikan sebab-sebab kemerosotan sektor perindustrian Negeri Pulau Pinang dan strategi memeliharakannya.
 - (ii) Huraikan polisi dan strategi Kerajaan Negeri memperuntungkan diri dari *One Belt One Route* oleh negara China dari segi sosial ekonomi, pelancongan, sejarah dan ekonomi marin, sebagai satu pelaburan internasional dan tradisional dalam Selat Melaka yang berkhidmat kepada Timur dan Barat.
21.
 - (i) Huraikan dengan kronologi terperinci keadaan isu Kampong Mutiara di Batu Feringghi.
 - (ii) Huraikan keadaan pembangunan Kampong Ceti di Batu Feringghi dengan terperinci, termasuk pampasan dan senarai penduduk dalam lot-lot pembangunan tersebut dan jadual persiapan dan pemindahan penduduk ke LMC yang perlu disiapkan pemaju kepada penduduk dalam lot tersebut.
22.
 - (i) Senaraikan semua permohonan pembangunan bertingkat (*high rise*) dengan terperinci (nama projek/nama pemaju/jenis/tingkat/nombor unit/lot nombor/lokasi dan sebagainya) yang dikemukakan pemaju di KADUN Tanjong Bunga hingga 15 April 2017.
 - (ii) Huraikan impaknya kepada sosial, alam sekitar, trafik, pelancongan dan kemudahan/infra asas.

23. Senaraikan semua kemudahan dan pelabuhan *Yatch* yang sedia ada di seluruh Negeri Pulau Pinang dan huraikan kegagalan operasi pusat/dermaga tersebut dengan terperinci (kapasiti/lokasi/kos operasi/khidmat sebagainya) dan persaingan, sumbangan pemasaran dan ekonomi kepada negeri. Apakah rancangan negeri dalam bidang ini?
24. (i) Huraikan prestasi, polisi, visi dan misi Jawatankuasa *Religion Inter Faith* dan keahliannya.
- (ii) Apakah rancangan yang lebih sejahtera akan dilaksanakan?
25. Senaraikan semua pulau di seluruh Negeri Pulau Pinang dan pemiliknya (lokasi/nama pemilik/lot nombor/kegunaan/zon/luasan sebagainya) dan huraikan polisi, rancangan dan pelan Kerajaan Negeri atasnya pada masa panjang.
26. Huraikan kelewatan siapnya projek-projek mega MBPP/MPSP, misalnya Pasar Awam Batu Feringghi dan Pasar Awam Chowrasta, disebabkan tiada Ombudsman. Bila pasar awam Batu Feringghi akan diserahkan MBPP dan semua pengusaha pasar awam sementara Batu Feringghi di tepi jalan patut dimasukkan ke dalam pasar awam Batu Feringghi?
27. Senaraikan semua haiwan dan tumbuhan (fauna flora) asal negeri yang dilindungi dan dipelihara, termasuk laut, dan huraikan polisi, rancangan dan pelan Kerajaan Negeri untuk memastikan alam sekitar mereka tidak terjejas. Misalnya kuda laut dan *sea grass bed* di *Middle Bank*, langgur di Bukit Bendera, *monkey cup* di Bukit Bendera sebagainya.
28. (i) Huraikan pengusaha kedai runcit (Jalan Magazine), penjaja (di tepi jalan, Batu Feringghi), pemandu, kereta sewa (Batu Feringghi), pengusaha kedai makanan (di Komtar), nelayan asing (di Tanjung Bunga dari Patani, Thailand), telah mengancam kehidupan dan rezeki penduduk tempatan.
- (ii) Apakah polisi, rancangan dan tindakan dilaksanakan Pihak Berkuasa Tempatan agar hak warganegara terpelihara.
29. Huraikan prestasi, tindakan dan rancangan, dengan statistik terperinci, Jawatankuasa Keselamatan Negeri mempertingkatkan keselamatan warganegara dan negeri daripada ancaman jenayah, keganasan, terrorisme, aktiviti haram (termasuk money game) dan buli di sekolah yang semakin teruk.
- VI. Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**
1. (i) Berapakah buah rumah baru yang telah dibina dan berapa buahkah rumah (lama) untuk asnaf yang telah dibaiki oleh Zakat Pulau Pinang untuk tahun 2016?
- (ii) Sila nyatakan mengikut kawasan Parlimen bersama jumlah peruntukan yang digunakan.
2. Berapakah pertumbuhan Keluaran Negeri Kasar (GDP) yang telah dicapai oleh Negeri Pulau Pinang dan berapakah pertambahan pendapatan per kapita rakyat negeri ini untuk tahun 2014, 2015 dan 2016?
3. Sila nyatakan jumlah kemasukan pelancong ke Negeri Pulau Pinang pada tahun 2016 mengikut negara-negara mereka dan berapakah jumlah purata hari yang mereka tinggal di Pulau Pinang dan jumlah perbelanjaan purata setiap pelancong semasa di Pulau Pinang.
4. (i) Adakah Negeri Pulau Pinang menyediakan tapak-tapak untuk *foodtruck* berniaga?
- (ii) Kalau ada di mana dan berapakah lesen *foodtruck* yang telah dikeluarkan selama ini oleh MPSP dan MPPP?

5.
 - (i) Berapakah sungai-sungai di Pulau Pinang yang dikategorikan sebagai sakit dan mati?
 - (ii) Apakah sebab-sebabnya dan apakah rancangan Negeri Pulau Pinang untuk menangani masalah itu?
6.
 - (i) Berapakah permohonan yang dibuat oleh pasangan yang berkahwin di luar negara untuk mendaftar perkahwinan mereka di Pulau Pinang?
 - (ii) Sila nyatakan tempat dan negara mana mereka berkahwin dan jumlah denda yang dibayar?
7.
 - (i) Berapakah jumlah kes yang melibatkan kesalahan seksual ke atas kanak-kanak atau bawah umur yang dilaporkan di Pulau Pinang sejak tahun 2014, 2015 dan 2016 dan berapakah jumlah kes itu didakwa di mahkamah?
 - (ii) Adakah tindakan yang diambil oleh JKM, MAINPP dan lain-lain agensi yang berkaitan untuk membantu mangsa dan keluarga yang terlibat.
8.
 - (i) Sila senaraikan sekolah-sekolah kluster kecemerlangan (SKK) dan sekolah berprestasi tinggi yang terdapat di Pulau Pinang.
 - (ii) Apakah kelebihan yang diperolehi oleh sekolah-sekolah ini dan setakat manakah prestasi akademik / kokurikulum yang mereka capai berbanding dengan sekolah biasa?
9.
 - (i) Berapakah jumlah penjawat awam yang terdapat di dalam Kerajaan Negeri dan agensi-agensinya.
 - (ii) Sila nyatakan mengikut jumlah masing-masing sama ada berjawatan tetap atau kontrak.
10.
 - (i) Apakah yang akan dilaksanakan secara bersama oleh *Penang International Halal Hub* dengan Central Spectrum (M) Sdn Bhd dalam persefahaman yang dimeterai pada 24 Februari 2017?
 - (ii) Berapakah syarikat yang terlibat dalam PIHH dan berapakah jumlah nilai perdagangan yang dijanakan?
11.
 - (i) Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membantu Jawatankuasa Penubuhan Bersama (JMB) bangunan-bangunan yang berstrata milikan untuk membuat persediaan pelaksanaan Akta Strata (Pindaan) 2016 yang akan dikuatkusakan pada Januari 2018?
 - (ii) Apakah implikasi ke atas JMB dan pemilik sekiranya mereka tidak bersedia?
12. Dengan pembangunan semula *Roof Top Komtar, helipad* yang terletak di atas bangunan KOMTAR telah tiada. Bagaimanakah persediaan kemudahan dan ciri-ciri keselamatan untuk menghadapi kecemasan serta cara untuk membuat *vacuation* sekiranya ia berlaku?
13. Apakah dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang tentang penubuhan PPS setelah kes diputuskan di Mahkamah Rayuan pada 22 November 2016?
14. Kerajaan Negeri mengumumkan tawaran seluas 20 ekar untuk tapak rumah-rumah ibadat di Ampang Jajar. Sila nyatakan setakat ini berapakah permohonan yang telah dibuat/diluluskan dan nilai harga keluasan masing-masing.
15.
 - (i) Berapakah jumlah kutipan bayaran *in lieu* untuk tidak menyediakan tempat letak kereta yang dibayar oleh pemaju di MBPP dan MPSP sehingga April 2017?

- (ii) Bagaimanakah wang ini dibelanjakan setakat ini dan apakah dasar tentang penyediaan tapak letak kereta yang dilaksanakan?
16. Apakah status tanah kampung tersusun Bagan Lebai Tahir, Teluk Air Tawar dan apakah dasar Kerajaan Negeri tentang tanah pajakan yang pendek (30 tahun)?
 17. Berapakah tanah-tanah TOL, pajakan, bermilik yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri sejak 2008 hingga sekarang. Sila senaraikan mengikut daerah.
 18. Apakah status tapak dan bangunan PDC di Bayan Baru yang akan diswastakan kepada Syarikat Temasek Limited, Singapura?
 19. Sila senaraikan penerima pencen dan pencen terbitan di bawah Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 1980 mengikut nama, parti yang diwakili dan jumlah pencen yang diterima dan sejak bila?
 20. Sila nyatakan prestasi inisiatif bantuan mikro kredit yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sila senaraikan nama penerima bantuan, jumlah yang diberi dan jenis projek mengikut daerah.
 21. Adakah PDC mempunyai sebarang perancangan untuk membina/menyediakan tambahan ruang niaga/tapak IKS dari yang sedia ada untuk membantu usahawan kecil dan sederhana di Pulau Pinang yang memerlukan ruang niaga mampu milik?
 22. Sila senaraikan kampung-kampung yang diwartakan sebagai kampung tradisional di Pulau Pinang. Apakah ciri-ciri/kriteria yang diguna pakai dan adakah yang ditakrifkan sebagai kampung warisan?
 23. Berapakah jumlah bantuan peruntukan yang diberi kepada sekolah-sekolah agama islam, sekolah-sekolah tahfiz, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil sejak 2013 sehingga sekarang? Sila senaraikan mengikut tahun.
 24. (i) Sila jelaskan adakah PDC atau Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai ekuiti dalam Tanjung Pinang Development Sdn Bhd?
(ii) Adakah Tanjung Pinang Development Sdn Bhd bertanggungjawab ke atas kos perbelanjaan dalam STP2 dan projek Gurney? Sekiranya ya, sila huraikan dengan terperinci.
 25. (i) Adakah pelan pembangunan Pulau Jerejak telah dibuat ubahsuai dan adakah masterplan pembangunan Pulau Jerejak telah diluluskan oleh MBPP?
(ii) Bilakah hutan simpan di pulau itu akan digazetkan?
 26. Sila maklumkan perkembangan semula PISA yang telah dilaksanakan dengan apakah faedah yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri melalui pembangunan tersebut?
 27. Berapakah kadar pengangguran di Pulau Pinang mengikut sektor dan berapakah jumlah gunatenaga warga negara asing yang ada di Pulau Pinang?
 28. (i) Berapakah jumlah teksi yang terdapat di Pulau Pinang dan berapa peratuskah penggunaan teksi di dalam penyediaan pengangkutan awam untuk negeri ini.
(ii) Adakah kesan ke atas mereka daripada penyediaan kemudahan pengangkutan seperti UBER?
 29. Sila nyatakan perkembangan pelaksanaan pelan pengangkutan awam di Pulau Pinang.
 30. Berapa banyakkah tanah yang dibuat pengambilan sejak 2013? Sila nyatakan lot/keluasan serta kos.

VII. Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapa projek pembinaan rumah kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik yang dirancang oleh Kerajaan Persekutuan dan siap dibina di setiap daerah Negeri Pulau Pinang jika dibandingkan dengan projek di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan projek di bawah syarikat swasta dari tahun 2008 hingga 2017?
2. Apakah status pembangunan rumah di Kampung Kalidonia dan Kampung Victoria oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?
 - (i) Jenis rumah apa yang akan dibina?
 - (ii) Pihak mana yang akan membina rumah tersebut?
 - (iii) Bilakah projek ini dijangka bermula?
3. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk membina satu kolam renang di kawasan Seberang Perai Selatan bersebelahan dengan kawasan Kompleks Sukan SPS di KADUN Jawi seperti yang saya cadangkan dalam sidang dewan dua tahun yang lepas?
4. Mengapa sehingga kini masih terdapat banyak kawasan di KADUN Jawi yang tiada atau kekurangan pili bomba?
 - (i) Adakah pihak bomba mempunyai rancangan untuk membina pili bomba di kawasan kampung atau luar bandar?
 - (ii) Sila nyatakan statistik pili bomba yang berfungsi dan tidak berfungsi di setiap daerah sehingga kini.
5. Terdapat berapa kilang yang haram atau tidak berlesen tetapi masih beroperasi di setiap daerah?
 - (i) Sila nyatakan bilangan kilang yang telah diberi lesen dalam proses pemutihan dan tempoh operasi dari pemutihan.
 - (ii) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cara untuk memastikan kilang-kilang yang beroperasi tanpa lesen ini tidak menyebabkan pencemaran alam sekitar?
6. Berapa kenderaan tanpa milik yang telah ditunda oleh MBPP dan MPSP serta telah dilupuskan setelah mendapat kelulusan Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak Polis dari tahun 2013 hingga 2017?
 - (i) Berapa lama proses untuk melupuskan kenderaan tanpa milik ini?
7. Apa cara penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyelesaikan masalah kekurangan tempat letak kereta di setiap kawasan terutamanya di kawasan bandar?
 - (i) Berapa unit tempat letak kereta yang patut disediakan oleh syarikat pemaju dalam skim projek perumahan yang baru?
 - (ii) Bilakah garis panduan ini akan dikaji balik?
8. Bilakah projek pembangunan kawasan perindustrian ringan di Changkat dan Byram oleh Syarikat Sime Darby dan PDC dijangka bermula dengan bilangan kilang yang dijangka dibina?
 - (i) Sila nyatakan jumlah keluasan tanah yang akan dibangunkan oleh Kerajaan Negeri dan syarikat swasta untuk perindustrian ringan di Changkat dan Byram?

9. Setakat ini kawasan Seberang Perai Selatan tiada dewan besar seperti SP Arena di Seberang Perai Tengah untuk kegunaan penduduk tempatan. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk membina satu dewan besar di Seberang Perai Selatan untuk memudahkan penduduk tempatan di sini?
10. Berapa peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan pembangunan kawasan luar bandar di kawasan Seberang Perai Selatan setiap tahun?
 - (i) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk menambah peruntukan dalam bajet 2018 untuk pembangunan dan pembinaan jalan kampung, parit konkrit dan pemasangan tiang lampu jalan di kawasan luar bandar SPS?
11. Pembangunan sukan amat penting. Berapa projek pembangunan sukan yang sedang dijalankan di Negeri Pulau Pinang?
 - (i) Berapa peruntukan yang disalurkan kepada Majlis Sukan Negeri setiap tahun?
12. Berapa peruntukan MARRIS yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri di setiap daerah dari tahun 2013 hingga 2017?
 - (i) Di KADUN Jawi berapa projek yang telah disiapkan dengan peruntukan MARRIS dari tahun 2013 hingga 2017?
 - (ii) Sila nyatakan projek dan kos perbelanjaan projek yang terlibat.
13. Bilakah perhentian bas di Jalan Atas Nibong Tebal akan dibina?
 - (i) Adakah Kerajaan Persekutuan atau Syarikat Prasarana mempunyai rancangan untuk pembinaan perhentian bas ini?
 - (ii) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjayakan rancangan ini?
14. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan kerajaan tempatan mempunyai cara penyelesaian supaya lori-lori yang keluar dari kuari tidak melebihi had muatan dan membahayakan pengguna jalan raya?
15. Adakah pihak polis mempunyai rancangan dan peruntukan untuk membina kiosk atau pondok polis di kawasan perumahan supaya dapat mengurangkan kes jenayah?
 - (i) Berapa kes jenayah yang berlaku di setiap daerah setiap tahun dari tahun 2013 hingga 2017?
 - (ii) Berapa kes jenayah yang melibatkan golongan pemuda di setiap daerah?
16. Berapa kes jenayah yang berlaku di KADUN Jawi Seberang Perai Selatan setiap tahun dari tahun 2013 hingga 2017?
 - (i) Terdapat berapa kes jenayah di mana penjenayah berjaya ditangkap oleh pihak polis di kawasan KADUN Jawi dari tahun 2013 hingga 2017? Sila nyatakan.
17. Sila nyatakan jumlah rumah kediaman yang ditukar untuk kegunaan perniagaan tanpa kelulusan MPSP di setiap daerah SPU, SPT dan SPS.
 - (i) Apakah tindakan yang akan diambil oleh MPSP untuk mengatasi masalah ini untuk mengurangkan gangguan kepada jiran-jiran berdekatan?
18. Berapa jumlah kompaun yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) kepada pemilik lori yang membawa lori melebihi had muatan setiap tahun dari tahun 2013 hingga 2017?

- (i) Berapa kompaun yang telah dibayar dan belum dibayar setakat ini?
19. Adakah Suruhanjaya Pengangkutan Awam (SPAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) boleh menggantung lesen pemandu lori yang membawa lori melebihi had muatan dan tidak membayar kompaun?
20. Berapa saman yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar setiap tahun dari tahun 2013 hingga 2016 di setiap daerah kepada kilang-kilang yang menyebabkan pencemaran alam sekitar?
- (i) Berapa kilang yang ditutup atau ditarik balik lesen atas sebab pencemaran alam sekitar setakat ini? Sila nyatakan mengikut daerah.
21. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan baru untuk melebarkan Jalan Ooi Kah Seng memandangkan kenderaan dijangka akan bertambah dan kesesakan lalulintas akan berlaku sehingga ke Jalan Atas selepas jambatan baru sambung Tanjung Berembang ke Jalan Victoria?
22. Adakah Kerajaan Negeri dan kerajaan tempatan mempunyai cara penyelesaian untuk menambah tempat letak kereta di sekeliling kawasan Maybank dan Public Bank di Jalan Atas Nibong Tebal, di mana aduan seringkali diterima berkaitan tempat letak kereta tidak mencukupi?
23. Adakah sebarang pelan kebenaran merancang pernah dimohon oleh mana-mana pihak untuk pembangunan perhentian bas dan perhentian teksi di kawasan pekan Nibong Tebal?
- (i) Jika ada, sila nyatakan bila pelan kebenaran merancang dipohon.
24. Kebersihan premis makanan amat penting. Berapa operasi tindakan semakan diambil oleh Kementerian Kesihatan di setiap daerah setiap tahun?
- (i) Berapa kompaun telah dikeluarkan kepada pemilik premis makanan yang kotor dan langgar peraturan di setiap daerah dari tahun 2013 hingga 2016?
25. Berapa tindakan tutup premis makanan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan dari tahun 2013 hingga 2016 di setiap daerah?
- (i) Sila nyatakan premis-premis yang ditutup atas sebab kekotoran di setiap daerah mulai tahun 2013 hingga tahun 2016.
- (ii) Adakah premis makanan yang tidak berlesen juga diambil tindakan untuk semakan kebersihan?
26. Berapa jumlah kompleks makanan dan jumlah gerai yang ada di bawah jagaan Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan?
- (i) Sila nyatakan jumlah kutipan untuk kompleks makanan dan gerai tersebut oleh Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan setiap tahun dari tahun 2013 hingga 2016.
27. Berapa banyak gerai yang masih kosong di daerah Seberang Perai Selatan?
- (i) Adakah pejabat daerah Seberang Perai Selatan mengambil tindakan tarik balik gerai kosong yang tidak berniaga dan buka temuduga semula untuk gerai-gerai tersebut?
28. Adakah Jabatan Veterinar menjalankan suntikan vaksin untuk penyakit *Rabbies* di setiap daerah dari tahun 2015 hingga April 2017?

- (i) Mengapa Jabatan Veterinar tidak membuat suntikan vaksin untuk *Rabbies* di luar seperti di dewan orang ramai dan kawasan perumahan?
29. Berapa peruntukan yang disalurkan kepada Perbadanan Perpustakaan Negeri Pulau Pinang oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan setiap tahun dari tahun 2010 hingga 2017?
30. Sila nyatakan statistik pusat hiburan atau *siber cafe* yang ada mesin berjudi yang telah ditutup oleh pihak polis setiap tahun dari tahun 2013 hingga April 2017.
- (i) Terdapat berapa pusat hiburan atau *siber cafe* yang ada mesin berjudi masih beroperasi di setiap daerah?

VIII. Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Cadangan Kerajaan Negeri untuk sekali lagi menaikkan kadar surcaj penggunaan air domestik dari 48 sen ke 100 sen bagi setiap 1000 liter penggunaan melebihi 35,000 liter sebulan atas alasan pemuliharaan air akan membebankan pengguna-pengguna. Jika cadangan tersebut dilaksanakan, nyatakan jumlah keuntungan yang akan diperolehi oleh Kerajaan Negeri dan PBAPP?
2. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan kadar surcaj penggunaan air domestik pada 2010 sebanyak 24 sen dan dinaikkan ke 48 sen pada tahun 2013 bagi setiap 1000 liter penggunaan melebihi 35,000 liter sebulan. Jelaskan dengan terperinci jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk kempen kesedaran mengurangkan penggunaan air dan sebab-sebab kenapa kempen tersebut gagal?
3. Terdapat aduan daripada penduduk di kawasan Kuala Muda, Bakau Tua, Kampung Kanchut dan Sungai Kedak bahawa terdapat beberapa ekor babi hutan yang sering mengganggu ketenteraman penduduk di kawasan tersebut. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tersebut?
4. Program Bantuan Pukat kepada Nelayan Pesisir Pantai di Pulau Pinang yang bermula pada 2013 dengan memberi dua kali setahun bagi meringankan beban sara hidup nelayan. Bagi siri ke 6 nyatakan jumlah nelayan
 - (i) Seluruh Pulau Pinang;
 - (ii) Dalam KADUN Penaga mengikut unit-unit nelayan. Jika tidak semua, sila beri sebabnya?
5. Dalam Sidang DUN bertarikh 15/11/2016 Perkara: 4(B)(X1)12 MPSP mendapati bangunan yang didirikan atas Lot 5316 dan Lot 5328 Mukim 5, SPU tidak mempunyai kelulusan. MPSP telah mengeluarkan Notis Binaan Tanpa Kebenaran pada 24/09/2014, Notis Meruntuh pada 27/10/2016 dan Notis Mengosong pada 28/10/2016. Jelaskan kenapa bangunan tersebut masih belum diruntuhkan?
6. Nyatakan status terkini pembinaan Galeri Arkeologi Guar Kepah dalam KADUN Penaga. Jelaskan apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menjadikan tempat bersejarah ini sebagai destinasi pelancongan dan adakah penemuan di Guar Kepah lebih tua daripada penemuan di Lembah Bujang, Kedah?
7. Sila jelaskan status terkini pembinaan Terowong Dasar Laut yang menghubungkan Persiaran Gurney dengan Bagan Ajam. Adakah Kerajaan Negeri sudah menghantar dokumen-dokumen yang berkaitan kepada kerajaan pusat untuk mendapatkan kelulusan, jika perlu?

8. Kerajaan Negeri masih gagal atasi banjir kilat seperti baru-baru ini di beberapa kawasan utama antaranya sekitar Bayan Lepas, Batu Lanchang, Bukit Jambul, Sungai Pinang, Jalan P. Ramlee dan Jalan Taman Free School. Sila jelaskan status terkini kerja-kerja yang dilaksanakan berdasarkan peruntukan yang dibentangkan dalam Sidang DUN yang lepas?
9. Kenapa Y.A.B. Ketua Menteri masih tidak mahu melepaskan jawatan sebagai Ketua Menteri sedangkan beliau sudah didakwa di Mahkamah atas kesalahan rasuah? Adakah ini bercanggah dengan slogan Kerajaan Negeri 'CAT'?
10. Terdapat rungutan daripada para nelayan berkaitan dengan lumpur/selut berkumpul sekitar muara Sungai Kuala Muda termasuk jeti Kuala Muda, Penaga yang mana menimbulkan masalah kepada para nelayan semasa air laut surut. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mendalamkan muara Sungai Muda termasuk kawasan jeti Kuala Muda?
11. Sila senaraikan secara terperinci jumlah ekar penambakan tanah di Pulau Pinang mengikut nama projek, nama pemaju serta keluasan penambakan yang diluluskan termasuk tiga (3) pulau besar di projek SRS Consortium dan jelaskan kos projek setiap pulau tersebut?
12. Sila senarai dengan terperinci termasuk nama syarikat pemaju dan projek jumlah sumbangan daripada pemaju yang tidak menyerahkan tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang dikutip oleh MPSP dan MBPP sejak 2007 dari pemaju.
13. Sila nyata dan senaraikan peratusan projek penambakan Gurney dan Projek STP2 yang telah selesai.
14.
 - (i) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membangunkan Pulau Jerejak?
 - (ii) Sekiranya ya, sila huraikan dengan terperinci pelan induk pembangunan dan pelan cadangan.
 - (iii) Dimanakah lokasi tepat untuk membina jambatan yang menyambungkan Pulau Pinang ke Pulau Jerejak?
15. Nyatakan, jika ada, apa-apa perancangan Kerajaan Negeri untuk:
 - (i) Membangunkan pekan Penaga ataupun lain-lain tempat di KADUN Penaga;
 - (ii) Menaiktaraf Jalan Besar Penaga (Jalan Utama) dari pekan Penaga ke Permatang Bendahari; dan
 - (iii) Jalan-jalan kecil berhampiran Pasar Nelayan Penaga.
16. Berkaitan dengan tanah pajakan yang akan/telah luput tempohnya, sila senaraikan:
 - (i) Nombor lot tanah/tempat, nama pemilik, jenis kegunaan tanah dan keluasan tanah pajakan tersebut yang telah dilanjutkan tempoh dan jumlah premium yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri mengikut tahun sejak 2008 sehingga Mei 2017.
17. Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia telah membuat lawatan ke Negara China, India dan lain-lain negara dan berjaya membawa pelaburan yang besar ke Malaysia. Pada pendapat Y.A.B. Ketua Menteri, adakah lawatan/pelaburan tersebut boleh juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Pulau Pinang dan memberi manfaat kepada rakyat Pulau Pinang?
18. Senaraikan nama-nama Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dalam Parlimen Kepala Batas. Berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada sekolah-sekolah tersebut mengikut tahun sejak 2008 sehingga 2017?

19. Terdapat aduan daripada penduduk Kuala Muda bahawa pada masa kini terdapat ramai Pendatang Tanpa Izin (PATI) yang tinggal di kawasan Kuala Muda dan jumlahnya meningkat setiap tahun. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membendung dan mengatasi masalah tersebut untuk memastikan ketenteraman dan kesejahteraan kehidupan penduduk di situ?
20. (i) Berhubung dengan proses pemutihan hotel tanpa lesen, berapakah jumlah hotel tanpa lesen yang sudah memiliki lesen dan jumlah hotel yang masih beroperasi tanpa lesen?
(ii) Apakah tindakan Kerajaan Negeri ke atas operator hotel tanpa lesen?
21. Senaraikan dengan terperinci nama projek perumahan, pemaju, lot tanah, keluasan, jumlah unit rumah kediaman/bangunan komersial yang diluluskan untuk pembangunan dalam KADUN Penaga sejak 2008 sehingga 2017. Nyatakan status pembinaan setiap projek perumahan tersebut.
22. Adakah Kerajaan Negeri merancang mendirikan Pusat Haemodialisis dalam KADUN Penaga untuk kemudahan pesakit melalui program CSR memandangkan terdapat ramai pesakit dalam KADUN Penaga yang terpaksa pergi ke Kepala Batas dan lain-lain tempat untuk mendapat rawatan.
23. Adakah Kerajaan Negeri merancang mendirikan Projek Perumahan Nelayan di atas tanah Kerajaan Negeri di kawasan Kampung 20 Tepi Laut dan lain-lain kawasan dalam KADUN Penaga memandangkan majoriti penduduk di situ adalah nelayan?
24. Industri Pelancongan merupakan salah satu penyumbang pendapatan kepada ekonomi negeri Pulau Pinang. Berapakah jumlah pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2015 dan 2016?
25. Terdapat rungutan daripada nelayan dalam KADUN Penaga bahawa hasil penangkapan ikan semakin berkurangan pada masa ini jika dibandingkan dengan beberapa tahun dahulu. Sila beri statistik jumlah penangkapan ikan nelayan persisir pantai dan nelayan laut dalam mengikut tahun dari 2008 hingga 2017.
26. Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam membantu para nelayan meningkatkan pendapatan sampingan melalui produk-produk laut yang boleh dikomersilkan? Jika ada, sila nyatakan dengan terperinci program-program yang telah/sedang dilaksanakan.
27. Sila senaraikan berapa bilangan JKKN dalam KADUN Penaga dan nyatakan juga nama-nama Pengerusi JKKN mengikut kawasan JKKN dalam KADUN Penaga.
28. Sila nyatakan status Projek Pengangkutan Negeri Pulau Pinang.
29. Sila nyatakan status terkini projek ZIA Penaga? Adakah laporan DEIA telah diperolehi?
30. (i) Apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan muda termasuk graduan-graduan universiti yang masih menganggur untuk mencari pekerjaan?
(ii) Sila nyatakan setakat hari ini berapa jumlah golongan muda yang menganggur telah berjaya dibantu oleh Kerajaan Negeri mendapatkan pekerjaan.

- IX. Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**
1. Senaraikan jumlah ibu tunggal/ibu tunggal dan OKU (kategori kecacatan) di DUN Sungai Pinang sehingga kini. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membantu mereka menambah pendapatan dan lebih berdikari dalam pelbagai bidang yang bersesuaian selain daripada bantuan kewangan? Sila huraikan dengan terperinci.
 2. Berapakah jumlah terkini permohonan penyewaan Perumahan Rakyat (PPRT) di bawah Kerajaan Negeri dan kerajaan tempatan di Pulau Pinang mengikut pecahan kaum, status dan daerah. Nyatakan:
 - (i) Jumlah keseluruhan unit kosong dan unit yang telah disewakan.
 - (ii) Jumlah unit dan amaun tertunggak.
 - (iii) Jumlah unit yang diambil tindakan untuk pengosongan sehingga kini.
 3. Huraikan:
 - (i) Berapakah buah pondok perhentian bas di Pulau Pinang?
 - (ii) Adakah semua pondok perhentian bas ini mempunyai ciri-ciri mesra OKU dan dipasang lampu demi menjamin keselamatan pada waktu malam?
 - (iii) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menambah baik kegunaan perhentian bas misalnya dari segi pendidikan dan penyebaran polisi kerajaan?
 4. Bilangan gelandangan semakin bertambah. Sila nyatakan:
 - (i) Statistik jumlah gelandangan di Pulau Pinang terutamanya di kawasan Daerah Timur Laut mengikut pecahan kaum dan status;
 - (ii) Punca bertambahnya bilangan gelandangan; dan
 - (iii) Apakah perancangan Kerajaan Negeri sama ada dari segi jangka panjang atau jangka pendek untuk membantu golongan gelandangan?
 5. Sila nyatakan:
 - (i) Jumlah kenderaan usang/terbiar yang telah disita/ditunda oleh MBPP dan yang masih dalam stor MBPP sehingga kini.
 - (ii) Jumlah kenderaan usang/terbiar yang telah dikeluarkan notis tetapi masih dalam proses penundaan.
 - (iii) Apakah perancangan MBPP untuk menangani masalah kenderaan usang/terbiar yang semakin berleluasa?
 6. Sila huraikan tunggakan sewaan tahunan PPR Kerajaan Negeri, MBPP dan MPSP sejak 2008 hingga kini.
 - (i) Berapakah jumlah unit kekosongan dan bilangan pemohon yang masih dalam senarai menunggu? Senaraikan.
 - (ii) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah tunggakan sewaan yang timbul sekian lama ini?

7. Pulau Pinang terkenal sebagai *Food Paradise*. Dimaklumkan harga makanan telah meningkat melampau misalnya di kompleks makanan MBPP di mana harga sewaan yang murah. Apakah perancangan/ tindakan Kerajaan Negeri untuk menangani permasalahan harga yang melampau tinggi yang bakal menjejaskan nama *Food Paradise* yang satu-satunya faktor utama menarik pelancong ke Pulau Pinang? Huraikan.
8. Perniagaan 'Food Truck' semakin disambut baik.
 - (i) Nyatakan bilangan pemohon *Food Truck* dan bilangan yang diberikan lesen oleh MBPP dan MPSP sehingga kini;
 - (ii) Huraikan garis panduan untuk kelulusan lesen perniagaan oleh kerajaan tempatan;
 - (iii) Apakah perancangan dan usaha Kerajaan Negeri untuk membantu perniagaan *Food Truck*? Sila nyatakan.
9. Unit komersial MBPP di Projek Turnkey Taman Sri Pinang Jalan Sungai mengalami masalah penyelenggaraan dan kurang sambutan. Sila huraikan:
 - (i) Jumlah keseluruhan unit dan status unit komersial yang masih terbengkalai;
 - (ii) Perancangan atau usaha MBPP untuk mempromosikan tempat tersebut misalnya dijadikan suatu Halal Hub, pusat komuniti amal dan sebagainya.
10. Astaka Serina Bay di Hilir Sungai Pinang tidak mendapat sambutan baik dan telah menjadi serupa *white elephant*. Ini telah menjejaskan usaha Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat menjana pendapatan melalui berniaga. Huraikan;
 - (i) Latar belakang dan status terkini Astaka Serina Bay
 - (ii) Perancangan/usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan ia lebih mampan.
11. Senaraikan projek yang telah dibajetkan oleh MBPP untuk dilaksanakan di KADUN Sungai Pinang sejak tahun 2013 hingga kini. Huraikan sama ada semua projek yang dibajetkan telah sempurna dilaksanakan? Jika tidak, kenapa?
12. Kes pokok tumbang sering berlaku terutamanya musim hujan. Huraikan kaedah yang diambil oleh MBPP dalam pemantauan pertumbuhan/keadaan pokok-pokok. Insiden pokok tumbang di 337-C, Jalan Perak pada 18/9/2016 mengakibatkan kerosakan harta benda penduduk. Tuduhan bahawa jabatan tidak mengambil serius/tindakan proaktif tentang aduan dibuat oleh penduduk sebelum berlakunya insiden. Sila beri penjelasan.
13. Kawasan sekeliling Bandar Sri Pinang, Jelutong semakin bangun dengan pesat. Masalah kesesakan lalu lintas kian serius. Apakah perancangan jangka panjang dan jangka pendek Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Bandar Sri Pinang, Sungai Pinang yang sering berlaku pada waktu puncak? Sila huraikan.
14.
 - (i) Berapakah pekerja asing di negeri Pulau Pinang setakat ini?
 - (ii) Adakah Pulau Pinang menghadapi kekurangan tenaga buruh?
 - (iii) Memandangkan populasi warga emas yang bersara semakin meningkat, adakah Kerajaan Negeri ingin menggalakkan bahagian swasta supaya mengupah warga emas untuk bekerja secara sambilan supaya tidak bergantung kepada pekerja warga asing? Huraikan.

15. Ekonomi semakin merosot, nilai matawang kian menurun dan kos kehidupan kian meningkat menyusahkan semua rakyat jelata. Usaha Kerajaan Negeri mengecualikan pembayaran cukai pintu sangat dihargai. Apakah perancangan dan usaha secara proaktif yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam usaha membantu rakyat Pulau Pinang? Sila huraikan.
16. Nyatakan jumlah bilangan nelayan sama ada berdaftar/tidak berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) atau Jabatan Perikanan dalam kawasan Jelutong sejak tahun 2013 hingga kini mengikut pecahan kaum. Senaraikan jumlah nelayan yang menerima bantuan pukut mengikut KADUN dan pecahan kaum. Apakah bantuan lain yang akan diberi oleh Kerajaan Negeri? Huraikan.
17. Nyatakan jumlah kompaun/PTK (Pemberitahuan Tentang Kesalahan) yang telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap *litter bugs* yang mengotorkan alam sekitar mengikut bulan dari tahun 2014 hingga kini. Adakah pengeluaran kompaun mengurangkan kesan buang sampah merata-rata? Apakah perancangan atau usaha yang akan diambil oleh kerajaan tempatan untuk menangani masalah *litter bugs*?
18. Nyatakan jumlah berat sampah sungai (metrik ton) yang telah dipungut dari Sungai Pinang mengikut pecahan bulan dari tahun 2014 hingga kini. Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap penyumbang sampah ke dalam Sungai Pinang yang juga merupakan faktor utama banjir berlaku? Apakah perancangan masa depan untuk menangani masalah ini? Huraikan.
19. Penggunaan teknologi iQPR bermula pada 15 Mei 2014 telah mencapai tempoh tiga (3) tahun. Sila nyatakan sama ada usaha untuk rawatan pemuliharaan air di Sungai Pinang telah mencapai sasaran. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah pencemaran sungai? Huraikan.
20. Dimaklumkan projek *Penang Sky Cab* akan dibina oleh Kerajaan Negeri. Apakah status terkini projek *Penang Sky Cab*, bilakah ia akan dimulakan? Nyatakan kos seperti kos kajian dan kos pembinaan serta laluan projek tersebut?
21. Senaraikan nama, nombor mykad dan alamat penerima program Agenda Ekonomi Saksama (AES) di KADUN Sungai Pinang mengikut pecahan tahun sejak program AES diimplementasikan sehingga kini.
22. Berapakah jumlah permohonan RMM (Rumah Mampu Milik) Type A, Type B dan mampu milik lain-lain kategori yang masih dalam senarai menunggu mengikut daerah? Berapakah unit yang telah disiap bina sejak tahun 2008 hingga kini. Sila huraikan.
23. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambahkan bilangan unit rumah sama ada Rumah Mampu Milik (RMM) Type A atau Type B yang boleh dimiliki dibawah Skim Sewa Beli atau Skim Pemilikan Bersama? Adakah projek yang disebutkan di atas akan dipertimbangkan dan diimplementasikan di daerah-daerah yang lain selain daripada SPS?
24. Sila senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan dan kos yang terlibat oleh agensi kerajaan dalam KADUN Sungai Pinang sejak tahun 2013 hingga kini. Apakah projek yang telah dirancangan atau akan dijalankan pada tahun 2017 dan 2018?
25. Berapakah unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh Pulau Pinang? Adakah Kerajaan Negeri merancang menambahkan pembangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR)? Jika ya, di mana lokasinya? Jika tidak, kenapa? Sila huraikan.
26. Sila nyatakan statistik kes di mana kanak-kanak menjadi mangsa kes rogol (*statutory rape*) mengikut pecahan kaum dan daerah dari tahun 2013 hingga kini. Apakah usaha pihak berkuasa untuk membantu mangsa dan mencegah berlakunya kes-kes sedemikian? Huraikan.

27. Apakah statistik kes rogol dan kes keganasan rumah tangga sejak tahun 2013 sehingga kini?
 - (i) Huraikan mengikut pecahan kaum dan daerah;
 - (ii) Nyatakan usaha atau tindakan pihak berkuasa untuk menangani isu ini.
28. (i) Apakah statistik *child marriage* mengikut pecahan kaum dan daerah di Pulau Pinang sejak tahun 2013?
 - (ii) Apakah statistik kes bunuh diri mengikut pecahan kaum sejak tahun 2013? Nyatakan usaha pihak berkuasa untuk menangani isu ini.
29. Untuk tanah milikan Kerajaan Negeri di KADUN Sungai Pinang, sila huraikan:
 - (i) No. Lot, keluasan, status tanah (LPS), nama pemohon/pemilik;
 - (ii) Apakah garis panduan atau kelayakan untuk memohon LPS?
30. Aktiviti layang-layang mendapat sambutan baik seperti di Persiaran Karpal Singh. Isu kini adalah ia mengancam keselamatan orang ramai (pejalan kaki, penunggang basikal dan penunggang motosikal di sekeliling) kalau benang layang-layang ini terputus. Apakah perancangan dan tindakan pro-aktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah tersebut?

X. Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Terdapat pelbagai pertanyaan mengenai pembangunan di Pulau Jerejak. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan pembangunan di Pulau tersebut? Jikalau ada sebarang projek pembangunan, adakah keindahan flora dan fauna di pulau tersebut akan dikorbankan untuk maksud pembangunan?
2. Saya hargai usaha Kerajaan Negeri yang memberi status 'kontrak' kepada Pegawai Seranta bagi setiap ADUN. Adakah kerajaan bercadang menambah baik kebajikan mereka dengan memberikan status jangka panjang iaitu dengan lantikan tetap sebagai satu jaminan bagi masa hadapan mereka, dan juga dapat menikmati SOCSO?
3. Adakah Kerajaan Negeri telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti punca kejadian banjir kilat di kebanyakan tempat baru-baru ini termasuk DUN Batu Uban seperti di Jalan Molek, Halaman Sentosa, Jalan Sungai Dua, Lebuhraya Nipah, Taman Lip Sin? Apakah langkah-langkah pendekatan mitigasi yang telah dan akan diambil oleh pihak Kerajaan Negeri?
4. Saya ingin mendapatkan kepastian daripada dewan sama ada Hotel Alora akan dijadikan sebagai asrama untuk warga asing?
5. Pengangguran kian berleluasa susulan kelembapan ekonomi negara. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membantu anak-anak muda yang masih menganggur?
6. Penduduk Pulau Pinang dikatakan antara yang paling banyak terlibat dengan *money games*. Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi memberikan garis panduan kepada rakyat mengenai skim cepat kaya untuk mengubah mentaliti mereka?
7. Adakah pihak Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk mewujudkan skim simpanan untuk membantu rakyat meningkatkan kualiti kehidupan rakyat?
8. Kejadian tembak-menembak banyak berlaku di Pulau Pinang sehingga berakhir dengan pembunuhan pada tahun yang lalu. Terdapat kejadian baru-baru ini di kawasan DUN Batu Uban. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengelakkan kejadian ini daripada berulang lagi agar keselamatan orang awam tidak terancam?

9. Saya hargai usaha Kerajaan Negeri untuk memberikan nafas baharu kepada KOMTAR termasuk The Top. Soalnya The Top ini adakah untuk pelancong asing sahaja kerana harga tiketnya begitu membebaskan kepada semua penduduk tempatan?
10. Kehimpitan hidup amat dirasai oleh semua lapisan masyarakat susulan kegawatan ekonomi negara. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan pendapatan isi rumah untuk kelayakan mendapatkan bantuan Agenda Ekonomi Saksama (AES) daripada RM790.00 kepada RM900 atau RM1000?
11. Berapakah penerima Agenda Ekonomi Saksama (AES) di negeri ini dan data pecahan penerima mengikut daerah?
12. Berapakah golongan ibu tunggal yang menerima manfaat bantuan Agenda Ekonomi Saksama (AES) ini dan data pecahan mengikut daerah?
13. Sejauh manakah pihak MBPP memantau kebersihan kawasan seperti parit dan jalan kerana di pusat khidmat saya, kerap menerima aduan parit dan jalan tidak dibersihkan dan pegawai seranta terpaksa bertugas dalam memantau kebersihan kawasan.
14. Sejauh manakah MBPP memantau kemudahan perhentian bas dan apakah kecekapan mekanisme kakitangan dalam isu ini?
15. Isu-isu kemudahan awam seperti papan tanda jalan raya, lampu jalan dan perhentian bas, bagaimanakah pihak MBPP akan meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan ini?
16. Bagaimanakah MBPP meluaskan kempen dan membimbing persatuan penduduk dan JMB terhadap isu pengasingan sisa pepejal?
17. Kenapa tiada pelan tindakan dan perancangan untuk meningkatkan pemberdayaan wanita di peringkat daerah yang merangkumi semua KADUN walhal Kerajaan Negeri telah lama tubuhkan PWDC?
18. Sejauh manakah mekanisme di dalam Kerajaan Negeri melihat keberkesanan perkhidmatan agensi-agensi kerajaan persekutuan seperti JKR, JPS dan lain-lain kerana tugas pemantauan dan rayuan perkhidmatan banyak dipikul oleh Pejabat ADUN?
19. Kita melihat Korea Selatan telah giat melaksanakan konsep *SMART CITY* dengan konsep kehijauan. Bilakah negeri kita akan menjadi terkenal dalam mengamalkan konsep tersebut?
20. Masalah laluan trafik dan kesesakan trafik. Apakah perancangan bagi menangani masalah ini khususnya di kawasan Batu Uban yang berada di laluan ke FTZ?
21. Setiap minggu kita ada terima isu bantuan kebajikan kos perubatan pesakit. Apakah Kerajaan Negeri ada perancangan seperti SKIM PEDULI SIHAT yang dilaksanakan di Selangor?
22. Apakah pelan tindakan dan perancangan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan dalam kawalan pembangunan di lereng-lereng bukit dan kawasan laut dalam mengekalkan keindahan alam semulajadi di negeri ini?
23. Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang akan memberikan kelulusan untuk tukar milik dan kegunaan Hotel Alora kepada kuarters pekerja asing jika permohonan dilakukan?
24. Gejala Skim Cepat Kaya atau Skim Pengumpulan Wang secara haram menjadi isu penting di Pulau Pinang. Adakah Kerajaan Negeri akan menjalankan usaha untuk mengadakan kempen kesedaran dan juga pihak MBPP tidak memberi kebenaran premis kepada syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti tersebut?

25. Terdapat banyak aduan mengenai masalah halangan lalu lintas kerana kenderaan-kenderaan yang memakir tidak mengikut aturan lebih-lebih lagi di kawasan perumahan dan flat-flat, malahan bomba, ambulan ataupun pihak polis tidak dapat memasuki apabila terdapat kecemasan. Apakah langkah-langkah segera yang telah atau akan diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan bagi menyelesaikan masalah ini?
26. Terdapat banyak kereta, motor, van dan lori yang rosak ataupun ditinggalkan sahaja di kawasan perumahan, flat dan tempat letak kereta. Apakah tindakan segera yang telah atau akan diambil oleh pihak-pihak berkenaan bagi menyelesaikan masalah ini?
27. Terdapat pelbagai pertanyaan mengenai kemungkinan akan berlakunya pembangunan di Pulau Jerejak. Jikalau benar, adakah pandangan dan pendapat orang ramai akan diambil kira? Sudahkah diambil kira jikalau pembangunan ini akan memusnahkan flora dan fauna di Pulau berkenaan?
28. Berdasarkan laporan Khazanah, penduduk Pulau Pinang dikatakan tidak mampu memiliki rumah-rumah. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani isu-isu yang berikut?
29. Apakah pendekatan atau mekanisme yang boleh diambil terhadap individu-individu/pemilik unit yang tidak membayar yuran penyelenggaraan selain dari hanya menyita rumah dan mengambil harta mudah alih mereka? Apakah tindakan bersepadu yang boleh diambil oleh pihak PBA dan MBPP terhadap pemilik unit yang tidak membuat bayaran penyelenggaraan?
30. Kebanyakan penduduk yang telah ditawarkan rumah kos rendah dan sederhana rendah daripada Kerajaan Negeri menghadapi masalah untuk mendapatkan pinjaman perumahan. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membantu mereka ini memiliki rumah sendiri? Contohnya melalui skim sewa beli dan sebagainya.

XI. Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila nyatakan statistik pembaharuan lesen beca oleh MBPP dari tahun 2008 - 2016.
 - (i) Berapakah bayaran lesen beca?
 - (ii) Bolehkah pengusaha beca disaman jika tidak mengikut peraturan jalan raya?
 - (iii) Bolehkah lesen khas seperti lesen beca dikeluarkan kepada pengusaha basikal beroda empat?
2. Bas persiaran berhenti di tepi jalan untuk menunggu telah menyebabkan kesesakan lalu lintas di kawasan tarikan pelancong.
 - (i) Apakah rancangan MBPP bagi menangani masalah ini?
 - (ii) Adakah MBPP mengenal pasti tapak khas untuk dijadikan tempat perhentian bas persiaran?
3. Sila nyatakan statistik saman MBPP terhadap kesalahan meletak kenderaan di luar petak, secara berasingan bagi kategori motosikal, kereta dan kenderaan lain.
 - (i) Adakah tempat letak kenderaan sedia ada mencukupi?
 - (ii) Adakah MBPP mempunyai rancangan untuk menyediakan lebih banyak tempat letak kenderaan?
4. Berapa banyak peniaga yang telah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyertai Program Hari Tanpa Bag Plastik Percuma?

5. Jumlah kenderaan usang dan terbiar semakin meningkat dan ruang simpanan Pihak Berkuasa Tempatan MBPP juga amat terhad.
 - (i) Apakah cadangan MBPP untuk menyelesaikan masalah ini dengan meringkaskan SOP pelupusan atau mempunyai cadangan tapak simpanan yang baru?
6. Kerajaan Tempatan telah mengumumkan satu garis panduan baru tentang penyediaan tempat letak kenderaan (TLK) untuk permohonan tukar guna bangunan dari kategori rumah ke hotel pada tahun 2016.
 - (i) Bolehkah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memberi maklumat yang lebih lengkap tentang garis panduan baru ini?
 - (ii) Bagaimana untuk membuat kiraan bagi penyediaan TLK?
7. Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membuat satu pengumuman tentang Kerajaan Pusat akan memberhentikan peruntukan projek Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi negeri yang di bawah pemerintahan bukan Barisan Nasional (BN).
 - (i) Saya ingin tahu adakah PBT dalam Negeri Pulau Pinang terjejas?
 - (ii) Jika ya, sila nyatakan projek yang terjejas.
8. Motosikal elektrik telah digunakan oleh MBPP sebagai motosikal rondaan Jabatan Penguatkuasa.
 - (i) Apakah kebaikan dan kelemahan motosikal ini?
 - (ii) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menggalakkan penggunaan motosikal ini dan menyediakan stesen-stesen mengecas kenderaan elektrik di kawasan tertentu?
9. Sila nyatakan statistik kutipan duti hiburan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tahun 2008 - 2016.
 - (i) Adakah sebahagian daripada duti hiburan ini akan diperuntukkan untuk membantu industri filem tempatan?
10. Apakah status sebidang tanah di tepi Rumah PPR Taman Manggis yang telah ditawarkan kepada syarikat swasta untuk membangunkan projek hospital swasta? Buat masa kini, pihak manakah yang bertanggungjawab untuk menyelenggarakan tanah ini?
11. Bilakah penyeragaman waktu kawalan kutipan letak kereta MBPP akan diwartakan dan dilaksanakan? Adakah MBPP akan mempertimbangkan pengecualian bayaran letak kereta untuk cuti am?
12. Sila berikan maklumat tentang kerja-kerja mitigasi yang telah dijalankan di Bukit Botak.
 - (i) Pihak tertentu sentiasa menuduh bahawa banjir kilat yang berlaku di Pulau Pinang disebabkan oleh Bukit Botak dan pembangunan perumahan kawasan bukit, adakah ini benar?
13. Tugasan harian penjawat awam selalunya perlu berkomunikasi dan memberi penerangan kepada orang awam, terutamanya pegawai khidmat pelanggan dan penguatkuasa.
 - (i) Adakah penjawat awam ini dihantar menghadiri kursus komunikasi dan EQ untuk meningkatkan tahap kemahiran mereka.
 - (ii) Sila beri statistik aduan awam terhadap kelakuan penjawat awam sekiranya ada.

14. Sila nyatakan hartanah Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan jumlah tunggakan sewa para penyewa di kawasan Tanjung.
 - (i) Bagaimanakah MAINPP membantu penyewa yang tidak mampu membayar kadar sewa?
15. Sila beri maklumat tunggakan sewa bagi hartanah Majlis Agama Islam Pulau Pinang di Lebuah Acheh mengikut No. Pintu individu dan bilangan bulan.
 - (i) Beberapa premis dan rumah di Lebuah Acheh yang telah mengalami kerosakan serius?
 - (ii) Adakah MAINPP akan membaik pulih secepat mungkin?
16. Mahkamah Rayuan telah mengisytiharkan bahawa Pasukan Peronda Sukarela (PPS) ditubuhkan secara sah di sisi undang-undang. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memulihkan PPS?
17. Sila senaraikan tapak RIBI yang masih belum disewakan?
 - (i) Kawasan Tanjung menghadapi masalah kekurangan tapak RIBI. Apakah langkah penyelesaian yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri?
18. Adakah sistem kamera AES akan dipasang di Pulau Pinang? Jika ya, sila nyatakan lokasi-lokasi berkenaan.
19. Program Pertukaran Pegawai dapat meningkatkan pendedahan anggota Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada cara dan sistem pentadbiran yang berlainan demi mencapai tahap prestasi yang lebih baik.
 - (i) Adakah PBT berminat untuk mengadakan program tersebut contohnya dengan PBT di negeri-negeri lain ataupun di luar negara?
 - (ii) Apakah pandangan PBT terhadap program ini?
20. Apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menarik minat syarikat produksi dalam dan luar negara untuk membuat penggambaran filem di Pulau Pinang? Adakah satu jawatankuasa khas ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri untuk mengkoordinasi aktiviti penggambaran filem di Pulau Pinang?
21. Adakah MBPP berpuas hati dengan prestasi pihak pengurusan swasta Pasar Chowrasta? Apakah kelebihan dan kelemahan pihak pengurusan swasta terhadap pasar ini?
 - (i) Jika ya, adakah MBPP akan menswastakan pengurusan pasar-pasar yang lain?
 - (ii) Jika tidak, apakah perancangan MBPP?
22. Selain daripada memapar iklan perjawatan di suratkhbar pelbagai bahasa, apakah langkah lain yang lebih proaktif untuk Kerajaan Negeri dan agensi-agensi dalam pengambilan penjawat awam berbilang kaum?
 - (i) Adakah kerajaan akan bekerjasama dengan pertubuhan Cina dan India untuk menggalakkan lebih ramai kaum Cina dan India untuk berkhidmat dalam sektor awam?
23. Bagi mengurangkan kes kemalangan melibatkan di persimpangan lampu isyarat dan pemberitahuan tempoh menunggu semasa lampu isyarat merah, adakah MBPP akan memasang lebih banyak LED *count down board* di ke semua persimpangan lampu isyarat utama?

24. Sila nyatakan pemohon yang berjaya membeli tanah PDC untuk mendirikan kilang, tetapi tidak menjalankan kerja selepas dua tahun tanah ditawarkan.
- (i) Apakah tindakan PDC terhadap pemohon yang gagal mendirikan kilang dalam tempoh yang ditetapkan?
 - (ii) Adakah PDC akan membeli balik tanah tersebut?
 - (iii) Jika ya, bagaimanakah cara pengiraan harga beli balik?
25. Bergambar di *Mural Art Street* di sekitar Bandar Georgetown amat digemari oleh pelancong, khasnya Mural *Little Children on Bicycle* di Lebuhraya Armenian. Bagi memastikan keselamatan orang bergambar dan kawalan lalu lintas lancar di kawasan tersebut, adakah Kerajaan Negeri akan menempatkan anggota sukarela atau penguatkuasa untuk kawalan?
26. Sila beri maklumat tentang operasi bersepadu MBPP bersama pihak Polis terhadap penunggang motosikal yang menggunakan laluan pejalan kaki khususnya di Lebuhraya Carnation.
27. Kerajaan Negeri mengalu-alukan syarikat swasta menjalankan projek CSR untuk kemudahan komuniti. Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat mengelakkan kes projek yang tidak disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan, contohnya jejantas *Octopus*.
- (i) Apakah tindakan yang boleh diambil terhadap mereka yang gagal menyiapkan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan?
28. Sejak MBPP mengumumkan tindakan kompaun melalui bukti CCTV akan dikeluarkan terhadap orang ramai yang membuang sampah di merata tempat, berapakah jumlah saman yang telah dikeluarkan?
- (i) Adakah pelaksanaan kaedah ini berkesan dan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kesalahan ini.
29. Beberapa tahun yang lepas, MBPP telah mengumumkan rancangan untuk mendirikan pondok perhentian bas berhawa dingin.
- (i) Sila beri status terkini tentang rancangan ini.
 - (ii) Sila berikan bilangan pondok bas sedia ada yang akan dinaik taraf.
30. Perbadanan Bekalan Air (PBA) telah menaikkan surcaj pemeliharaan air kepada RM1.00 untuk mengelakkan pembaziran air.
- (i) Berapa keluarga dijangka akan terjejas dengan kenaikan surcaj ini?
 - (ii) Berapa keluarga 8 orang yang mendapat diskaun surcaj sebanyak 60% daripada PBA dan jumlah diskaun surcaj diberi?

XII. Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Negeri yang dikhaskan untuk biasiswa kepada pelajar-pelajar pada tahun 2015 dan 2016 bagi pengajian di IPTA dan IPTS dan luar negara?
 - (i) Berapa ramai yang menerima manfaat ini mengikut pecahan kaum?
2. Zakat Pulau Pinang bertindak membantu masyarakat Islam miskin dengan membina rumah kepada yang kurang berkemampuan. Apakah kriteria dan syarat yang diperlukan untuk melayakkan seseorang memohon?

3. Mengikut statistik yang dibanci, berapa ramai gelandangan yang masih terdapat di Pulau Pinang sehingga kini?
4. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai peruntukan untuk menyelenggara padang awam dan dewan seperti dewan banjir, dewan orang ramai dan lain-lain dewan yang telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri? Kalau ada, mengapakah dibiarkan usang dan uzur?
5. Katanya kawasan sawah padi yang aktif tidak akan ditambun tetapi kenapa perkara ini masih berleluasa terutamanya di Seberang Perai. Apakah langkah-langkah pro-aktif yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri dalam menangani perkara ini?
6. Padang permainan di Taman Sepadu, Tasek Gelugor telah dinaiktaraf dengan beberapa kemudahan tetapi malangnya ditambah tidak rata dan menyebabkan menjadi kolam tadahan di sesetengah bahagian padang. Apakah langkah MPSP bagi mengatasi masalah ini?
7. MPSP bertindak agresif kepada penjaja kuih di tepi jalan pasar awam Tasek Gelugor beberapa bulan yang lalu dengan merampas kuih dan jualan mereka tanpa belas ehsan. Kenapa 2 pucuk surat saya kepada MPSP meminta diadakan perbincangan sebelumnya tidak diendahkan dan tidak dijawab?
8. MPSP membuat petak-petak 10' X 10' untuk peniaga tepi jalan di Pasar Awam Tasek Gelugor secara melepaskan batuk di tangga. Kenapa kawasan yang dikhaskan untuk parkir dijadikan ruang niaga dan menghalang lalu lintas keluar masuk parkir?
9. Apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang Pihak Berkuasa Negeri dalam menangani kesesakan lalu lintas di Lebuhraya Utara Selatan berhampiran Seberang Jaya yang menjadi sesak hampir setiap hari?
10. Bilakah dua (2) lampu isyarat di persimpangan di Jalan Pokok Tampang Tasek Gelugor dan Jalan Kubang Menerong Tasek Gelugor seperti yang dijanjikan pada tahun ini hendak dipasang?
11. Mengikut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pulau Pinang (Enakmen 5 Tahun 2004), berapakah umur perkahwinan yang dibenarkan seorang perempuan dan lelaki Islam?
 - (i) Adakah terdapat apa-apa pengecualian had umur perkahwinan?
 - (ii) Bolehkah seseorang lelaki atau perempuan berkahwin di bawah umur 16 tahun?
12. Pasar Malam Tasek Gelugor di Jalan Pokok Tampang perlu dipindahkan ke satu lokasi lain kerana menutup keseluruhan jalan tersebut hampir satu kilometer pada waktu puncak. Adakah kajian dibuat bagi menangani masalah ini kerana bila berlaku kecemasan seperti kebakaran, bomba dan ambulan dan polis tidak dapat melalui jalan ini?
13. Adakah tanah-tanah yang dibuat pengambilan balik oleh Kerajaan Negeri dan persekutuan untuk tujuan awam?
 - (i) Apakah interpretasi Kerajaan Negeri mengenai tujuan awam?
 - (ii) Bolehkah tanah ini dijual kepada pihak ketiga?
 - (iii) Berapa luas kawasan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk dijual kepada pihak ketiga?

14. Daripada RM900 elaun yang diterima sebulan oleh imam, berapakah sumbangan daripada Kerajaan Negeri?
 - (i) Berapakah sumbangan Kerajaan Negeri kepada bilal dan siak?
 15. Berapa gaji guru KAFA sebulan di negeri Pulau Pinang?
 - (i) Berapakah elaun/gaji guru KAFA sebulan yang disumbang oleh MAINPP?
 16. Kerajaan Negeri pada ketika ini amat pesat mempromosikan pelancongan tapak warisan UNESCO. Bagaimana pula dengan promosi pelancongan luar bandar, terutamanya homestay?
 17. Banjir adalah fenomena yang agak kritikal sekarang terutamanya di kawasan perumahan bandar. Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam menangani fenomena banjir ini?
 18. Mohon penjelasan berkaitan Sekolah Agama tidak kira sama ada Agama Rakyat atau Tahfiz yang dibangunkan di kampung-kampung sama ada sekolah tersebut mendapat kebenaran dari Majlis Perbandaran atau Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).
 19. Pembangunan pesat di Pulau Pinang telah menyebabkan banyak kampung-kampung tradisi terhakis dan ini adalah sesuatu yang amat tidak baik untuk generasi akan datang.
 - (i) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam memastikan kampung-kampung tradisi ini kekal dan tidak terhapus?
 20. Apakah dasar / polisi terkini yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri bagi pembangunan tanah tinggi?
 - (i) Adakah kekal 50 kaki?
 - (ii) Adakah pemaju boleh memohon untuk diberi kelulusan untuk memajukan tanah tinggi?
 21. Apakah pelan tindakan sumber air di Pulau Pinang selain dari sumber Sungai Muda?
 - (i) Apakah dengan menaikkan tarif air dapat menyelesaikan masalah?
 - (ii) Berapa banyak 'surcaj' yang dikutip sepanjang tahun 2016 dan di mana dibelanjakan?
 22. Nyatakan proses menyelaraskan dan memantapkan strategi pembangunan tanah wakaf di seluruh negeri.
 - (i) Apakah tindakan pembangunan yang dibuat ke atas tanah-tanah wakaf berkenaan dan rancangan masa depan?
- XIII. Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**
1. Adakah tapak FRU Padang Tembak sedang dicadangkan dan dirancang untuk *land swap* supaya pemajuan swasta diadakan? Selaras dengan ini, adakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengambil kesempatan untuk "meng-*agalmate*-kan" tapak FRU dengan kesembilan tapak Pangsapuri Padang Tembak untuk mengubahsuaikan dan pemajuan? Apakah status pemajuan Pangsapuri Padang Tembak?
 2. Senaraikan berapa kes tambakan laut sejak 2008 - 2017 yang sudah dibenarkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan? Berapa kes telah dijalankan?

3. Berapakah kes tembakan maut dan cedera yang berlaku di Pulau Pinang sejak tahun 2008 - 2017? Apakah tindakan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan PDRM untuk mengurangkan kes jenayah berkaitan dengan senjata api di Pulau Pinang?
4. Kadar wabak denggi dan penyakit tibi naik dan turun di Negeri Pulau Pinang. Apakah langkah dan rancangan untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah ini?
5. Adakah Project "Perkongsian Basikal" yang dipupuk oleh Kerajaan Tempatan dihadkan kepada George Town? Adakah rancangan untuk inisiatif ini dikembangkan kepada desa? Apakah kadar perkembangan jumlah penggunaannya sejak permulaan?
6. UBER, GRABCAR dan sistem pengangkutan yang berinisiatif dari pihak swasta muncul kepentingannya di masyarakat, dari segi keselamatan pengguna, adakah dan apakah rancangan dan peraturan Kerajaan Negeri, kerajaan tempatan dan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna?
7. (i) Apakah peraturan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi gelombang *Money Game* yang begitu besar melanda dan menjejaskan kehidupan dan ekonomi orang awam terpengaruh?
(ii) Apakah langkah dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu komuniti tempatan agar mereka mengetahui lebih banyak mengenai *Money Game* itu?
8. Merujuk kepada kes pelanggaran maut di Pulau Tikus dan lain-lain, dan selain daripada sistem yang sedia ada, apakah langkah-langkah dan inisiatif yang akan diambil oleh pihak berkuasa untuk memastikan penunggang motosikal/kereta tidak melanggar orang awam ketika mereka melintas jalan?
9. Apakah strategi dan bagaimanakah Kerajaan Negeri akan memantau keadaan trafik khususnya di Jalan Masjid Negeri, persekitaran KOMTAR, Lebuhraya Lim Chwee Leong, Jalan Scotland, dan tempat-tempat lain di Daerah Timur Laut dan Barat Daya yang semakin kian merosot?
10. (i) Adakah tanah yang dimiliki pihak 1MDB atau proxi syarikat tersebut di Negeri Pulau Pinang?
(ii) Apakah rancangan mereka atas tanah itu?
(iii) Adakah atas tanah itu diluluskan oleh Kerajaan Tempatan dan Negeri?
11. (i) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai inisiatif untuk membuka satu platform untuk *Digital Free Trade Zone* di Pulau Pinang?
(ii) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan memperkasakan usahawan-usahawan belia untuk menceburi dalam bidang *Digital Free Trade Zone* di Pulau Pinang?
(iii) Jikalau ya, bagaimanakah projek ini dapat dijalankan? Sila sertakan pelan strategik dari tahun 2017 - 2020.
12. Apakah yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk membuat persiapan dan memperkasakan komuniti tempatan agar perkembangan industri digital sedunia memanfaatkan mereka khususnya komuniti industri dan perdagangan Pulau Pinang?
13. (i) Apakah status kejayaan dari segi projek pelaksanaan program kitar semula di Pulau Pinang dari tahun 2008 - 2017?
(ii) Antara tahun 2016 - 2017, adakah peratusan kitar semula di antara golongan komuniti tempatan telah meningkat?
(iii) Apakah kesedaran dan maklum balas daripada orang awam terhadap polisi ini?

14. (i) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk membina empangan yang baru di Pulau Pinang untuk mengelakkan komuniti setempat mengalami daripada masalah kekurangan bekalan air?
- (ii) Berapakah air mentah yang kami bekal dan beli daripada negeri lain sehingga hari ini?
- (iii) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan terhadap penghuni - penghuni tempatan yang sering membazir air?
15. (i) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan projek membina *Solar Farming* di Pulau Pinang?
- (ii) Apakah insentif-insentif yang boleh diberi kepada penduduk tempatan bila menggunakan *Solar Power System*?
- (iii) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan memastikan Pulau Pinang sentiasa menggunakan lebih banyak *green energy* berbandingkan dengan penggunaan *fossil fuel*?
16. (i) Apakah status project terowong di bawah laut yang dirancang di Tanjong Tokong?
- (ii) Apakah status *Environmental Impact Report* sekarang?
- (iii) Apakah status pemaju dan kontraktor dalam projek ini dan adakah apa-apa pertukaran pihak pemaju dan kontraktor dalam projek ini?
17. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk membuka perpustakaan awam tambahan seperti *Penang Digital Library (PDL)* di kawasan-kawasan KADUN yang lain?
18. (i) Sebanyak berapa banyakkah pelaburan ekonomi dari segi perdagangan dan pelancongan yang telah dibawa masuk ke KOMTAR selepas pelancaran The TOP sejak bulan Disember 2016 yang lalu?
- (ii) Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat mempromosikan perkhidmatan - perkhidmatan awam yang disediakan?
19. (i) Apakah pendirian Kerajaan Negeri dalam isu keseksaan kanak-kanak terutamanya rang undang-undang yang baru diluluskan di dalam Parlimen baru-baru ini?
- (ii) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan mempromosikan perkhidmatan yang diberi kepada orang awam seperti PWDC, WCC dan lain-lain terhadap mangsa-mangsa yang didera?
20. (i) Bilakah Kerajaan Negeri akan meningkatkan lagi peruntukan JKKK kepada semua Pengerusi, Setiausaha dan AJK - AJK?
- (ii) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan menambah lagi peruntukan JKKK untuk menjalankan tugas mereka dari segi menganjurkan program-program komuniti tempatan?
21. (i) Apakah status PPS sejak keputusan mahkamah baru baru ini?
- (ii) Operasi Pasukan Peronda Sukarela (PPS) sentiasa mengalami kekurangan penyertaan orang muda di kawasan komuniti yang banyak warga bersara dan warga tua, bolehkah kerajaan mengkoordinasikan juga sebahagian PPS yang mobile yang boleh berantara dari kawasan ke kawasan untuk membantu?

22. (i) Berapa banyakkah rumah kos rendah ataupun kos sederhana?
- (ii) Daripada rumah-rumah mampu milik yang telah dibina, berapa banyak rumah tersebut adalah di bawah RM 72,500?
- (iii) Berapa banyak rumah kos sederhana telah dibina berbanding dengan yang dibina oleh Kerajaan Pusat?
23. (i) Apakah status tambakan laut di pantai Persiaran Gurney, dan jangkaan bilakah tambakan tersebut akan disiapkan?
- (ii) Berapakah kadar penyelesaian tambakan tersebut?
- (iii) Adakah tambakan tersebut bercanggah dengan keselesaan penduduk tempatan?
24. Status tanah Kampung Mount Erskine (di belakang Lorong Air Terjun) berkeliruan kerana beberapa pemegang amanah tanah swasta telah banyak jual-beli tanah tersebut, dan sewa tanah tidak lagi dikutip, lebih kurang 200 keluarga bimbang takut diusir tidak lama lagi, adakah Kerajaan Tempatan telah terima apa rancangan untuk memajukan tanah ini?
25. (i) Kejadian banjir masih sering berlaku di kawasan Sungai Air Itam berdekatan dengan Jalan Air Itam dan Taman Lumba Kuda, apakah langkah serta merta yang boleh diambil untuk mengatasi masalah?
- (ii) Bolehkah pihak agensi kerajaan mengenal pasti punca perbanjiran dan senaraikan bagaimana akan mengatasi supaya tidak berlaku tiap-tiap tahun?
26. Penduduk Jesselton menyuarakan kepesatan pembangunan yang mengakibatkan keruntuhan kualiti alam sekitar dan kesesakan jalan raya boleh berlaku jika pemajuan yang terlalu pesat diadakan di kawasan pedalaman kawasan lereng bukit dekat Jesselton. Apakah status projek pemajuan di kawasan tersebut? Adakah laporan tanah runtuh atau banjir kilat dari bukit sejak pecah tanah diadakan di kawasan ini?
27. (i) Senaraikan kawasan komersial dan kediaman yang telah diluluskan oleh kerajaan untuk dibina atau diubah suai untuk dijadikan hostel pekerja asing di pulau dan Seberang Jaya?
- (ii) Apakah status dan berapakah hostel-hostel pekerja asing yang dibina dan sedang dibina di Pulau Pinang?
28. (i) Adakah Perbadanan Bekalan Air akan sekali lagi menaikkan tambang air?
- (ii) Apakah alasannya untuk menaikkan tambang?
- (iii) Adakah Kerajaan Negeri akan memberi konsesi kepada warga Pulau Pinang yang miskin dan kurang upaya?
29. Kontroversi membiarkan lorong belakang rumah komersial atau kediaman dibangkitkan baru-baru ini, bolehkah pihak kerajaan tempatan menjelaskan rasional dan peraturannya?
30. (i) Apakah status implementasi polisi kerajaan tempatan yang tidak membenarkan warga asing menjaja (*hawker*) dan sebagai pemasak makanan?
- (ii) Adakah penguatkuasaan dijalankan?

- XIV. Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**
1.
 - (i) Senaraikan rizab simpanan wang kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari tahun 2007 - 2016.
 - (ii) Apakah MPSP dan MBPP menyediakan jadual berkala untuk pembersihan longkang di seluruh kawasan seliaan?
 - (iii) Berapakah nilai kelulusan *Commencement Of Works (COW)* oleh MPSP dan MBPP bagi tahun 2012, 2014, 2015 dan 2016?
 2.
 - (i) Sehingga kini (2017), apakah bentuk penambahbaikan ke atas pengangkutan awam yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?
 - (ii) Apakah tindakan-tindakan penambahbaikan tersebut berjaya meningkatkan peratus pengguna perkhidmatan awam? Berapakah peratus pengguna terkini?
 3. Pencemaran Sungai Perai dan Pengkalan Machang telah mengakibatkan ikan dan udang banyak mati. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menyelesaikan isu ini?
 4. Agenda Ekonomi Saksama dikatakan telah mampu mencipta sejarah menghapuskan kemiskinan di Pulau Pinang.
 - (i) Senaraikan program-program yang dilaksanakan dalam menghapuskan kemiskinan bandar dan luar bandar selain daripada bantuan kewangan.
 - (ii) Senaraikan kejayaan yang telah dicapai oleh golongan miskin melalui program-program yang telah dilaksanakan satu persatu.
 5. Apakah bentuk program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha membasmi kemiskinan bandar dan luar bandar sepanjang pentadbiran Pakatan Harapan daripada tahun 2008 hingga 2016? Sila senaraikan jumlah keluarga miskin daripada tahun 2008 hingga 2016 dan berapa banyakkah yang telah dikurangkan?
 6. Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membelanjakan RM9.4 juta untuk tujuan naik taraf dan membaiki semua rumah di Rancangan Perumahan pada tahun 2015.
 - (i) Senaraikan pecahan peruntukan yang telah diagihkan mengikut Rancangan Perumahan serta kerja-kerja yang dilaksanakan.
 - (ii) Berapa ramai penduduk yang mendapat manfaat daripada peruntukan ini?
 7.
 - (i) Berapakah kadar pengangguran belia di Negeri Pulau Pinang?
 - (ii) Apakah faktor yang menyebabkan turun naik peluang pekerjaan di Negeri Pulau Pinang?
 - (iii) Apakah tindakan yang diambil untuk mengurangkan kadar pengangguran?
 8.
 - (i) Berapakah kilang haram yang masih beroperasi di dalam DUN Sungai Dua? Nyatakan lokasi dan syarikat yang menjalankan kegiatan ini?
 - (ii) Apakah usaha yang diambil bagi memastikan semua kilang haram ini dipulihkan?
 - (iii) Bilakah sasaran yang diletakkan agar kilang haram di DUN Sungai Dua akan dipulihkan sepenuhnya?

9. (i) Berapakah jumlah pengunjung dan jumlah bahan/koleksi yang dipinjam daripada Perpustakaan Negeri / Perpustakaan Desa setiap tahun?
- (ii) Apakah kriteria penentuan judul buku dan bahan rujukan yang dibeli untuk Perpustakaan Negeri / Perpustakaan Desa?
10. (i) Nyatakan jumlah tindakan yang dikeluarkan kepada premis atau kilang yang menyebabkan pencemaran udara dan air di Pulau Pinang pada tahun 2014 dan 2015.
- (ii) Apakah tindakan yang dikenakan kepada pemilik premis atau kilang yang melakukan pencemaran udara dan air?
11. (i) Nyatakan semua jawatan yang dipegang oleh Y.A.B Ketua Menteri dalam badan berkanun, anak-anak syarikat dan agensi-agensi lain?
- (ii) Berapakah jumlah gaji, elaun dan segala kemudahan yang diterima oleh Y.A.B Ketua Menteri untuk setiap jawatan yang dipegang?
12. (i) Berapakah pendapatan negeri melalui pelaburan? Senaraikan pendapatan ini dari tahun 2008 hingga 2016.
- (ii) Apakah faktor yang boleh meningkatkan pendapatan negeri melalui pelaburan?
- (iii) Apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan pendapatan negeri melalui pelaburan?
13. (i) Sehingga kini apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam pelaksanaan dasar sekurang-kurangnya 30% penglibatan wanita dalam pembuat keputusan?
- (ii) Berapakah bilangan wanita yang dilantik menjadi Ahli Majlis, Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Ketua Komuniti Cina / India bagi tahun 2016?
14. (i) Senaraikan lokasi tapak pembuangan sampah sisa binaan dan industri di negeri Pulau Pinang?
- (ii) Apakah perancangan jangka masa panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyelesaikan masalah sampah haram dari sisa binaan dan industri?
15. (i) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke atas kumpulan ajaran sesat yang masih aktif beroperasi di Pulau Pinang?
- (ii) Apakah bentuk pencegahan atau program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membanteras dan melumpuhkan ajaran ini sehingga ke akar umbi?
16. Terdapat beberapa kilang daripada luar negara telah menutup operasinya di Pulau Pinang. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mengatasi masalah ini dan menyelesaikan isu pemberhentian pekerja/pengangguran?
17. Jumlah RM31.93 juta telah disediakan untuk projek/program tarikan pelancongan dan warisan bagi tahun 2016. Senaraikan secara terperinci bentuk program yang telah dilaksanakan sehingga Disember 2016 dan jumlah yang telah dibelanjakan.
18. Semasa pemerintahan Barisan Nasional, pengusaha-pengusaha akuakultur memperolehi bantuan benih ikan (RM80,000.00) dan insentif tuaian ternakan bernilai RM0.50/kg. Mengapakah program ini tidak diteruskan dalam membantu penternak ikan dan meningkatkan pengeluaran ikan?

19. Projek pembangunan semula kawasan Ujung Batu, Bagan Dalam dengan rumah kos rendah sebagai gantian kepada penduduk sejak 2009 masih belum dibina. Adakah benar projek/kawasan ini telah diserahkan kepada pemaju swasta untuk dimajukan dengan pembangunan bercampur?
20. (i) Nyatakan prestasi kewangan Penang Global Tourism Sdn Bhd yang merangkumi penyata pendapatan, penyata ekuiti pemilik dan penyata aliran tunai bagi tahun 2015 dan 2016.
(ii) Adakah prestasi kewangan tersebut terbaik sejak Penang Global Tourism Sdn Bhd diwujudkan?
21. (i) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dari tahun 2008 hingga 2016 bagi Rumah Ibadat Bukan Islam?
(ii) Berapakah jumlah Rumah Ibadat Bukan Islam yang telah dibantu setiap tahun dari 2008 hingga 2016?
(iii) Berapakah keluasan tanah yang telah digazetkan kepada Rumah Ibadat Bukan Islam dari tahun 2008 hingga 2016?
22. (i) Apakah bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk memajukan industri penternakan di Pulau Pinang?
(ii) Nyatakan secara terperinci bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2008 hingga 2016.
23. (i) Sila butirkan semua pinjaman daripada Kerajaan Negeri kepada badan berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), anak syarikat dan lain-lain yang masih belum dibayar balik dengan sepenuhnya termasuk jumlah pinjaman, kadar faedah dan tempoh untuk bayaran balik.
(ii) Sila butirkan semua pinjaman yang tidak dapat dikutip balik.
24. (i) Sila kemukakan jumlah kes rogol, kes masalah rumahtangga yang dilaporkan di Negeri Pulau Pinang dalam tempoh 2013-2016.
(ii) Apakah langkah-langkah pencegahan yang telah dan akan diambil?
(iii) Apakah bantuan yang diberikan kepada mangsa-mangsa penderaan?
25. (i) Adakah benar pada penghujung tahun 2016, PR1MA telah diberi kelulusan pelan merancang untuk 3 projek melibatkan 4,732 unit rumah mampu milik?
(ii) Jika ya, di manakah projek-projek berkenaan?
26. Isu pencemaran najis khinzir dalam Sungai Kereh.
(i) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menyelesaikan isu pelepasan najis khinzir secara terus ke dalam sungai di Kampung Selamat serta penyelesaian isu pencemaran Sungai Kereh dan Sungai Air Melintas?
27. Kawasan Tanah Perkuburan Islam semakin berkurangan, apakah langkah yang diambil oleh pihak Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang untuk menyelesaikan isu ini?
28. Berapakah jumlah peruntukan yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri dibawah Jabatan Pengairan dan Saliran untuk pembinaan dan pembaikan infrastruktur sawah padi di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 hingga 2016?

29. Sukan Muay Thai semakin diminati oleh golongan belia di Negeri Pulau Pinang.
- (i) Apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membantu meningkatkan sukan ini?
 - (ii) Apakah badan sukan yang bertanggungjawab untuk sukan Muay Thai dan berapa banyakkah peruntukan yang disalurkan untuk badan tersebut?
30. Peruntukan yang disalurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Sila berikan pecahan jumlah peruntukan mengikut agihan yang disalurkan bagi tahun 2015 dan 2016.

XV. Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1.
 - (i) Nyatakan berapakah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada pasukan bola sepak Negeri Pulau Pinang pada musim ini.
 - (ii) Apakah langkah drastik Kerajaan Negeri melalui EXCO Sukan dan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang di dalam meningkatkan prestasi dan mutu pasukan bola sepak negeri yang kini berada di tempat tercorot di dalam carta Liga Super Malaysia.
2. Berlaku rusuhan oleh penyokong bola sepak Pulau Pinang di Stadium Negeri Batu Kawan pada tarikh 12 Februari 2017 ketika perlawanan menentang pasukan Sarawak adalah amat memalukan bagi Negeri Pulau Pinang. Nyatakan langkah-langkah tegas bagi memastikan perkara yang memalukan itu tidak berulang di masa hadapan.
3.
 - (i) Apakah langkah Persatuan Sepak Takraw Pulau Pinang (PST) Negeri mempertahankan kejuaraan yang dimenangi oleh PST Pulau Pinang dalam kejohanan yang berprestij seperti kejohanan STL tahun 2016.
 - (ii) Apakah program yang telah dan akan dibuat oleh Kerajaan Negeri melalui PST dalam melahirkan pelapis anak jati Pulau Pinang seperti tekong sepak takraw kebangsaan Mohd Syahir Rosdi yang menjadi kebanggaan negeri kita di dalam acara sepaktakraw.
4. Masalah sistem peparitan di tepi jalan utama KADUN Permatang Pasir seperti di Pekan Permatang Pauh, Permatang Ara, Bukit Indera Muda, Pekan Penanti dan Sungai Semambu yang sudah lama dan perlu dinaik tarafkan. Mohon penjelasan dan langkah-langkah pembaikan.
5.
 - (i) Berapakah jumlah koperasi yang ditubuhkan di bawah pentadbiran JKKK di dalam Negeri Pulau Pinang.
 - (ii) Nyatakan bilangan koperasi di bawah pentadbiran JKKK yang masih aktif mengikut daerah.
6. Nyatakan status pembinaan Dewan Serbaguna bersebelahan SJK(C) Kubang Semang Kg. Pelet dan difahamkan pengambilan tanah telah lama dibuat tetapi sehingga kini pembinaan dewan tersebut masih belum dijalankan.
 - (i) Bilakah pelaksanaannya akan bermula?
 - (ii) Jika masih tidak dijalankan apakah sebabnya.
 - (iii) Nyatakan keluasan sebenar dewan serbaguna tersebut.

7.
 - (i) Nyatakan jumlah homestay di bawah Kerajaan Negeri mengikut daerah-daerah.
 - (ii) Apakah perancangan Kerajaan Negeri melalui EXCO Pelancongan bagi meningkatkan mutu kualiti dan kuantiti *homestay* di Pulau Pinang.
 - (iii) Berapakah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pengusaha-pengusaha *homestay* yang dipantau oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2010 hingga kini.
8. Apakah Kerajaan Negeri bercadang menaikkan lagi kadar peruntukan iaitu peruntukan P.16.02/P.16.03 bagi setiap Kadun memandangkan keadaan ekonomi semasa negara yang tidak menentu seperti kos bahan binaan (firma) meningkat dari semasa ke semasa.
9. Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengkaji semula elaun Pengerusi, Setiausaha dan AJK JKKK pada masa hadapan dalam meningkatkan lagi semangat bekerja untuk rakyat dan masyarakat Negeri Pulau Pinang.
10. Sejauh manakah peranan dan tugas yang telah dijalankan oleh Skwad Pemantau Hal Ehwal Pengguna di bawah Kerajaan Negeri sejak mula beroperasi sehingga terkini.
11. Memandangkan skim penghargaan program *i-Sejahtera* mendapat sambutan dan sanjungan daripada pelbagai kaum dan masyarakat di Negeri Pulau Pinang ini, maka oleh yang demikian adakah Kerajaan Negeri berhasrat atau bercadang menaikkan lagi imbuhan dalam skim-skim emas pada tahun-tahun akan datang.
12. Kerajaan Negeri telah mewujudkan sistem jaringan internet iaitu Penang Free Wifi. Sistem jaringan internet ini mendapat sambutan hebat dari rakyat.
 - (i) Senaraikan jumlah jaringan internet Penang Free Wifi mengikut daerah dalam negeri Pulau Pinang
 - (ii) Senaraikan jumlah terkini jaringan Internet free Wifi bagi KADUN Permatang Pasir dan Parlimen Permatang Pauh.
13.
 - (i) Sebahagian tempat liputan internet sangat baik manakala setengah tempat agak kurang memuaskan, adakah Kerajaan Negeri bercadang menaiktaraf program itu agar liputan internet meliputi kepada semua tempat di seluruh negeri.
 - (ii) Berapa banyakkah lagi permohonan yang masih diproses dan permohonan yang dibekukan. Jika ada nyatakan sebabnya.
14. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat dan bercadang untuk mewujudkan Pusat Asuhan Kanak-kanak bagi kemudahan rakyat negeri Pulau Pinang di setiap KADUN atau Parlimen bagi membantu para ibu bapa yang bekerja dan mempunyai anak yang ramai, di samping itu membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Pulau Pinang terutama kepada ibu tunggal, suri rumah, siswazah dan penganggur bagi menyara kehidupan mereka.
15.
 - (i) Nyatakan sehingga kini berapakah lagi hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan bilakah jangkaan yang tepat bagi melangsaikan hutang itu.
 - (ii) Nyatakan secara terperinci statistik kadar jenayah berkenaan jenayah ragut di Pulau Pinang mengikut daerah daripada tahun 2013 hingga kini.
16.
 - (i) Statistik terkini penyalahgunaan dadah jenis syabu seperti tangkapan dan jumlah penagih mengikut daerah
 - (ii) Apakah peranan yang-dimainkan pihak KN dengan kerjasama=PDRM dalam mengatasi masalah gejala rempit di Pulau Pinang?

- (iii) Salah satu lokasi rempit ini adalah di Lebuhraya BKE/Kubang Semang. Apakah peranan Kerajaan Negeri melalui PDRM bagi mengatasi dan mengurangkan gejala rempit di tempat tersebut terutama lewat malam pada hujung minggu?
17. Masalah ketagihan atau penyalahgunaan air daun ketum di kalangan masyarakat sama ada dikalangan remaja muda dan tua amat meruncing sekali.
- (i) Nyatakan peranan pihak keselamatan dalam menyedarkan masyarakat betapa bahayanya air ketum ini dan dalam membanteras penjualan air ketum secara berleluasa seperti di tempat awam contoh di kedai kopi dan lain-lain. Terangkan kadar hukuman jika disabitkan kesalahan.
18. Nyatakan usaha-usaha terkini Kerajaan Negeri bagi memperkasakan dan memantapkan lagi peranan setiap JKKK di dalam pentadbiran di negeri Pulau Pinang.
19. (i) Nyatakan aspek pelaburan sama ada pelabur asing atau tempatan adalah tempat penting bagi membangunkan ekonomi sesebuah kerajaan di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat.
- (ii) Apakah usaha-usaha yang telah dijalankan Kerajaan Negeri bagi menarik minat para pelabur untuk datang melabur di Negeri Pulau Pinang sehingga kini.
20. Apakah bentuk peranan dan usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri kepada golongan OKU dalam negeri Pulau Pinang supaya melahirkan golongan OKU yang lebih berkahari dan berdaya maju dalam arus pembangunan yang mencabar ini.
21. (i) Adakah Kerajaan Negeri bercadang membina lebih banyak Rumah Kos Rendah/Sederhana Rendah di setiap Parlimen di Pulau Pinang?
- (ii) Nyatakan jumlah tempat di mana RKS/RSR yang telah dibina mengikut daerah yang terkini.
- (iii) Berapakah kos kutipan cukai pintu bagi RKS/RSR yang sepatutnya dikutip dan diterima mengikut setiap daerah yang telah dimansuhkan oleh Kerajaan Negeri bagi meringankan bebanan rakyat.
22. (i) Bagaimanakah tindakan Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa keselamatan dan pihak terlibat di dalam membanteras sindiket pengemis-pengemis yang berleluasa dan berkeliaran di merata-rata tempat?
- (ii) Berapakah jumlah tangkapan yang dibuat bermula tahun 2013 hingga tahun April 2017?
- (iii) Berikan statistik yang terlibat di dalam proses tangkapan itu.
23. Apakah langkah-langkah yang telah dibuat dan akan dibuat oleh Kerajaan Negeri di dalam menangani masalah pencemaran alam sekitar oleh kawasan perindustrian di dalam negeri Pulau Pinang sehingga kini.
24. (i) Dari tahun 2016 hingga April 2017, berapakah jumlah pelancong dalam dan luar negeri datang melancong ke Negeri Pulau Pinang.
- (ii) Nyatakan secara terperinci, statistik pelancongan dari negeri atau negara mana yang paling banyak melancong ke Pulau Pinang dan bagaimana mempergiatkan lagi promosi memperkenalkan keindahan Pulau Pinang kepada negeri atau negara luar agar pelancong lebih ramai datang ke Pulau Pinang.
25. (i) Nyatakan jumlah pendapatan hasil pelancongan ke Negeri Pulau Pinang daripada tahun 2010 hingga kini.

- (ii) Adakah masih terdapat dana bantuan daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri di dalam membantu pengusaha bumiputera di dalam menjalankan aktiviti pelancongan di Pulau Pinang. Jika ada nyatakan jumlah nilai bantuan tersebut.
26. (i) Sehingga kini berapakah jumlah usahawan bumiputera yang telah berjaya dalam bidang perniagaan di bawah pemantauan Kerajaan Negeri. Jika ada nyatakan dan jika kurang apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi mengatasinya.
- (ii) Berapakah peruntukan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2013 hingga kini bagi melahirkan usahawan bumiputera yang berdaya saing dalam Negeri Pulau Pinang.
27. Sungai Pengkalan Tambang (SPT) adalah berpotensi dalam penternakan udang galah secara komersial, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memajukan kawasan tersebut dan menjadi tempat pengeluaran utama udang galah dalam daerah Seberang Perai Tengah dan Pulau Pinang di samping itu boleh menambahkan pendapatan penduduk-penduduk yang terlibat.
28. (i) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi mengekalkan kawasan ini sebagai kawasan jelapang padi utama di daerah SPT pada masa kini dan masa hadapan memandangkan arus pembangunan khususnya pembinaan projek perumahan kian rancak menyebabkan tanah pertanian terhakis?
- (ii) Berapakah peruntukan yang disalurkan dalam bidang pertanian khususnya kepada kawasan penanaman padi bagi KADUN Permatang Pasir antara terlibat Mukim 8, 5, 4, 3, 2 dan 21 sehingga April 2017?
29. (i) Senaraikan projek-projek infrastruktur di bawah MARRIS/ BPEN/ RTB yang telah dilaksanakan di dalam KADUN Permatang Pasir sejak tahun 2016 hingga kini.
- (ii) Apakah cadangan-cadangan projek infrastruktur di bawah MARRIS/ BPEN/ RTB yang akan dilaksanakan dalam tahun 2017 khususnya bagi KADUN Permatang Pasir?
30. Sejauh manakah kemampuan Kerajaan Negeri untuk membendung kenaikan harga barang yang agak tinggi khususnya pada musim perayaan seperti menyambut Bulan Puasa dan Hari Raya Aidilfitri, serta perayaan-perayaan yang lain.

XVI. Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (i) Nyatakan pertumbuhan KDNK Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2008 hingga 2016.
- (ii) Daripada 14 buah negeri, pertumbuhan KDNK Negeri Pulau Pinang tersenarai di tempat ke berapa mengikut tahun iaitu dari tahun 2008 hingga 2016. Huraikan secara terperinci pertumbuhan KDNK Negeri Pulau Pinang.
2. (i) Pulau Pinang pernah menduduki tempat pertama dalam bidang pelaburan. Pada tahun 2012 menduduki tempat ke-7 dan pada tahun 2015 menduduki tempat 7. Huraikan dengan terperinci sebab penurunan tersebut.
- (ii) Pada tahun 2016, nyatakan jumlah pelaburan yang diperolehi oleh Pulau Pinang. Senaraikan negara yang melaburkan jumlah pelaburan.
3. (i) Benarkah sejak tahun 2013, sebanyak 13 Syarikat Multinasional telah menutup kilang mereka di Pulau Pinang.
- (ii) Jika benar, senaraikan nama syarikat tersebut dan sebab-sebab penutupan serta jumlah pekerja yang terpaksa diberhentikan.

4. (i) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai Pelan Induk Tapak Tebusguna Tanah. Jika ada, huraikan dengan terperinci dan syarat-syaratnya.
- (ii) Senaraikan kawasan yang telah diluluskan untuk tebusguna sejak tahun 2008 dengan menyatakan kawasan tebusguna, keluasan tanah, harga keluasan skp dan nama syarikat yang diberi kebenaran untuk tebusguna.
5. (i) Adakah terdapat pencerobohan tanah di kawasan tadahan air?
- (ii) Senaraikan lot-lot yang terlibat mengikut No.Lot, Mk, Daerah, Keluasan dan pembangunan yang dijalankan serta nama empangan yang terlibat.
- (iii) Apakah tindakan yang telah dan sedang diambil. Huraikan dengan terperinci.
6. (i) Apakah status projek jalan-jalan utama dan pembinaan terowong di Pulau Pinang?
- (ii) Apakah status penyerahan tanah seluas 110 ekar berharga RM135 juta iaitu lot 702, Sek 1, Bandar Tanjung Pinang, DTL sebagai bayaran gantian kepada kos projek keseluruhan?
7. Adakah PBT dan PDC mempunyai tanah-tanah yang disewakan? Jika ada, senaraikan mengikut No.Lot, Mk/PB, daerah, keluasan, kadar sewaan sebulan, tempoh sewaan dan status tanah terkini.
8. (i) Apakah fungsi Sek. 11(2) Enakmen Hak Kebebasan Maklumat Negeri Pulau Pinang Tahun 2010? Huraikan dengan terperinci.
- (ii) Boleh Kerajaan Negeri mengemukakan salinan maklumat/surat perjanjian mengenai Projek Tambakan Laut di Tanjung Sri Pinang, Tanjung Sri Pinang 2 dan Gurney Wharf?
- (iii) Berapakah kos projek tersebut dan pemegang konsesi projek tersebut?
9. (i) Adakah benar empat fatwa iaitu Pertandingan Ratu Cantik, Hukum Menghisap Syisya, Hukum Kanun Tanah Negeri dan Hukum Tanah Wakaf gagal diwartakan sehingga kini?
- (ii) Jika benar, hurai secara terperinci bila tarikh majlis fatwa meluluskan dan kenapa tidak diwartakan.
10. (i) Sudahkah Kerajaan Negeri memperolehi Laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) bagi projek jalan-jalan utama dan terowong daripada Jabatan Alam Sekitar?
- (ii) Jika belum, huraikan dengan lengkap kenapa kajian tersebut belum diterima atau belum dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar.
- (iii) Bilakah projek jalan-jalan utama tersebut akan dibina?
11. (i) Adakah benar bahawa Kerajaan Negeri mencatat lebih bajet kerana penjualan tanah dan aset?
- (ii) Jika benar, senaraikan tanah dan aset yang dijual mengikut tahun bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 dengan menyatakan no.lot, Mk/PB, daerah, keluasan dan harga jualan.

12. Dalam Jawapan yang lepas bagi pembinaan Projek LRT Fasa 1, kajian DEIA dijangka siap dan di serahkan kepada JAS pada bulan Disember 2016; permohonan telah dikemukakan kepada SPAD pada 29 Mac 2016.
 - (i) Nyatakan dengan terperinci kajian DEIA dan SPAD.
13. Dalam-jawapan-yang-lepas, dari tahun 2008 hingga September 2016 sebanyak 245 lawatan ke luar negara yang melibatkan perbelanjaan RM8,232,173.68.
 - (i) Nyatakan jumlah pelaburan yang telah melabur di Pulau Pinang dari tahun 2008 hingga September 2016. Daripada jumlah tersebut senaraikan jumlah pelaburan mengikut tahun dan negara yang telah melabur.
 - (ii) Adakah prestasi pelaburan semakin merosot pada setiap tahun? Huraikan dengan fakta.
14.
 - (i) Benarkah Kerajaan Negeri telah menurunkan harga jualan rumah bernilai RM1.0 juta kepada RM800,000.00 khusus untuk warganegara asing? Jika benar, atas dasar apakah penurunan harga tersebut yang melibatkan pengurangan RM200,000.00.
 - (ii) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk memberi pengurangan harga rumah harga mampu milik?Huraikan.
15. Benarkah Kerajaan Negeri akan menurunkan cukai untuk jualan bangunan industri yang bernilai RM1.3 juta kepada 1.5% bagi menggalakkan pembelian oleh warganegara asing bagi meransangkan pertumbuhan ekonomi negeri? Huraikan.
16. Terdapat lebih kurang 60% pembeli rumah rakyat Pulau Pinang gagal mendapatkan kelulusan pinjaman bank disebabkan masalah gaji. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini?
17. Sejak tahun 2008 hingga 2016, berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan pembangunan dan lain-lain. Senaraikan mengikut tahun, jumlah peruntukkan setahun dan di mana peruntukan tersebut dibelanjakan.
18. Senaraikan kerja-kerja menaik taraf KOMTAR serta kos yang telah dan sedang dilaksanakan sejak tahun 2008 hingga April 2017.
19.
 - (i) Apakah status terkini tanah lot 702,Sek.1, Bandar Tanjung Bunga,DTL bernilai RM135,086,094.00 sebagai bayaran kerja-kerja kajian ke atas tiga projek jalan-jalan utama.
 - (ii) Adakah kajian kebolehlaksanaan telah selesai? Huraikan.
20. Adakah Kerajaan Negeri telah memberi milik tanah Lot 713,Sek.1,Bandar Tanjung Pinang,DTL seperti termaktub dalam perjanjian awal projek jalan-jalan utama dan terowong sebagai kos keseluruhan kajian dan rekabentuk yang bernilai RM305 juta? Jika ada bila, jika belum kenapa. Huraikan dengan terperinci.
21.
 - (i) Nyatakan premium tanah bagi penjualan tanah di Bayan Mutiara, tanah PDC dan PBT.
 - (ii) Senaraikan No/lot, Mk/PB, keluasan dan jumlah premium yang dikenakan.
22. Tema Bajet 2017 iaitu 'Ke Arah Negeri Negeri Keusahawanan dan Kebajikan'. Huraikan dengan terperinci tema bajet tersebut.

23. (i) Kerajaan Negeri telah menyediakan garis panduan perumahan mampu milik Pulau Pinang. Huraikan dengan teliti apakah garis panduan tersebut.
- (ii) Senarai projek perumahan yang tidak mematuhi garis panduan tersebut dengan menyatakan No.Lot, Mk/PB, keluasan, daerah, nama pemaju dan sebab-sebab tidak diluluskan.
24. (i) Sila jelaskan dan setakat ini berapa banyakkah sumbangan RM oleh pemaju kepada Kerajaan Negeri.
- (ii) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meminta pemaju dari Pulau Pinang untuk memberi sumbangan sebanyak RM120,000 sehingga RM150,000 manakala pemaju bukan dari Pulau Pinang untuk membayar RM300,000 sebagai ganti kepada pembinaan rumah mampu milik.
25. Dengan pemberian sumbangan oleh pemaju, secara tidak langsung telah menyebabkan harga rumah di Pulau Pinang meningkat. Kerajaan Negeri telah mengutip banyak sumbangan ini apabila pemaju banyak membina rumah-mewah daripada rumah mampu milik. Sumbangan ini sepatutnya dimasukkan ke dalam tabung khas untuk membina rumah mampu milik tetapi pembinaan rumah mampu milik adalah amat sedikit di Pulau Pinang. Huraikan.
26. Didapati pada tahun 2015 Kerajaan Negeri menyatakan hanya memerlukan 4,000 ekar dalam penambakan PTMP oleh SRS Consortium tetapi kini telah ditambah ke 4,500 ekar. Berapakah perbelanjaan maksimum PTMP oleh SRS Consortium? Adakah ia akan ditambah pada masa depan? Sila beri penjelasan yang terperinci dan nyatakan perbelanjaan maksimum projek tersebut.
27. (i) Mohon Kerajaan Negeri kemukakan Pelan Pembangunan Pulau Jerejak. Sekiranya tiada pelan pembangunan, sila jelaskan mengapa tiada pelan pembangunan oleh Kerajaan Negeri.
- (ii) Mohon Kerajaan Negeri kemukakan Pelan Pembangunan Bukit Bendera? Sekiranya tiada pelan pembangunan, sila jelaskan mengapa tiada pelan pembangunan oleh Kerajaan Negeri.
28. Adakah benar Citizen Awareness Chant Group Hotel akan dibina tapak banglo Convalescent di Flagstaff Hill?
29. (i). Sila jelas kan dan setakat ini berapa banyakkah sumbangan (RM) oleh Pemaju kepada Kerajaan Negeri.
- (ii). Adakah benar Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meminta pemaju dari Pulau Pinang untuk memberi sumbangan sebanyak RM120,000 sehingga RM150,000 manakala pemaju bukan dari Pulau Pinang untuk membayar RM300,000 sebagai ganti kepada pembinaan rumah mampu milik.
30. (i). Jika benar,dengan pemberian sumbangan daripada Pemaju, secara tidak langsung telah menyebabkan harga rumah diPP meningkat. KN juga telah mengutip banyak sumbangan ini apabila pemaju banyak membina rumah mewah daripada rumah mampu milik(RMM) .
- (ii). Sumbangan ini sepatutnya dimasukkan kedalam "tabung khas" untuk pembinaan rumah mampu milik (RMM) tetapi pembinaan RMM adalah amat sedikit di Pulau Pinang. Huraikan.

- XVII. Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**
1. Adakah Kerajaan Negeri akan memohon kepada kerajaan persekutuan untuk projek *cable-car* di Bukit Bendera seperti yang telah disarankan oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan?
 2. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kesihatan untuk memantau dan memastikan kebersihan semua restoran dan kedai makanan di Pulau Pinang sentiasa terjamin?
 3. (i) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai statistik terperinci mengenai golongan individu yang bermastautin di Pulau Pinang yang tidak mempunyai kad pengenalan, dan juga berstatus bukan warganegara?
(ii) Bagaimana Kerajaan Negeri bercadang untuk membantu golongan ini?
(iii) Berapakah individu yang berjaya dibantu oleh Kerajaan Pakatan Harapan bagi memperolehi kad pengenalan sejak Mac 2008?
 4. (i) Apakah sebab prestasi bolasepak pasukan Negeri Pulau Pinang merosot sejak kebelakangan ini?
(ii) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani kemerosotan prestasi pasukan bolasepak Pulau Pinang ini?
 5. (i) Apakah jumlah derma yang diperolehi daripada penganut semasa perayaan Thaipusam pada tahun 2017?
(ii) Adakah jumlah derma ini meningkat sebab langkah baik Lembaga Wakaf Hindu (LWH) yang telah melancarkan dan memulakan perarakan Golden Chariot pada tahun ini?
(iii) Bagaimanakah LWH ingin menggunakan semua derma yang diperolehi bagi manfaat rakyat Pulau Pinang khususnya yang beragama Hindu?
 6. (i) Berapakah kes kematian atau *custodial death* dalam tahanan *lock-up* atau penjara yang telah berlaku di Pulau Pinang sejak Mac 2008?
(ii) Bagaimanakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menangani masalah ini dan mengelakkannya daripada berlaku lagi?
 7. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melarang wartawan daripada menggunakan lobi Dewan Undangan Negeri seperti yang telah dilakukan baru-baru ini di Dewan Rakyat?
 8. Apakah tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri secara amnya untuk menjamin keselamatan kawasan perairan seperti persisiran pantai dan sungai di Pulau Pinang kerana sejak kebelakangan ini terdapat peningkatan dalam kes-kes tangkapan buaya liar di merata tempat di Pulau Pinang.
 9. Apakah sebabnya bilangan gelandangan di sekitar George Town meningkat sejak kebelakangan ini dan bagaimana Kerajaan Negeri bercadang untuk mengatasi dan menangani masalah ini?
 10. Apakah status pembinaan sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Tamil) di Negeri Pulau Pinang dan bilakah impian ini boleh direalisasikan?
 11. Bagaimanakah Kerajaan Negeri bercadang mengatasi masalah pemohon-pemohon yang telah memohon untuk membeli rumah kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik dan sedang menunggu lama dalam giliran untuk peluang memiliki rumah sendiri?

12. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas jalan raya di Pulau Pinang yang menjadi semakin teruk semasa waktu puncak dan musim cuti sekolah?
13. Bilakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk memulakan semula operasi Pasukan Peronda Sukarela (PPS) yang telah disahkan penubuhannya oleh keputusan Mahkamah Rayuan pada 28.03.2017?
14. (i) Berapakah jumlah usahawan bumiputera baharu yang telah berjaya dibidang perniagaan hasil daripada bantuan kerajaan Pulau Pinang sejak Mac 2008?
(ii) Apakah jumlah nilai bantuan kewangan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak Mac 2008 sama ada sebagai modal untuk memulakan perniagaan ataupun bantuan-bantuan kewangan lain kepada semua usahawan Bumiputera ini?
15. Berapakah jumlah kuil-kuil Hindu yang berada di bawah pentadbiran dan naungan Lembaga Wakaf Hindu pada masa sekarang?
16. Apakah mekanisma yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memilih calon-calon untuk pengurniaan darjah-darjah kebesaran?
17. Mengapakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mempromosikan Pulau Jerejak dan pulau-pulau kecil lain di sekitar Pulau Pinang sebagai satu destinasi pelancongan?

XVIII. Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (i) Apakah status terkini pelaksanaan projek penaiktarafan Jalan Tok Kangar?
(ii) Apakah punca kelewatan pelaksanaan dalam projek tersebut?
2. (i) Sila nyatakan status terkini pelaksanaan projek pembinaan jalanraya yang menyambungkan Taman Sains Pulau Pinang ke Jalan Kebun Baru, Juru.
(ii) Sila nyatakan butir-butir kontraktor untuk projek penaiktarafan tersebut dan kos keseluruhan projek tersebut.
3. Sila nyatakan perkembangan terbaru dan butir-butir terperinci tentang pelaksanaan projek tebatan banjir berikut:-
(i) Parit 4, Seberang Perai Tengah; dan
(ii) Parit 5, Seberang Perai Tengah
4. (i) Sila nyatakan status terkini kajian semula Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020.
(ii) Sila nyatakan butir-butir pakar perunding yang terlibat dalam kajian semula ini dan kos keseluruhan kajian semula.
5. Memandangkan SPC memutuskan bagi menggantikan tiga draf Rancangan Tempatan Daerah (RTD) di Seberang Perai dengan satu Rancangan Tempatan yang baharu untuk keseluruhan kawasan Seberang Perai, agensi yang manakah akan menanggung kos pembiayaan untuk pakar perunding dalam penyediaan Rancangan Tempatan Seberang Perai yang baharu tersebut dan berapakah kos pembiayaan yang dijangka?
6. (i) Sila senaraikan perjanjian di antara agensi dan / atau anak syarikat Kerajaan Negeri dan pihak swasta sejak 2008 yang mengandungi klausa kerahsiaan (*confidentiality clause*).

- (ii) Sila nyatakan alasan bagi setiap perjanjian yang mengandungi klausa kerahsiaan tersebut.
- 7. (i) Sila nyatakan status pelaksanaan kerja-kerja meluruskan selekoh tajam di Jalan Nangka.
- (ii) Sila nyatakan butir-butir kontraktor untuk projek tersebut dan kos keseluruhan projek tersebut.
- 8. (i) Setakat ini, berapa kalikah Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang telah menaikkan surcaj pemuliharaan air (WCS) sejak memperkenalkan WCS pada 1.11.2010?
- (ii) Sila nyata sebab setiap kali kenaikan WCS tersebut.
- 9. Sila nyatakan butir-butir bayaran pembelian harga PDC oleh Westlite Dormitory (Penang Juru) Sdn Bhd untuk mendirikan kuarters pekerja asing di Lot 14750, MK 13, Juru, Seberang Perai Tengah.
- 10. Sila nyatakan jumlah rumah mampu milik A dan B yang telah siap dibina setiap tahun sejak 2010 masing-masing oleh agensi dan/atau anak syarikat Kerajaan Negeri dan pihak swasta.

XIX. Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 1. Senaraikan tanah kerajaan yang diberi milik bagi daerah Seberang Perai Utara dengan menyatakan no.lot, mk, keluasan, tujuan pemberian milik dan harga pemberian milik.
- 2. (i) Adakah Pihak Berkuasa Tempatan memberikan pengecualian atau mengurangkan cukai pintu kepada pemilik rumah/kilang?
- (ii) Jika ada, apakah syarat-syaratnya.
- 3. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk membuat pengambilan tanah bagi daerah Seberang Perai Utara. Jika ada, senarai nama tempat, jumlah lot yang terlibat dan tujuan pengambilan.
- 4. Apakah tindakan yang telah diambil oleh MPSP dalam usaha meningkatkan tahap kebersihan terutamanya di kawasan Parlimen Kepala Batas?
- 5. Apakah tindakan MPSP dalam menangani isu kebersihan parit bagi mengelakkan bau, alam sekitar dan kesihatan penduduk setempat?
- 6. Sehingga kini, berapakah jumlah pelajar yang telah diberikan bantuan melalui tabung biasiswa yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri bagi kawasan Parlimen Kepala Batas? Sila berikan perincian mengikut pecahan kursus yang diambil, jumlah bantuan setiap pelajar dan pecahan kaum yang mendapat manfaat.
- 7. Berapakah jumlah rumah PPRT yang telah dan akan dibina sehingga sekarang? Senarai jumlah mengikut daerah dan KADUN.
- 8. Senaraikan kilang-kilang haram yang terdapat di Pulau Pinang mengikut daerah. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil?
- 9. Senaraikan misi pelaburan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2015 dan 2016 dan jumlah pelaburan serta negara yang melabur.

10. Apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk membangun dan menaikkan taraf kehidupan orang Melayu tanpa mengabaikan kaum lain di kawasan bandar? Huraikan.
 11. Apakah status terkini berhubung kenaikan tarif air Pulau Pinang? Kadar air telah meningkat empat kali sejak tahun 2008 dan dua kali ganda bayaran pengambilan air mentah. Huraikan.
 12. Nyatakan jumlah pelancong yang melawat Pulau Pinang bagi tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016 mengikut pecahan negara.
 13. (i) Status projek LRT, tiga buah pulau dan Gurney Wharf di Gurney drive. Huraikan jumlah kos, keluasan tanah dan syarikat yang terlibat, tarikh mula dan tarikh siap.
(ii) Adakah laporan EIA /DEIA telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar?
 14. Sila nyatakan kos penyediaan Laporan DEIA oleh SRS Consortium. Adakah Kerajaan Negeri perlu membiayai kos tersebut? Sekiranya ya, apakah kos yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan dalam bentuk apakah akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?
 15. Difahamkan sebanyak 2 hotel berstatus 4 dan 5 bintang akan dibina di Pulau Jerejak. Sila nyatakan dengan terperinci peta dan di mana serta nombor lot yang digunakan untuk pembinaan tersebut. Berapakah jumlah pengunjung akan menginap di hotel tersebut?
 16. Sila nyatakan sama ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada rancangan membina hotel di atas Bukit Bendera? Sekiranya ya, di mana dan bila akan dilaksanakan. Nyatakan secara terperinci.
 17. Difahamkan PDC telah menjual saham Tropical Island Resort Sdn Bhd (TIRSB) sebanyak 49%, adakah transaksi PDC ini melalui proses tender terbuka? Sekiranya ya, bilakah tender tersebut akan diadakan dan berapa syarikat yang terlibat?
- XX. Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**
1. Apakah punca sebenar berlakunya banjir kilat di Pulau Pinang? Adakah puncanya daripada masalah pembangunan yang tidak teratur ataupun masalah kualiti sungai yang tidak terurus? Apakah tindakan awal yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini dari berlarutan setiap tahun?
 2. Berapakah jumlah peruntukan untuk kerja-kerja tebatan banjir untuk seluruh negeri Pulau Pinang? Kawasan manakah yang telah diberi perhatian utama serta apakah bentuk-bentuk kerja yang telah dilaksanakan?
 3. Apakah benar, ramai orang mengatakan bahawa banjir kilat berlaku kerana terlalu banyak rumah-rumah dibangunkan di lereng-lereng bukit? Jika benar, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang?
 4. Berapakah jumlah pelaburan Temasek Sdn. Bhd. di Kawasan Perindustrian Batu Kawan?
 5. Berapakah keluasan tanah yang telah digunakan untuk pembangunan dan perindustrian di Batu Kawan serta jumlah pelabur yang mengekalkan pelaburan mereka di Batu Kawan? Sila senaraikan syarikat-syarikat dan negara-negara yang terlibat.
 6. Adakah pelaburan baru di kawasan Perindustrian Bayan Lepas? Jika ya, nyatakan jumlah dan negara yang terlibat.
 7. Berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi mengatasi masalah banjir kilat? Sila berikan jumlah mengikut daerah dan bentuk kerja yang dijalankan.

8. Kenapakah peruntukan melebarkan kuala Sungai Teluk Kumbar tidak diluluskan? Kerja-kerja melebarkan kuala Sungai Teluk Kumbar sepatutnya diluluskan pihak JPS tetapi dikatakan tidak mendapat peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Sila nyatakan sebab-sebab pembatalan dan berapakah jumlah sebenar diluluskan untuk kerja-kerja menaiktaraf kuala tersebut.
9. Terdapat banyak bangunan lama di kawasan bandar telah diubahsuai menjadi bangunan kedai, pusat-pusat minuman dan rumah tumpangan. Apakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang menggalakkan perkara ini? Adakah sebarang peruntukan yang diberi kepada rakyat Pulau Pinang untuk memajukan bangunan lama? Adakah cukai yang dikenakan sama dengan rumah kediaman atau ada cukai lain yang dikenakan?
10. Apakah bangunan lama yang telah diwartakan sebagai bangunan warisan dibenarkan untuk dibaikpulih? Jika tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh MBPP bagi mengekalkan bangunan lama ini.
11. Di Pulau Pinang, terdapat banyak bangunan yang telah diwartakan sebagai tapak warisan. Adakah bangunan yang telah diwartakan ini, boleh diubahsuai sebagai bangunan komersial?
 - (i) Jika tidak, apakah bentuk pengubahsuaian yang dibenarkan?
 - (ii) Adakah bangunan/tapak warisan yang telah dijual/dimajukan pihak swasta?
 - (iii) Jika ada, sila nyatakan jumlah yang telah dimaju/dijual/diganti dengan tempat lain?
14.
 - (i) Bagaimanakah suasana pelaburan di negeri Pulau Pinang?
 - (ii) Kerajaan Negeri telah banyak membuat lawatan ke luar negara untuk menarik pelabur asing. Berapakah jumlah pelaburan negara asing yang diperolehi?
 - (iii) Sila nyatakan mengikut negara asal dan kawasan perindustrian yang terlibat?
15. Kawasan Perindustrian Batu Kawan merupakan kawasan perindustrian yang baharu dibangunkan. Sila nyatakan jumlah pelaburan yang diperolehi.
 - (i) Apakah dikatakan bahawa Temasek Berhad merupakan pelabur terbesar yang melabur bagi kawasan ini?
 - (ii) Berapakah jumlah pelaburannya?
16.
 - (i) Bagaimanakah kedudukan Projek Terowong Bawah Laut Kerajaan Negeri Pulau Pinang?
 - (ii) Adakah projek ini akan diteruskan atau dibatalkan atau digantikan dengan projek yang lain?
 - (iii) Berapakah kos yang telah dibelanjakan sehingga hari ini?
17. Bagi Projek Tebus Guna Laut kawasan selatan Pulau Pinang dan Projek Terowong Dasar Laut, adakah keputusan DIEA telah diperolehi dan apakah keputusannya?
18. Terdapat banyak warga asing yang telah menjalankan perniagaan di gerai-gerai yang telah disediakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Apakah tindakan yang telah diambil bagi membendung gerai ini, disewakan kepada warga asing atau sememangnya ada keperluan untuk MBPP/MPSP menyewa gerai ini kepada pihak warga asing?

19. Apakah masih terdapat aduan berhubung laungan azan dan membaca Al-Quran di waktu awal Subuh pagi daripada kaum lain atau daripada orang Islam sendiri? Jika ada, sila nyatakan jumlah dan tempatnya.
20. Apakah masih terdapat sebarang fatwa yang belum diwartakan lagi? Jika ya, kenapa masih tidak diwartakan lagi? Adakah terdapat campur tangan Kerajaan Negeri dalam urusan mewartakan fatwa?
21. Bagaimana kedudukan ahli-ahli PAS yang dilantik sebagai Ahli Majlis MBPP/MPSP memandangkan PAS telah pun keluar dari Pakatan Rakyat? Apakah mereka-mereka ini akan dibuang dari jawatannya?
22. Apakah pendirian pentadbiran Kerajaan Negeri berhubung Enakmen Keluarga Islam dan Enakmen Jenayah Agama Islam tahun 2002 yang telah diluluskan?
23. Apakah bentuk pembangunan yang akan dibangunkan di Pulau Jerejak? Adakah pembangunan di atas pulau ini juga akan diserahkan kepada pihak swasta?
24. Kerja-kerja penambakan laut di antara Queensbay dengan Pulau Jerejak sedang giat dijalankan. Adakah terdapat cadangan Kerajaan Negeri untuk menyambungkan Pulau Jerejak dengan tanah dataran di kawasan Queensbay? Adakah kerajaan pusat telah menyerahkan Pulau Jerejak kepada Kerajaan Negeri?
25. Apakah peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah pelanggaran sempadan oleh pukot tunda dan pukot apollo dari Negeri Perak? Kedua-dua jenis pukot ini telah mengancam hidupan marin Pulau Pinang dan nelayan, khususnya.
26. Didapati banyak kedai-kedai/restoran-restoran makanan memaparkan tanda "No Pork/Pork Free" dan tanda Halal Jakim tetapi tukang masakannya bukan beragama Islam. Adakah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) mengetahui hal ini? Jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil dan berapakah kes dan jumlah saman yang telah dikeluarkan oleh pihak JHEAIPP berhubung pemakaian cop Halal?
27. (i) Sejak akhir-akhir ini, didapati banyak rumah-rumah persendirian telah ditukar kepada "homestay"/rumah tumpangan/rumah kedai. Apakah proses ini dibenarkan oleh pihak MBPP?
- (ii) Jika ya, adakah terdapat hasil yang dikutip ke atas premis sebegini? Berapa peratuskah hasil yang dikenakan?

XXI. Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (i) Berikan jumlah pegawai-pegawai Kerajaan Negeri, penjawat awam negeri dan GLC yang terdiri daripada anak kelahiran dan pengundi Pulau Pinang, bukan anak kelahiran Pulau Pinang yang diambil bekerja oleh Kerajaan Negeri.
- (ii) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membantu anak dan pengundi Pulau Pinang mendapatkan pekerjaan?
2. (i) Nyatakan bilangan kanak-kanak yang tidak pergi ke sekolah mengikut daerah. (ii) Apakah usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pendidikan awal kanak-kanak yang tidak mampu untuk ke tadika, sekolah rendah dan sebagainya dalam usaha memberikan pendidikan awal kepada kanak-kanak bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam pendidikan?
3. (i) Senaraikan atlet dari Pulau Pinang yang akan mewakili Malaysia ke Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.
- (ii) Apakah usaha pembangunan sukan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam menyediakan pelapis bagi sukan berprestasi tinggi?

- (iii) Apakah insentif yang telah disediakan kepada atlet yang berjaya mengharumkan nama negara dan Pulau Pinang khususnya?
- 4.
- (i) Nyatakan jumlah keluasan tanah kerajaan berstatus Lesen Pendudukan Sementara (TOL) di KADUN Machang Bubuk.
 - (ii) Senaraikan lot-lot yang telah diluluskan tetapi tidak digunakan, dibangunkan atau disalahgunakan.
 - (iii) Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan TOL dikeluarkan berdasarkan keperluan dan perancangan pembangunan kawasan tersebut?
5. Kemudahan *link-bike*.
- (i) Nyatakan kos serta kemudahan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri dalam menyediakan perkhidmatan *link-bike* di kawasan George Town.
 - (ii) Sila nyatakan statistik jumlah penyewaan untuk setiap stesen juga.
 - (iii) Sila nyatakan kos perbelanjaan dan pendapatan untuk setiap stesen.
6. Projek perumahan padat di KADUN Machang Bubuk
- (i) Sila senaraikan projek perumahan ketumpatan melebihi 87 unit / ekar yang telah mendapat kebenaran merancang daripada MPSP.
 - (ii) Sila senaraikan dengan terperinci seperti tarikh kelulusan, berapa dan jenis unit yang akan dibina, pemaju, lot no dan lain-lain.
 - (iii) Apakah status projek perumahan tersebut?
7. Gaji perkhidmatan awam
- (i) Nyatakan median dan purata gaji penjawat awam Kerajaan Pulau Pinang, MBPP dan MPSP sejak tahun 2000.
 - (ii) Nyatakan bilangan penjawat awam kerajaan Pulau Pinang, MBPP dan MPSP sejak tahun 2000.
 - (iii) Nyatakan jumlah emolumen untuk penjawat awam Kerajaan Pulau Pinang, MBPP dan MPSP sejak tahun 2000.
- 8
- (i) Senaraikan peruntukan Kerajaan Pusat dan Negeri untuk mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang sejak 2008.
 - (ii) Terangkan status projek-projek yang diluluskan Kerajaan Pusat untuk mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang sejak 2008.
 - (iii) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memperolehi peruntukan daripada kerajaan pusat untuk menjalankan projek tebatan banjir?
- 9.
- (i) Nyatakan bilangan penduduk bukan warganegara Malaysia yang mempunyai 1 rumah, 2 rumah, 3 rumah ke atas.
 - (ii) Nyatakan bilangan penduduk di luar Pulau Pinang yang mempunyai 1 rumah, 2 rumah, 3 rumah ke atas.
 - (iii) Nyatakan bilangan penduduk Pulau Pinang mempunyai 1 rumah, 2 rumah, 3 rumah ke atas.

10. (i) Senaraikan statistik permohonan pembeli rumah kos rendah / sederhana rendah / mampu milik RM42,000, RM72,500, RM 200,000, RM 300,000 dan RM 400,000 mengikut jantina, keturunan, taraf perkahwinan dan pendapatan keluarga.
- (ii) Senaraikan statistik permohonan yang berjaya, cara bayaran seperti pinjaman bank diluluskan, bayaran tunai dan bayaran KWSP.
11. Pekerjaan
- (i) Sila nyatakan kilang yang tutup atau kurang *production line* sejak 2008.
- (ii) Sila nyatakan kilang baru atau tambah *production line* sejak 2008.
- (iii) Sila nyatakan bilangan pekerja asing di Pulau Pinang yang terkini.
12. (i) Nyatakan tempat kediaman untuk pekerja-pekerja asing di Pulau Pinang?
- (ii) Sila nyatakan statistik jenayah Pulau Pinang mengikut orang tempatan, pekerja asing, jenis jenayah dan masa berlaku sejak 2008
- (iii) Sila nyatakan statistik pekerja asing mengikut jantina, umur, negara dan taraf pendidikan mereka.
13. (i) Terangkan hasil penyelidikan yang telah dilakukan ke atas isu hostel pekerja asing.
- (ii) Nyatakan secara terperinci tentang rancangan pembinaan hostel pekerja asing di Pulau Pinang.
- (iii) Jelaskan perbezaan pendapat dalam pembincangan pihak kerajaan, pihak swasta serta penduduk tempatan tentang isu pembinaan hostel pekerja asing serta usaha yang akan diambil oleh kerajaan.
14. (i) Senaraikan kawasan pembuangan sampah haram serta dijadikan pembakaran terbuka yang mencemari alam sekitar.
- (ii) Senaraikan pembakaran sampah haram yang direkod / dilapor di KADUN Machang Bubuk.
- (iii) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membanteras pembuangan sampah haram serta pembakaran terbuka?
15. Dasar Pertanian Pulau Pinang
- (i) Senaraikan bantuan-bantuan dari Kerajaan Negeri dan Pusat yang sedia ada kepada petani di Pulau Pinang.
- (ii) Nyatakan dasar pertanian untuk mencapai kedaulatan makanan bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang?
- (iii) Sila kemukakan hasil-hasil penyelidikan berkenaan dengan pembangunan pertanian di Pulau Pinang.
16. (i) Adakah Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat sudah buat penyelidikan seperti kerja-kerja ukur terhadap projek pelebaran Jalan Kulim yang menyambungkan bandar Bukit Mertajam - Kulim?
- (ii) Nyatakan sebab-sebab projek naiktaraf jalan tersebut sehingga kini belum dilaksanakan.

- (iii) Apakah rancangan Kerajaan Negeri terhadap projek tersebut memandangkan kawasan sekitar bangun dengan pesat?
17. (i) Pasaran rumah semakin sejuk di Pulau Pinang. Apakah ramalan Kerajaan Negeri terhadap pendapatan daripada hasil tanah pada tahun 2017 dan 2018?
- (ii) Kalau pendapatan daripada hasil tanah jatuh, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk tingkatkan sumber pendapatan lain seperti hasil bukan cukai?
18. (i) Nyatakan status terkini tentang projek pembinaan kolam tadahan air di kawasan Alma.
- (ii) Terangkan jadual pelaksanaan projek kolam tadahan air di Alma.
- (iii) Bagaimana pihak kerajaan membuka ruang untuk penglibatan penduduk setempat dalam menjadikan kolam tadahan dwi-fungsi termasuk ia dijadikan tempat rekreasi?
19. Perniagaan cuci kereta di Pulau Pinang tiada garis panduan dan banyak tidak berlesen.
- (i) Apakah masalah / rintangan dalam mengeluarkan garis panduan itu?
- (ii) Apakah masalah / rintangan dalam mengambil tindakan terhadap kedai cuci kereta yang tidak berlesen?
- (iii) Apakah rancangan untuk memutihkan kedai cuci kereta yang tidak berlesen?
20. (i) Apakah ramalan Kerajaan Negeri terhadap pasaran rumah di Pulau Pinang dari segi harga dan transaksi?
- (ii) Sila senaraikan penyelidikan yang dibuat untuk Kerajaan Negeri tentang pasaran rumah di Pulau Pinang.
- (iii) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk melindungi pasaran rumah di Pulau Pinang daripada lebih banyak jatuhan di masa depan?
21. Pemasangan CCTV di tempat pembuangan sampah haram.
- (i) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk memasang CCTV di tempat pembuangan sampah haram di Seberang Perai Tengah untuk menangkap pembuang sampah haram serta meningkatkan keselamatan setempat.
- (ii) Senaraikan kos pemasangan serta penyelenggaraan CCTV yang sedia ada untuk MPSP, MBPP mengikut bulan sejak 2014.
22. (i) Senaraikan bilangan warganegara bukan Malaysia (*stateless children*) di bawah 21 tahun yang lahir di Malaysia dan tinggal di Pulau Pinang.
- (ii) Nyatakan status pendidikan dan kesihatan golongan *stateless children* yang ada di Pulau Pinang.
- (iii) Apakah usaha dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada golongan tersebut?
23. (i) Senaraikan rizab sungai dan parit yang dicerobohi oleh penduduk atau pihak swasta mengikut daerah dan keluasan.
- (ii) Nyatakan kos untuk pengambilan balik tanah bagi menjalankan penyelenggaraan atau menaik taraf sungai dan parit sejak 2015.

- (iii) Apakah usaha Kerajaan Negeri memastikan rizab sungai dikembalikan dan tidak dicerobohi pada masa akan datang?
- 24.
- (i) Senaraikan bilangan kes penderaan seks ke atas kanak-kanak di Pulau Pinang mengikut tahun sejak 2013.
 - (ii) Berapakah kes yang telah dijatuhkan hukuman ke atas penjenayah tersebut?
 - (iii) Selain daripada kaunseling, apakah tindakan dan usaha oleh Kerajaan Negeri bagi pencegahan berlakunya kes penderaan seks ke atas kanak-kanak?
- 25.
- (i) Terangkan keberkesanan dasar pengasingan sisa di punca di kawasan perumahan serta bertingkat-tingkat.
 - (ii) Sejauh manakah kawasan-kawasan kampung yang tidak mempunyai sistem pengutipan sampah menjalankan pengasingan sisa di punca.
 - (iii) Apakah usaha yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan dasar pengasingan sisa di punca dapat dilaksanakan di semua peringkat pada 1 Jun 2017?
- 26.
- (i) Senaraikan projek-projek yang dianugerahkan status *Green Building Index* mengikut daerah, lokasi sejak 2013.
 - (ii) Apakah insentif yang diberikan oleh Kerajaan Negeri ke atas projek-projek yang berstatus *Green Building Index*?
 - (iii) Selain daripada insentif, apakah usaha lain daripada Kerajaan Negeri untuk menggalakkan dasar *Green Building Index* ini dijalankan oleh pihak pemaju?
- 27.
- (i) Senaraikan lokasi rumah-rumah flat yang disewa oleh syarikat telekomunikasi untuk pemasangan peralatan pencawang di dalam rumah.
 - (ii) Berapakah unit rumah yang telah dijadikan pencawang telekomunikasi?
 - (iii) Apakah dasar Kerajaan Negeri terhadap penyewaan rumah untuk dijadikan pencawang telekomunikasi yang menyebabkan pencemaran bunyi?
- 28.
- (i) Sejauh manakan *Food Safety Information System of Malaysia* (FoSIM) digunapakai dalam industri pemprosesan makanan serta pembekal makanan seperti restoran di Pulau Pinang?
 - (ii) Senaraikan bilangan kes keracunan makanan yang berlaku sejak 2013 mengikut bilangan mangsa, daerah dan punca.
 - (iii) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan kualiti dan kebersihan makanan jalanan Pulau Pinang terjamin?
- 29.
- (i) Terangkan status cadangan projek menaiktaraf Jalan Alma-Bukit Minyak bahagian ROB Alma ke Kota Permai yang memerlukan pembinaan pembahagian jalan untuk memastikan keselamatan dan kelancaran lalu lintas.
 - (ii) Sekiranya timbul kekangan peruntukan, bolehkah kerajaan memasang pembahagian jalan sementara untuk memastikan pengguna jalanraya tidak dapat membuat pusingan ke kanan agar risiko kemalangan jalanraya dikurangkan?

30. Masalah kolam kumbahan terbiar di bawah Jabatan Perkhidmatan Pembentungan tidak diselenggara, jadi semak samun dan kacau ganggu.
- (i) Apakah usaha Kerajaan Negeri mengambilalih kolam kumbahan tersebut serta menebus guna untuk kegunaan awam seperti tempat letak kereta, tempat rekreasi?
 - (ii) Nyatakan perbelanjaan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dalam menangani isu kolam pembentungan terbiar sejak 2013.

XXII. Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1.
 - (i) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri terhadap dewan-dewan yang diselia oleh JKKK yang telah dipotong bekalan air?
 - (ii) Adakah pihak JKKK tidak berminat untuk menyambung semula bekalan air itu, sedangkan sewaan tetap dikenakan kepada pihak yang ingin menyewa dewan tersebut?
2.
 - (i) Berapakah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada setiap penyelaras KADUN Sungai Acheh untuk sesuatu program atau projek?
 - (ii) Senaraikan program atau projek yang dilaksanakan.
3.
 - (i) Sila nyatakan bilangan tapak Surau atau Sekolah Agama milik MAINPP yang telah dijual kepada swasta.
 - (ii) Sila senaraikan mengikut daerah.
 - (iii) Apakah nilai jualan tapak-tapak tersebut? Sila senaraikan mengikut tanah dan daerah.
4.
 - (i) Baru-baru ini dimaklumkan beberapa tapak kuarters kerajaan dan tanah- tanah institusi ingin dimajukan. Pemaju manakah yang terlibat?
 - (ii) Atas dasar apakah pemaju ini dipilih?
 - (iii) Berapakah nilai pulangan kepada Kerajaan Negeri? Nyatakan butiran terperinci mengikut lot No, mukim, daerah dan lokasinya.
5. Baru-baru ini Kerajaan Negeri telah mengecualikan penyediaan tapak masjid, surau kepada pemaju di Pulau Pinang bagi kawasan-kawasan yang majoriti bukan orang-orang Islam. Apakah benar perkara tersebut?
 - (i) Jika ya, sila nyatakan dimanakah projek tersebut dilaksanakan.
 - (ii) Siapakah pemajunya?
6.
 - (i) Apakah langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani isu pengangguran di kalangan anak muda di Negeri Pulau Pinang?
 - (ii) Berapakah bilangan pengangguran di Negeri ini sejak DAP memerintah?
7. Adakah apa-apa tindakan yang boleh atau telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam soal pemilikan rumah bagi kalangan orang muda, melihat kepada kos harga rumah yang sangat tinggi? Sila nyatakan perancangan pihak Kerajaan Negeri secara "detail" untuk tujuan tersebut.

8. Ketua Menteri Pulau Pinang terus membebaskan rakyat Pulau Pinang. Dalam tempoh 9 tahun beliau telah menaikkan surcaj pemulihan air daripada 48 sen kepada RM1. Ketika zaman pemerintahan Barisan Nasional tidak ada kenaikan harga air untuk tempoh 15 tahun.
 - (i) Adakah Kerajaan Negeri sudah bankrap sehingga perlu menaikkan surcaj air?
9. Pengambilan balik tanah di Pulau Burung dan Byram, bagaimanakah kedudukan pengambilan tersebut?
 - (i) Adakah isu-isu setingan di kawasan tersebut telah diselesaikan?
 - (ii) Berapakah kompensasi yang telah mereka terima?
10. Dimaklumkan *System Material Recovery Facilities (MRF)* akan dilaksanakan di Pusat Pelupusan Sampah di Pulau Burung.
 - (i) Sejauh manakah pelaksanaan proses tersebut?
 - (ii) Bilakah ia dimulakan?
 - (iii) Apakah kelebihan dan keuntungan jika MRF ini dilaksanakan?
11. Baru-baru ini telah berlaku kebakaran di pusat kitar semula di tapak pelupusan Pulau Burung.
 - (i) Apakah punca berlakunya kebakaran tersebut?
 - (ii) Berapakah kerugian yang dialami?
 - (iii) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam pengawasan awal dan juga pencegahan untuk mengelakkan berlakunya kebakaran sekali lagi?
12. Difahamkan bahawa air yang tercemar dari tapak pelupusan Pulau Burung telah menyebabkan berlakunya kerosakan di kawasan Hutan Simpan Byram. Apakah tindakan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah pencemaran tersebut?
13.
 - (i) Bagaimanakah pula dengan Mini Stadium Bukit Mertajam di Jalan Betek, Bukit Mertajam yang mana laluan orang ramai telah dibina sebuah medan selera sedangkan medan selera telah sedia ada di mini stadium tersebut?
 - (ii) Apakah rasionalnya membina medan selera di tengah-tengah laluan orang ramai?
14. Apakah bentuk penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pulau Pinang sehingga ianya dipecat?
15. Berapa syarikatkah yang telah di beri tawaran menguruskan pengurusan sistem tempat letak kereta oleh MBPP dan senaraikan nama nama syarikat tersebut? Secara macam manakah tawaran itu diberikan?
16. Berapa banyakkah kolam tadahan air yang wujud di Taman Taman Perumahan di bawah MPSP? Sila senaraikan mengikut taman-taman.
17. Adakah kolam tadahan air di jadikan sebagai tanah lapang di taman-taman perumahan di bawah MPSP?

18. (i) Berapakah jumlah bangunan yang di bina tanpa kebenaran pihak berkuasa yang terdapat di dalam KADUN Sungai Aceh?
- (ii) Sebutkan jenis bangunan dan dimana lokasinya.
19. (i) Berapakah bangunan yang didirikan di atas tanah kerajaan tanpa kebenaran pihak berkuasa dalam KADUN Sungai Aceh?
- (ii) Sebutkan jenis bangunan dan di lokasi mana.
20. Apakah tindakan yang telah di ambil oleh Kerajaan Negeri terhadap bangunan yang wujud di atas tanah kerajaan tanpa kebenaran dalam KADUN Sungai Aceh?
21. Apakah status Projek Jambatan Tanjung Berembang sekarang?
22. Apakah nama kontraktor yang telah di tawarkan untuk membina jambatan tersebut?
23. Berapakah kos sebenar pembinaan Jambatan Tanjung Berembang?
24. Isu Kiosk Gerai Peniaga di Taman Pekaka yang telah diarahkan untuk dirobohkan khemah tambahan gerai oleh Kerajaan Negeri atas alasan menghalang lalu lintas sedangkan tiada kenderaan yang lalu lalang di situ. Mereka ini peniaga kecil . Apakah sebab utama arahan untuk merobohkan khemah tersebut dilakukan?
25. (i) Adakah terdapat perancangan untuk menghasilkan sumber tenaga alternatif gas di Tapak Pelupusan Pulau Burung?
- (ii) Difahamkan ada perancangan untuk wujudkan Ladang Solar di tapak pelupusan sampah Pulau Burung. Apakah hasil atau faedah yang akan diperolehi oleh Kerajaan Negeri serta penduduk sekitar dengan pelaksanaan Ladang Solar tersebut?
26. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap bangunan yang dibina tanpa kebenaran di dalam KADUN Sungai Aceh?

XXIII. Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (i) Berapakah jumlah kes Keganasan Rumah Tangga (KRT) mengikut daerah di Pulau Pinang pada 2016? Sila berikan pembahagian mengikut jantina bagi pelaku dan mangsa.
- (ii) Daripada kes-kes KRT pada 2016, berapakah peratusan yang di kelaskan sebagai tiada tindakan lanjut (NFA), didakwa, didakwa kemudian ditarik balik dan yang mendapat sabitan?
2. (i) Berapakah jumlah kes rogol, sumbang mahram, cabul, liwat dan gangguan seksual mengikut daerah di Pulau Pinang pada 2016? Pohon berikan pembahagian mengikut jantina bagi pelaku dan mangsa kes-kes tersebut.
- (ii) Berapakah peratusan kes-kes ini yang dituduh dan yang akhirnya disabitkan?
3. Impak kemalangan ke atas nyawa mungkin berbeza antara saiz dan jenis kenderaan atau pejalan kaki. Sila berikan statistik kemalangan jalan raya mengikut pecahan daerah dan bersama ini mengenalpasti bilangan kematian, kecederaan parah, kecederaan ringan dan kerosakan sahaja bagi setiap kategori kenderaan yang terlibat dalam kemalangan.
4. Adalah penting agar lokasi majikan dan tempat pekerjaan bagi pekerja asing direkodkan oleh Jabatan Imigresen dan boleh digunakan untuk perancangan bandar dan sumber manusia. Sila berikan taburan bilangan pekerja asing mengikut daerah tempat pekerjaan. Sila mengenalpasti negara asal dan jenis tempat pekerjaan, contohnya domestik, hotel, kilang atau pembinaan.

5. Bagi pendengaran awam terkini kajian semula Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Rancangan Tempatan (RT) serta pameran Rancangan Khas Kawasan (RKK), berapakah bilangan orang awam dan organisasi yang telah memberi maklumbalas dan apakah jenis-jenis isu dan persoalan yang paling banyak dibangkitkan terhadap RSN, RT dan setiap RKK?
6. Berapakah bilangan OKU di Pulau Pinang dalam rekod setiap tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016? Pohon berikan mengikut daerah, jantina, umur dan kategori kekurangupayaan.
7. Kini penerima bantuan kebajikan perlu membuat permohonan semula setiap tahun. Bagi tahun 2015, 2016 dan 2017, berapakah penerima baru (tidak pernah menerima bantuan) dan berapakah yang pernah menerima bantuan tetapi ditolak dan berhenti menerima bantuan pada tahun tersebut? Sila pecahan mengikut kategori situasi mereka dan jumlah bantuan bulanan.
8. Berapakah bilangan, kapasiti (bilangan orang yang dijaga), bilangan pekerja am, bilangan pekerja mahir dan jenis pusat jagaan orang tua, kanak-kanak dan anak yatim, OKU dan lain-lain pusat jagaan di setiap KADUN? Sila sertakan atau selaraskan senarai daripada Jabatan Kebajikan, Jabatan Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan. Berikan tahun ditubuhkan jika boleh.
9. Pohon berikan taburan lokasi dan bilangan persatuan-persatuan (NGO) dan badan-badan kebajikan di setiap KADUN. Berapakah tanah dan tempat yang disewa atau dipajak oleh pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan kepada NGO dan kebajikan. Sila bezakan saiz tanah atau jenis tempat, misalnya banglo, teres, kompleks atau pejabat.
10. Pohon berikan jumlah OKU setiap daerah mengikut pecahan umur dan jenis kekurangupayaan. Berapakah bilangan OKU dan jenis kekurangupayaan yang dilahirkan setiap tahun dari 2005 hingga sekarang? Berapakah bilangan yang menjadi OKU disebabkan penyakit atau kemalangan, setiap tahun dari 2005 hingga sekarang, mengikut pecahan umur, penyakit dan jenis kemalangan?
11. Berapakah bilangan OKU yang masuk sekolah rendah dan sekolah menengah dari tahun 2006 hingga sekarang? Sila berikan mengikut lokasi sekolah, jenis sekolah, jantina dan jenis kekurangupayaan mereka. Berapakah bilangan dan jenis OKU yang lulus UPSR, PMR, PT3, SPM, STPM dan universiti dari tahun 1990 sehingga sekarang?
12. Berapakah bilangan penerima sumbangan Penang Future Foundation? Sila berikan lokasi tempat pengajian, jenis kursus, umur dan jumlah sumbangan yang diterima oleh mereka.
13. Sila berikan jumlah pelaburan asing dari tahun 2005 hingga sekarang mengikut sektor, lokasi, bilangan pekerja asing, bilangan pekerja tempatan, bilangan pekerja mahir, nilai pelaburan dan jenis insentif yang diterima.
14. Pohon berikan bilangan dan jenis taska dan tadika mengikut KADUN. Pohon berikan bilangan dan jenis pusat jagaan (termasuk kanak-kanak, orang tua, OKU dan lain-lain) mengikut KADUN.
15.
 - (i) Berapakah bilangan banduan daripada Pulau Pinang?
 - (ii) Apakah saiz, lokasi dan kapasiti penjara di Pulau Pinang?
 - (iii) Setiap tahun 2010 hingga 2017, berapakah bilangan banduan yang mati dalam penjara dan berapakah bilangan kali adanya banduan yang memerlukan perhatian atau perkhidmatan perubatan?

16. Sila berikan maklumat setiap pasar mengikut KADUN dengan butiran saiz keseluruhan kawasan pasar, bilangan lot perniagaan mengikut kategori (contohnya ayam, sayur, makanan dan lain-lain), bilangan pemegang lesen, sewa yang dikenakan dan bilangan kekosongan.
17. Sila butirkan perbelanjaan menaiktaraf pasar dan perbelanjaan penyelenggaraan pasar bagi setiap pasar setiap tahun sejak 2000. Sertakan peta taburan atau lokasi pasar.
18. Pohon berikan senarai lokasi, jadual masa, bilangan gerai, pendapatan dan JKKK yang menerima pendapatan bagi setiap pasar malam bergerak di Negeri Pulau Pinang.
19. Butirkan lokasi dan bilangan unit-unit perumahan bagi projek perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik yang telah dibina dan dalam proses pembinaan atau perancangan di Daerah Timur Laut. Sila senaraikan mengikut KADUN dan bandingkan sebelum dan selepas tahun 2008.
20. Ada sebuah bangunan yang asalnya bertujuan dijadikan Pasar Awam di hadapan Flat Taman Kristal di Mount Erskine, tetapi menjadi bangunan terbiar disebabkan masalah pemisahan dan serahan tanah kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Sila butirkan latar belakang, masalah yang dihadapi, status terkini dan perancangan pihak Kerajaan terhadap tanah tersebut.
21. Ada sebuah tanah kerajaan yang terbiar di sebelah Seri Taman Tanjung di Persiaran Lengkuas, Mount Erskine. Apakah latar belakang dan tujuan untuk tanah tersebut?
22. Adakah inventori kesemua bangunan kerajaan di Negeri Pulau Pinang? Senaraikan bangunan-bangunan kerajaan sediaada yang telah dibina.
 - (i) Sebelum tahun 1950; dan
 - (ii) Dari 1951 hingga 1990. Pohon mengenalpasti sama ada kesemua bangunan ini masih digunakan dan butirkan kos kerja naiktaraf atau pemuliharaan yang telah dijalankan sejak 1990.
23. Berapakah kampung dan bilangan rumah yang ada di kawasan yang disempadankan oleh Jalan Fettes, Jalan Mount Erskine, Jalan Bagan Jermal dan perairan laut pada tahun 1990, iaitu sebelum pangsapuri-pangsapuri Grandview, Marina Bay, Tanjung Park, Taman Kristal dan Taman Teguh dibina? Adakah penduduk-penduduk kampung diberi pampasan sebelum tanah diambilbalik untuk pemajuan?
24. Berikan latar belakang Tapak Penjaja Sementara (TPS) Mount Erskine, termasuk kos yang terlibat dalam pembinaan TPS tersebut, bilangan penjaja yang diperuntukan, bilangan penjaja masa kini, kos penyelenggaraan setiap tahun, dan sama ada akan diubah kepada tapak tetap? Apakah perancangan jangkamasa panjang untuk menyediakan pasar bagi penduduk yang meningkat di sini?
25. Ada sebuah kedai tuak di Jalan Cantonment Pulau Tikus yang terletak di atas tanah kerajaan. Apakah pendapatan dan perbelanjaan tahunan kerajaan daripada tanah ini dalam tempoh 1980 hingga sekarang? Apakah garis panduan dan kontrak antara pihak kerajaan dan pihak pengurus kedai tuak?
26. Senaraikan bangunan-bangunan atau alamat-alamat di KADUN Pulau Tikus yang dirangkumi dalam Akta Kawalan Sewa 1966.
27. Senaraikan bangunan-bangunan yang melebihi 15 tingkat di KADUN Pulau Tikus dan jenis kegunaan tanah dan bangunan yang terlibat.
28. Apakah bilangan tanah yang telah ditukarguna daripada kegunaan lain kepada kegunaan komersial dan bercampur setiap tahun daripada 2005 hingga sekarang, dan berapakah jumlah sumbangan tukarguna tanah yang telah diterima oleh Pihak Berkuasa Tempatan? Sila berikan alamat-alamat atau lokasi-lokasi tukar guna tanah di KADUN Pulau Tikus pada tempoh yang sama.

29. Apakah impak kewangan kepada Kerajaan Negeri dan kerajaan tempatan akibat penyerapan cukai GST dan juga pengecualian cukai pintu untuk rumah kos rendah, sederhana rendah dan rumah kampung bagi tahun 2016 dan 2017?
30. Sila senaraikan pelaburan asing dalam sektor pelancongan di Bukit Bendera, pelancongan di Bandar Warisan George Town, pelancongan di kawasan lain dalam negeri, *Business Process Outsourcing* dan aktiviti ekonomi perkhidmatan yang lain. Butirkan lokasi, jumlah pelaburan serta jumlah pekerjaan mahir dan bukan mahir yang diwujudkan untuk orang tempatan dan warga asing.

XXIV. Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah tindakan yang dapat diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membimbing rakyat kita supaya jauhkan diri daripada permainan *money game* yang tanpa lesen dan berisiko ini?
2. Apakah tindakan yang dapat diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kesesakan Lalulintas di persimpangan Gat Lebu Macallum dan sepanjang Lebuhraya Tun Dr.Lim Chong Eu mulai terminal feri sampai persimpangan Gat Lebu Cecil semasa waktu kerja dan waktu lepas kerja?
3. Apakah status penubuhan PPS dan BPS? Bilakah rakyat dapat mengambil bahagian dengan sah?
4. Sila nyatakan dengan teliti mulai Januari 2017 sampai Mei 2017, berapakah pelabur luar negara yang datang ke Pulau Pinang untuk melabur?
5. Apakah rancangan dan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir dalam masa lima tahun yang akan datang di beberapa kawasan negeri ini yang sering mengalami masalah banjir selepas hujan lebat selama dua jam?
6. Sila nyatakan dengan teliti pada musim 2016 / 2017 Liga Super,berapakah tajaan yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri kepada FA Penang? Adakah Kerajaan Negeri merasa puas hati dengan kedudukan keputusan FAP dalam Liga Super ini?
7. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap basikal beroda empat di tapak warisan yang selalu tidak mengikut hala tuju jalan?
8. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap FAP atas prestasi yang teruk sekarang berada di tangga terakhir dalam liga?
9. Setelah FA Penang telah menerima tajaan yang banyak daripada negeri Pulau Pinang, adakah FA Penang membuat kem pemuda untuk berlatih pemuda negeri supaya negeri ini dapat melahirkan banyak pemain-pemain yang lebih handal?
10. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina sebuah jejantas yang boleh melepaskan kereta-kereta dari kawasan Macallum ke Sungai Pinang untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas?
11. Sila nyatakan dengan teliti dari Tahun 2016 sampai Mei 2017, berapakah kilang di negeri ini telah tutup atau pindah keluar dari negeri ini?
12. Apakah status proses *Art District* yang telah diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada bajet yang lepas?
13. Sila nyatakan dengan teliti, apakah peranan sebagai Kerajaan Negeri atas pembangunan pelancongan negeri ini.

14. Sila nyatakan dengan teliti apakah status sistem pengaliran di klan jeti yang masih belum dipasang.
15. Bolehkah Kerajaan Negeri mencari jalan untuk mengatasi masalah pekerja asing yang semakin banyak di kawasan perumahan bandar?
16. Bilakah kerja menaik taraf Taman Kejiranan Macallum boleh dimulakan sedangkan kerja penukaran paip PBA sedang dijalankan?
17. Atas permintaan yang tinggi oleh penduduk di kawasan macallum supaya mendirikan tempat letak kereta bertingkat di atas tanah PDC dan MBPP, adakah permohonan transit dapat dipertimbangkan?
18. Bilakah MBPP akan menukar semua tiang lampu tepi jalan di kawasan Pengkalan Kota atas cahaya tiang yang lama telah kurang dan mungkin akan menjejaskan keselamatan rakyat atau pengguna jalan tersebut?
19. Apakah rancangan yang akan diadakan untuk menaik taraf tapak warisan di kawasan Pengkalan Kota?
20. Apakah status perkembangan penyerahan Dewan Komuniti Macallum kepada JKKK Macallum?
21. Dalam masa lima (5) tahun yang akan datang, sila nyatakan dengan teliti jumlah berapa rumah mampu milik yang akan dibina di negeri Pulau Pinang?
22. Apakah rancangan yang akan diadakan oleh Kerajaan Negeri untuk membina tempat letak kereta bertingkat di tanah MBPP berlokasi di belakang Pasar Lebu Cecil untuk mengatasi masalah kesesakan jalan dan juga kekurangan tempat letak kereta kawasan tersebut?
23. Sila nyatakan dengan teliti jumlah projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri, MBPP dan PDC mulai tahun 2013 sehingga Mei 2017?
24. Adakah Kerajaan Negeri masih memberikan insentif kepada pengayuh beca di negeri ini?
25. Apakah rancangan pelancongan Negeri Pulau Pinang untuk menaik taraf imej pengayuh beca supaya dapat menjadi lebih menarik perhatian dalam bidang pelancongan?
26. Terdapat aduan tentang caj pintu masuk The Top Komtar agak tinggi dan kebanyakan keluarga tidak mampu membayar dan hilang peluang untuk menyaksikan pandangan Pulau Pinang. Apakah tindakan Kerajaan Negeri yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini?
27. Apakah status perkembangan Projek 3R yang sedang dijalankan oleh PBT? Adakah berjaya di kawasan perumahan flat-flat di negeri ini?
28. Apakah status kalong-kalong ikan di kawasan Persiaran Karpal Singh dan Persiaran Macallum?
29. Sila nyatakan dengan teliti statistik kes jenayah pada tahun 2015 sehingga Mei 2017.
30. Adakah Kerajaan Negeri memberi acknowledgement kepada MBI sebagai penaja utama untuk Marathon 2017?

XXV. Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila nyatakan status terkini proses perwartaan Rancangan Tempatan Pulau Pinang. Sila berikan time line bila Rancangan Tempatan Pulau Pinang akan diwartakan.
2. Sila nyatakan status terkini mengenai cadangan terowong bawah laut menyambungi bahagian Pulau dengan Seberang.
3. Sila nyatakan status terkini mengenai cadangan RFP pembangunan marina di *sorethumb* Tingkat Laut, Tanjung Bunga.
4. Sila nyatakan status terkini mengenai cadangan pembinaan sebuah Sekolah Antarabangsa di Straits Quay?
5. Sila nyatakan status terkini projek jalan berkembar Paya Terubong . Bilakah jalan berkembar ini dijangka dibuka untuk orang awam?
6. Sila jelaskan pendirian Kerajaan Negeri dalam isu *money game* yang semakin disertai oleh orang ramai.
7. Sila nyatakan status terkini cadangan pembinaan 60 tingkat hotel di Copthorne Hotel Tanjung Bunga.
8. Sila nyatakan status terkini cadangan pembinaan 47 tingkat pangsapuri di Lebuh Rambai. Adakah sebarang pemindaan pelan daripada pihak pemaju supaya cadangan projek dapat selaras dengan kehendak penduduk sekitar yang membantah cadangan 47 tingkat ini? Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh pihak MBPP?
9. Sila senaraikan projek yang akan dijalankan oleh JPS di KADUN Paya Terubong pada tahun 2017.
10. Sila nyatakan projek yang akan dijalankan oleh JKR di KADUN Paya Terubong pada tahun 2017.
11. Sila senaraikan permohonan merancang yang telah diluluskan oleh OSC MBPP dari Januari 2016 sampai April 2017.
12. Sila nyatakan usaha atau pencapaian oleh Kerajaan Negeri dalam mengambil peluang perdagangan dalam Polisi One Belt One Road yang dilancarkan oleh negara China.
13. Sila nyatakan usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memupuk kesedaran kurang merokok di negeri ini.
14. Sila senaraikan jumlah projek, bilangan unit rumah mampu milik yang telah diluluskan oleh MBPP sepanjang tahun 2016 sehingga April 2017.
15. Sila nyatakan program dan usaha yang telah diambil oleh pihak MBPP dan PGC untuk menjayakan program pengasingan sisa di punca.
16. Sila nyatakan usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan pelaburan asing ke negeri ini.
17. Sila nyatakan usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan pelancongan di KADUN Paya Terubong.
18. Sila nyatakan kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan Negeri dalam sektor sukan untuk negeri Pulau Pinang.
19. Sila nyatakan usaha yang telah diambil Kerajaan Negeri dalam menstabilkan cerun-cerun yang berisiko di KADUN Paya Terubong.

20. Selain daripada bangunan letak kereta di Lebu Pantai, sila senaraikan usaha lain yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan pencapaian yang dicapai untuk menyelesaikan masalah kekurangan meletak kereta di kawasan George Town.
21. Selain pasaran Asia, sila nyatakan apa usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menarik pelancong daripada Eropah dan Benua Amerika.
22. Sila nyatakan pendirian Kerajaan Negeri mengenai Airbnb. Adakah kerajaan mencadangkan untuk mengawal Airbnb memandangkan wujudnya aduan daripada sektor perhotelan bahawa kewujudan Airbnb telah sedikit sebanyak menjejaskan perniagaan hotel.
23. Sila nyatakan usaha yang telah diambil oleh dan kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan Negeri untuk memberi peluang pekerjaan kepada kaum ibu tunggal.
24. Sila nyatakan kaedah dan hasil/rekod pemantauan Kerajaan Negeri atas kutipan 20 sen oleh saudagar dalam kempen *No Plastic Bag*. Sila nyatakan jumlah wang yang telah dikutip untuk Tabung Kebajikan Negeri Pulau Pinang daripada kutipan 20 sen kempen *No Plastic Bag*.
25. Sila senaraikan nyatakan usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menaik taraf prestasi bola sepak Pasukan Negeri Pulau Pinang.
26. Sila senaraikan kes-kes yang difailkan ke Lembaga Rayuan sejak tahun 2008 dan keputusan kes termasuk nama presiden yang mendengar kes, nama peguam dan nama pihak yang terlibat.
27. Sila nyatakan usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah banjir kilat yang berlaku di kawasan Relau. Apakah punca banjir kilat dan sila jelaskan adakah ia berkaitan dengan pembangunan projek perumahan yang semakin banyak di Relau dan Sungai Ara?

SOALAN-SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (i) Apakah status semua tanah di Negeri Pulau Pinang yang dibeli oleh Syarikat 1 Malaysia Development Berhad (1MDB)
- (ii) Bilakah rumah kos rendah atau mampu milik akan dibina diatas tanah yang dimiliki Syarikat 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) seperti yang dijanjikan oleh Perdana Menteri semasa kempen Pilihan Raya Umum Ke.12.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Huraikan projek-projek mitigasi banjir yang sudah dilaksanakan oleh Kerajaan dan projek-projek dalam cadangan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Selepas beberapa tahun perbincangan atas tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah pekerja asing menduduki di rumah LMC, akan tetapi sampai hari ini masalah masih belum diatasi seperti kes Sri Saujana Macallum. Sila jelaskan dengan teliti bilakah dan apakah tindakan akan diambil oleh kerajaan negeri atas masalah tersebut?

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Di kawasan Komtar, terdapat banyak rumah usang yang terbiar. Ini bukan sahaja menjatuhkan imej bandar, malah ia juga menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes atau sarang penagih dadah.
 - (i) Sila berikan senarai terkini rumah usang di Komtar.
 - (ii) Apakah langkah penyelesaian yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Jelaskan status pelaksanaan pembinaan tiga lebuhraya dan terowong.
 - (i) Jumlah dan agihan bayaran kepada semua pihak terlibat sehingga kini;
 - (ii) Status pemajuan tanah beri milik kerajaan kepada pemaju Zenith;
 - (iii) Jelaskan kedudukan cadangan pembinaan jambatan berbanding terowong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Sila nyatakan usaha yang telah dilaksanakan oleh agensi kerajaan negeri dan kejayaan yang telah dicapai dalam usaha menanam pokok di sekitar Pulau Pinang.

5. TAMAT SESI SOALAN LISAN

Yang di-Pertua memaklumkan 3 jam soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7). Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam penyata rasmi.

6. PERSIDANGAN DILANJUTKAN

Y.A.B. Ketua Menteri memohon dibawah Peraturan 6A(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang supaya sidang Dewan dilanjutkan sehingga jam 11.30 malam.

Sokongan sebulat suara.

7. USUL TERIMA KASIH

Usul ucapan terima kasih oleh YB. Permatang Pasir kepada T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas.

Usul telah disokong dan ucapan sokongan oleh YB. Sungai Pinang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.00 petang.

8. PERBAHASAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar bin Haji Abdul Hamid) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan a/l Autherapady) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.50 petang.

Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam.

9. PERBAHASAN DISAMBUNG SEMULA

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L T. Thambyappa) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.35 malam.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 23 MEI 2017(SELASA)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fook	Berapit
16.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
27.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
30.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32.	YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
33.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
34.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
35.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
36.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
37.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
38.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
39.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Puan Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

1. DOA

2. SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (i) Berapakah jumlah rumah-rumah perlindungan wanita yang ada di Negeri Pulau Pinang di bawah Kerajaan Negeri, MAINPP dan NGO?
- (ii) Berapa orangkah wanita yang diberi perlindungan sejak lima (5) tahun kebelakangan ini dan sila nyatakan mengikut umur dan masalah yang dihadapi.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah cadangan-cadangan yang telah saya bangkitkan kepada kerajaan negeri dalam dewan yang mulia ini sejak tahun 2008 hingga 2016 telah dilaksanakan?

Sila senaraikan dan huraikan dengan teliti.

- (i) Selain bayaran RM100 Program Penghargaan Warga Emas, adakah Kerajaan Negeri berancang meningkatkan kualiti hidup warga emas dengan membekal bantuan perlindungan insurans?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Merujuk kepada keputusan mesyuarat Jawatan Kuasa Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (PJKK) MMK Wanita pada 23/3/17 untuk memohon agar PJKK ditarifkan sebagai Khidmat Sosial:

- (i) Bilakah penakrifan ini akan dilaksanakan di Seberang Perai dan Pulau?
- (ii) Adakah terbuka kepada kepada PJKK yang bukan "non-profit-organisation"?
- (iii) Syarat-syarat?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sila senaraikan kilang-kilang yang dikompaun dan didakwa ke mahkamah atas kesalahan mencemarkan alam sekitar di setiap daerah dari tahun 2013 hingga 2017.

- (i) Sila nyatakan statistik kilang yang telah dan masih belum menjelaskan kompaun masing-masing.
- (ii) Berapa kilang yang mencemar alam sekitar yang ditarik balik lesen mereka?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Pembangunan Tanah Wakaf dalam DUN Bertam:

- (i) Berapakah jumlah tanah wakaf di DUN Bertam? Senaraikan tempat dan keluasan.
- (ii) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membangunkan tanah wakaf berkenaan? Jika ada, huraikan projek secara terperinci.

- (iii) Adakah masih terdapat tanah wakaf yang menimbulkan masalah untuk dibangunkan

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 12. (i) Huraikan impaknya ekonomi kita terutamanya golongan muda, oleh *Money Game* yang sedang menjejaskan semua lapisan masyarakat kita dan tindakan Kerajaan Negeri untuk menstabilkan ekonomi kita.
- (ii) Senaraikan syarikat dengan terperinci yang terlibat dalam *Money Game* ini.
- (iii) Adakah satu peruntukan digubalkan untuk mengawalinya?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 13. (i) Apakah pendirian Y.A.B. Ketua Menteri dan Exco Hal Ehwal Agama berhubung dengan pembentangan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 2016 (RUU 355) oleh Presiden PAS YB. Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam Sidang Dewan Rakyat pada 06/04/2017?
- (ii) Jika diluluskan adakah kerajaan negeri akan terima pakainya di Negeri Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 14. Kerajaan negeri menerima peruntukan persekutuan untuk projek dibawah MARRIS. Nyatakan secara terperinci jumlah yang diterima pad tahun 2013 hingga 2016.
- (i) Senaraikan projek yang dilaksanakan dengan peruntukan MARRIS
- (ii) Adakah terdapat lebih dari wang peruntukan ini?
- (iii) Jika ya, pernahkah wang peruntukan ini dipulangkan balik kepada kepada Kerajaan Persekutuan?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 15. (i) "Barrier Halangan Kenderaan Berat" di Vale of Tempe sering dihancurkan oleh pemandu kenderaan berat yang ambil kesempatan membahayakan pengguna jalan yang lain, apakah tindakan kerajaan tempatan?
- (ii) Adakah penjenayah tersebut ditangkap dan dakwa?
- (iii) Apa lagi kerajaan tempatan boleh buat demi keselamatan orang awam?

3. TAMAT SESI SOALAN LISAN

Yang di-Pertua memaklumkan 3 jam soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7). Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam penyata rasmi.

4. PERBAHASAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

5. PERSIDANGAN DILANJUTKAN

Y.A.B. Ketua Menteri memohon dibawah Peraturan 6A(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang supaya sidang Dewan dilanjutkan sehingga jam 11.45 malam.

Sokongan sebulat suara.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) menyambung semula perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari.

Dewan bersambung semula pada jam 2.00 petang.

6. PERBAHASAN DISAMBUNG SEMULA

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmod Bin Zakaria) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.00 petang

Dewan bersambung semula pada jam 8.00 malam.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

7. SESI PENGGULUNGAN

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) mengambil bahagian dalam sesi penggulangan.

Dewan ditangguhkan pada jam 9.50 malam.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 24 MEI 2017(RABU)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fook	Berapit
16.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
27.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
30.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
33.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
34.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
35.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
36.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
37.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
38.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
2.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Puan Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

1. DOA
2. SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (i) Kelembapan ekonomi telah menyaksikan kilang-kilang terpaksa melakukan pemberhentian pekerja. Setakat hari ini, berapakah kadar pengangguran di Pulau Pinang?
- (ii) Sektor yang manakah yang paling tinggi melakukan pemberhentian pekerja?
- (iii) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menubuhkan skim/tabung pengangguran?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (i) Apakah langkah-langkah proaktif yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri bagi meningkatkan lagi peranan wanita di dalam meningkatkan pembangunan negeri didalam pelbagai sektor
- (ii) Apakah kerajaan mempunyai perancangan melalui Briged Wanita bagi mewujudkan industri kampung atau perusahaan makanan ringan yang difikirkan sesuai untuk golongan wanita bagi setiap KADUN di samping menambahkan pendapatan mereka?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (i) Berapakah kos Kajian EIA dan DEIA bagi projek jalan-jalan utama dan pembinaan terowong.
- (ii) Apakah status kajian EIA dan DEIA sehingga kini? Huraikan dengan terperinci.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (i) Senaraikan Pasar Awam dan Kerja-kerja menaik taraf Pasar dan Kompleks Makanan di seluruh Pulau Pinang.
- (ii) Adakah kerja-kerja menaik taraf Pasar dan Kompleks Makanan melibatkan kawasan Parlimen Kepala Batas. Jika ya, senaraikan mengikut KADUN.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (i) Apakah pandangan kerajaan tentang kebajikan pejalan kaki dan peranan mereka dalam pengurusan lalu lintas?
- (ii) Apakah polisi dan garis panduan yang ditetapkan bagi menggalakkan lebih banyak orang berjalan kaki?
- (iii) Sila berikan contoh garis panduan yang diwajibkan bagi infrastruktur lampu isyarat pejalan kaki dan siar kaki dan sama ada diwajibkan di seluruh negeri?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (i) Terangkan dasar sewa tanah industri yang dibangunkan oleh PDC untuk pengusaha dan pengilang dalam dan luar negara?
- (ii) Jelasnya perubahan ke atas kadar sewa dari 10sen psf setahun kepada 10% daripada jumlah sewaan untuk *consent fee*?
- (iii) Kenapa penyewa perlu bayar tiga (3) tahun *consent fee* terlebih dahulu sedangkan dalam perusahaan wujud ketidakpastian?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Tarif air Pulau Pinang adalah paling rendah tetapi penggunaan air domestik pula paling tinggi di Malaysia.
 - (i) Apakah perancangan/usaha kerajaan negeri supaya penggunaan air tidak melebihi kadar penggunaan air yang disyorkan. Sila huraikan.
 - (ii) Adakah inisiatif Kerajaan Negeri membawa impak positif atau kesedaran mengurangkan pembaziran air di kalangan pengguna?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (i) Apakah peranan, kepentingan dan kedudukan kerajaan negeri dalam pembangunan Projek Penang Sentral? Huraikan.
- (ii) Berapakah nilai sumbangan kewangan Kerajaan Negeri dalam pembangunan Projek Penang Sentral?
- (iii) Milik siapakah tanah Projek Penang Sentral dan huraikan peranan Penang Sentral dalam membangunkan Hub Pengangkutan Awam Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (i) Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk memartabatkan fungsi *check and balance* Dewan Undangan Negeri dengan menubuhkan Jawatankuasa Pilihan yang mempunyai kuasa untuk menjalankan pendengaran awam (*public enquiry*) secara terbuka tersebut?
- (ii) Sekiranya ya, apakah perkembangannya?
- (iii) Sekiranya tidak, mengapa?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (i) Adakah Kerajaan Negeri telah menyiapkan kajian EIA bagi projek tambakan laut di selatan Pulau Pinang?
- (ii) Jika ya, sila nyatakan nama syarikat yang melakukan kerja tersebut, berapakah kosnya dan bila disiapkan laporan tersebut, untuk dihantar ke Kerajaan Pusat?

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Bilakah projek terowong akan dilaksanakan?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (i) Adakah daging ayam dan telur ayam yang dijual di Pulau Pinang selamat untuk dimakan?
- (ii) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk menjamin keselamatan bekalan daging ayam dan telur ayam untuk memastikan tidak dijangkiti virus H1N1?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Apakah cadangan untuk membangunkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan negeri dan kerajaan tempatan terhadap insiden lori penguatkuasa MBPP yang telah dirampas oleh dua orang lelaki pada 4 May 2017 tersebut?

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Penempatan semula penjaja dari Jalan Kuala Kangsar ke Jalan Chowrasta telah menyebabkan penjaja mengalami suasana yang agak panas. Masalah ini telah menjejaskan perniagaan mereka.
 - (i) Adakah MBPP akan membina bumbung tetap di Jalan Chowrasta?
 - (ii) Kawasan Komtar tidak mempunyai balai rakyat, bolehkah tingkat 3 Pasar Chowrasta dijadikan sebagai balai rakyat?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

31. Jelaskan kejayaan Medan Fair tahun ini.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

32. Sila senaraikan Projek Kajian MESRA Kehijauan Alam dengan pihak tempatan dan agensi antarabangsa. Apakah hasil dan faedah kepada negeri dan negara?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

33. (i) Berapakah pendapatan purata penduduk Pulau Pinang terkini?
 - (ii) Sila nyatakan mengikut sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian mengikut daerah.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

34. Dalam Sidang Media *Forum Electoral Reform* pada 31.3.17, YB Chow Kon Yeow mengumumkan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang boleh merealisasikan *electoral reform* dengan menambah tujuh kerusi tanpa KADUN (*non-constituent seats*) untuk menambah ADUN wanita dari 6(15%) kepada 13 (27%).
 - (i) Bilakah usul penambahan tujuh kerusi wanita tanpa KADUN di DUN Pulau Pinang akan dibentang?

- (ii) Adakah pembahagian tujuh kerusi wanita dibuat mengikut undi popular PRU13 atau PRU14?

3. TAMAT SESI SOALAN LISAN

Yang di-Pertua memaklumkan 3 jam soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7). Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam penyata rasmi.

4. SESI PENGGULUNGAN

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari

Dewan bersambung semula pada jam 2.00 petang

5. SAMBUNGAN SESI PENGGULUNGAN

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) menyambung semula sesi penggulungan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

6. PERSIDANGAN DILANJUTKAN

Y.A.B. Ketua Menteri memohon dibawah Peraturan 6A(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang supaya sidang Dewan dilanjutkan sehingga jam 11.45 malam.

Sokongan sebulat suara.

7. SAMBUNGAN SESI PENGGULUNGAN.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang) menyambung semula sesi penggulungan.

Ahli Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Y.A.B. Ketua Menteri mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.15 malam.

Dewan bersambung semula jam 8.30 malam.

8. SAMBUNGAN SESI PENGGULUNGAN.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.40 malam.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 25 MEI 2017(KHAMIS)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fook	Berapit
16.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
27.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
30.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
33.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
34.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
35.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
36.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
37.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
38.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
2.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Puan Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi

1. **DOA**
2. **SOALAN LISAN**

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

35. Adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai rancangan untuk memperluaskan lebuh raya yang bersambung kepada Jambatan Pulau Pinang Pertama sehingga ke Seberang Jaya untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas terutamanya semasa waktu lepas kerja?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

36. Pembangunan SJK (T) dan SJK (C):
- (i) Apakah program dan perancangan kerajaan negeri dalam membangunkan masa depan kedua-dua jenis sekolah tersebut?
 - (ii) Senaraikan jumlah sekolah mengikut DUN beserta jumlah pelajar, nama guru besar dan nombor telefon. (iii) Nyatakan jumlah peruntukan kerajaan persekutuan dan negeri bagi kedua-dua jenis sekolah.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

37. Senaraikan dengan terperinci (negara asal/umur/jantina/status ibu bapa dan sebagainya) kanak-kanak tanpa kewarganegaraan (*stateless children*) dalam Negeri Pulau Pinang. Huraikan polisi, strategi, tindakan dan pelan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menangani isu ini agar tiada masalah-masalah timbul dari isu ini membawa impak kepada masyarakat kita pada bila-bila masa saja.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

38. Dalam Ucapan Bajet 2107, Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah melaksanakan "Inisiatif Telekomunikasi Menuju Ke Arah Pulau Pinang Sebagai Smart City". Sila jelaskan:
- (i) Setakat mana perlaksanaannya; dan
 - (ii) Adakah perlaksanaannya tertumpu di sebelah pulau sahaja atau termasuk kawasan Seberang Perai?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Kerajaan persekutuan memperuntukkan RM5 juta dalam bentuk geran kepada MPSP dan MBPP.
- (i) Apakah projek dan program yang dilaksanakan melalui peruntukan itu?
 - (ii) Selain dari peruntukan tersebut adakah terdapat apa-apa peruntukan lain?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

40. (i) Status Pasar Mount Erskine yang usang dimaklumkan kepada ADUN kawasan bahawa akan diubah suai dengan keseluruhan ataupun buat pindaan pada tahun 2016, apakah statusnya sekarang?

- (ii) Kenapa sampai sekarang rancangan ubah suai yang sepatut pada tahun 2016 tidak dilaksanakan?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

41. Pelan Induk Pengangkutan bertujuan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang. Apakah status pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan sehingga kini?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

42. (i) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina beberapa buah dewan serbaguna berskala besar di dalam KADUN Permatang Pasir?
(ii) Jika ada nyatakan lokasinya dan cadangan tarikh pembinaannya. (iii) Jika tiada mohon beri penjelasan sebab musababnya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

43. (i) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk meroboh bangunan yang dibina di kawasan Tadahan Air Telok Bahang?
(ii) Jika ada, bila akan dirobuhkan dan jika tidak, kenapa. Huraikan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

44. Adakah pengeluaran pasir dibuat secara tender/sebutharga. Apakah syarat-syarat tersebut dan kawasan pengeluaran pasir yang masih aktif sehingga kini dengan menyatakan daerah, Mk, keluasan dan premium sebulan?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

45. (i) Aduan kerap diterima daripada orang awam tentang taska, tadika atau rumah orang tua yang dijalankan di kawasan perumahan. Apakah pandangan pihak kerajaan tentang aktiviti-aktiviti / perkhidmatan-perkhidmatan ini dan aduan yang diterima?
(ii) Apakah perancangan untuk menangani penyelarasan keperluan perkhidmatan ini dan masalah di kawasan tempatan?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

46. Senaraikan kes bunuh diri yang berlaku di Pulau Pinang mengikut jantina, umur dan kaum sejak 2014 sehingga kini. Apakah punca-punca berlakunya penambahan kes bunuh diri serta apakah usaha yang diambil oleh pihak kerajaan negeri dalam menangani masalah yang semakin serius?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

47. (i) Nyatakan jumlah yg telah diluluskan oleh kerajaan negeri bagi permohonan skim bantuan penyelenggaraan rumah bertingkat - HAPPY sejak diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri?
(ii) Sila huraikan dalam pecahan mengikut tahun dan daerah?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

48. (i) Apakah benar MPSP dan MBPP akan melaksanakan kerja-kerja pembersihan taman dan kawasan melalui tender kepada syarikat yang terpilih?
- (ii) Bagaimana dengan kedudukan pekerja-pekerja kontrak MPSP/MBPP, adakah dikekalkan atau ditamatkan?
- (iii) Apakah tindakan kerajaan negeri dalam membela nasib pekerja-pekerja kontrak ini?

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

49. (i) Enakmen Lembaga Perumahan Pulau Pinang telah diluluskan pada 2010, akan tetapi sehingga sekarang masih tidak dapat ditubuhkan. Adakah Kerajaan Negeri masih berhasrat untuk meneruskan penubuhan tersebut?
- (ii) Sekiranya ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi halangan penubuhannya?
- (iii) Sekiranya tidak, mengapa?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

50. Apakah langkah-langkah awal yang diambil oleh pihak berkuasa kerajaan negeri dalam hal menangani masalah banjir kilat di Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

51. Adakah apa-apa kebenaran di dalam kenyataan baru-baru ini oleh Timbalan Menteri Kesihatan Dato' Seri Dr Hilmi Yahya bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak membantu golongan orang miskin dan daif di Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

52. Sila nyatakan dengan teliti berapakah kes cabaran kasar oleh orang awam terhadap pegawai MBPP dan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan tempatan untuk menjamin keselamatan anggota MBPP semasa bertugas?

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

53. Sila nyatakan projek-projek pembangunan yang telah diluluskan oleh MBPP di sekitar Lebuhraya Halia dan juga jumlah unit serta bilangan tempat letak kereta setiap projek.
 - (i) Adakah setelah semua projek ini siap nanti akan menimbulkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut? Apakah cara penyelesaian?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

54. (i) Perincikan nama organisasi yang menyumbang kepada Kerajaan Negeri hasil kutipan jualan beg plastik sejak bermula program dilancarkan dan jumlah setiap organisasi.
- (ii) Berikan pecahan agihan perbelanjaan wang hasil tersebut dan baki.
- (iii) Jelaskan kejayaan program.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Dasar Hari Tanpa Beg Plastik Percuma mulai Julai 2009. Apakah cabaran dan tindakan untuk mencapai maksud dan tujuan kempen ini?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

56. Sebuah bangunan kekal di atas tanah rizab pantai di Pantai Bersih telah baru dibina dan beroperasi sebagai restoran makanan laut. Apakah status pegangan tanah tapak bangunan tersebut dan adakah bangunan itu mendapat kelulusan MPSP?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

57. Apakah status permohonan:
- (i) Baik pulih/naik taraf dewan-dewan JKKK Guar Perahu, Sg.Lembu, Kuala Mengkuang, padang bola dan futsal Taman Guar Perahu?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

58. Terdapat berapa katil pesakit di Hospital Kerajaan di Sungai Bakap, Balik Pulau, Seberang Jaya, Bertam, Bukit Mertajam dan Pulau Pinang?
- (i) Adakah katil-katil tersebut mencukupi untuk pesakit yang masuk wad dan menerima rawatan?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

59. Projek Penambakan Gurney dan STP2:
- (i) Berapakah kos perbelanjaan EIA dan DEIA bagi projek tersebut?
 - (ii) Apakah Kerajaan Negeri menanggung keseluruhan kos berkenaan? Jika tidak, siapakah yang bertanggungjawab?
 - (iii) Apakah projek di atas memberi kesan kepada pesisir pantai sepanjang Gurney Drive? Jika ada, senaraikan secara terperinci.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

60. Nyatakan status projek pembesaran Empangan Mengkuang. Sila jelaskan:
- (i) Adakah kos pembinaannya berjumlah RM1.2 bilion mencukupi?
 - (ii) Adakah air dari empangan tersebut akan digunakan sebagai bekalan kepada pengguna setiap masa atau berkala seperti musim kemarau?
 - (iii) Nyatakan nama sungai yang menyumbang air ke empangan tersebut?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

61. Adakah lesen pusat siber/internet dikawal dan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Kenapa pusat ini dibenarkan menjalankan kegiatan perjudian?
- (i) Apakah tindakan bagi membendung masalah ini?

- (ii) Tidak adakah kajian dibuat sebelum sebarang lesen dikeluarkan demi untuk menghindarkan gejala sosial?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

62. Kes jenayah kebakaran (*arson*) sering terjadi di Kebun Bunga, walaupun ada pengakuan salah dari pihak pembakar (*arsonist*), terlepas juga dari tindakan dan pendakwaan. Dari tahun 2013 - 2017, berapakah penjenayah tersebut telah didakwa dan ditahan oleh mahkamah? Bagaimanakah PDRM akan memantau dan bertindak atas penjenayah-penjenayah ini?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

63. Kutipan yuran penyelenggaraan adalah rendah di kebanyakan rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah. Adakah skim 'HAPPY' Kerajaan Negeri boleh juga membantu membiayai sesetengah rumah kos rendah yang berdensiti rendah (40 unit) dengan yuran penyelenggaraan bulanan sebanyak RM30.00 sebagai contoh Sri Villa Kenanga di Kampung Batu Uban?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

64. (i) Berikan jumlah statistik pelaburan oleh para pelabur ke Pulau Pinang beserta dengan nilai-pelaburan sehingga kini.
- (ii) Negara atau pihak manakah yang banyak melabur di Negeri Pulau Pinang dan senaraikan siapakah pihak tersebut?
- (iii) Senaraikan jumlah dan nama pelabur hartanah yang melabur di dalam bidang hartanah dalam Pulau Pinang sehingga kini, beserta dengan jumlah kos pelaburannya serta keuntungan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

65. Kerja-kerja pengorekan dan pemotongan tanah di Kawasan Tanah Bukit sedang giatkan dijalankan terutamanya di Bukit Relau dan Bukit Bendera. Apakah tindakan yang sedang dan akan diambil oleh kerajaan negeri bagi mengatasi masalah tersebut?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

66. Apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengeluarkan lot-lot tanah daripada kawasan tali air yang diwartakan?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

67. (i) Apakah bilangan setiap jenis kenderaan yang berdaftar di Pulau Pinang dari tahun 2010 hingga kini?
- (ii) Apakah kadar peningkatan setiap kategori kenderaan berbanding dengan kadar pelupusan?
- (iii) Adakah RFID (*Radio Frequency Identification*) akan digunakan untuk menjejaki kenderaan mulai 2018 seperti diumumkan oleh JPJ pada Ogos 2015 dan bagaimanakah kesediaan Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

68. Program *Hospital At Home* telah menjadi cara penyelesaian untuk masalah kesesakan dalam hospital di negara asing.
- (i) Sejauh manakah program tersebut dikaji sebagai alternatif untuk masalah katil tidak cukup di hospital?
 - (ii) Bolehkah program ini dilaksanakan di Pulau Pinang?
 - (iii) Terangkan cabaran dan halangan untuk menjalankan program ini di negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

69. Berkenaan dengan insiden kenderaan penguatkuasaan MBPP dirampas oleh orang awam yang berlaku pada 4/5/2017, saya menyeru kerajaan tempatan terus berusaha dengan lebih berinisiatif supaya pasukan Polis Bantuan dan warden trafik dapat ditubuhkan dalam PBT terutamanya MBPP. Usaha ini akan memastikan anggota MBPP dapat bertugas dengan lebih efisien dan selamat. Nyatakan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

70. (i) Berapakah pendapatan Kerajaan Negeri daripada caj air mentah yang dibayar oleh PBAPP dari 2011 - 2016?
- (ii) Apakah langkah yang dilaksanakan PBAPP dalam menggalakkan penjimatan air selain kenaikan tarif dan surcaj Senaraikan.
- (iii) Terdapat laporan CAP dan *Water Watch* mencadangkan supaya PBAPP menaikkan tarif hingga tiga (3) kali ganda untuk menggalakkan penjimatan. Buktikan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

71. (i) Adakah kerajaan negeri bercadang menyediakan peruntukan khas untuk tujuan pembangunan infrastruktur asas seperti menurap jalan mini tar dan menaiktaraf sistem perparitan di kawasan luar bandar?
- (ii) Sekiranya ya, berapa jumlahnya?
- (iii) Sekiranya tidak, dari manakah peruntukan untuk pembangunan infrastruktur asas kawasan luar bandar dan adakah ia memadai?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

72. Setelah berlaku banjir kilat di Pulau Pinang ini, apakah punca utamanya masalah ini dan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi kejadian ini dan berapakah jumlah ganti rugi yang telah diberikan kepada rakyat yang menerima masalah ini?

3. TAMAT SESI SOALAN LISAN

Yang di-Pertua memaklumkan 3 jam soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7). Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam penyata rasmi.

4. SESI PENGGULUNGAN

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.05 petang

Dewan bersambung semula pada jam 2.30 petang.

5. SAMBUNGAN SESI PENGGULUNGAN

YB. Timbalan Ketua Menteri I mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

6. RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN WARISAN NEGERI PULAU PINANG (PINDAAN) 2017

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) membentangkan Rang Undang-Undang.

Sokongan sebulat suara.

Dewan ditangguhkan pada jam 3.55 petang.

Dewan bersambung semula jam 4.15 petang.

7. PERSIDANGAN DILANJUTKAN

Y.A.B. Ketua Menteri memohon supaya masa persidangan tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan mesyuarat selesai selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Sokongan sebulat suara.

8. RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PINJAMAN NEGERI PULAU PINANG (BANK DAN SUMBER-SUMBER KEWANGAN LAIN) TAHUN 2017

Y.A.B. Ketua Menteri membentangkan Rang Undang-Undang.

YB. Timbalan Ketua Menteri I menyokong dan memberi ulasan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

9. PENGGULUNGAN USUL

Y.A.B. Ketua Menteri mengambil bahagian dalam sesi penggulungan Rang Undang-undang. Usul dipersetujui dan diterima.

10. RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG PULAU PINANG 2017

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng) membentangkan Rang Undang-Undang.
Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) menyokong dan memberi ulasan.
Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) mengambil bahagian dalam perbahasan.
Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) mengambil bahagian dalam perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.35 petang.

Dewan bersambung semula pada jam 8.00 malam.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam perbahasan.
Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) mengambil bahagian dalam perbahasan.
Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) mengambil bahagian dalam perbahasan.
Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam perbahasan.
Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) mengambil bahagian dalam perbahasan.

11. PENGGULUNGAN USUL

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan Rang Undang-undang.
Usul dipersetujui dan diterima.

12. USUL DARIPADA YB. TIMBALAN KETUA MENTERI II

Ahli-ahli Pembangkang meninggalkan Dewan berikutan usul yang dikemukakan mereka dtolak.
YB. Timbalan Ketua Menteri II mencadangkan Dewan meluluskan usul dibawah Subseksyen 13(3) Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010, [Enakmen 16] bagi Pelantikan Ahli-ahli Lembaga Rayuan mulai 1 Jun 2017 hingga 31 Mei 2019.
Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) menyokong.
Usul dipersetujui dan diterima.

13. USUL DARIPADA AHLI KAWASAN PADANG LALANG

Ahli Kawasan Padang Lalang mencadangkan supaya Dewan membantah sekeras-kerasnya sebarang cadangan mangsa rogol berkahwin dengan perogolnya.
Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) menyokong dan memberi ulasan.
Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) mengambil bahagian dalam perbahasan.
Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) mengambil bahagian dalam perbahasan.

14. PENGGULUNGAN USUL

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan Usul dipersetujui dan diterima.

15. UCAPAN PENANGGUHAN

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dan menangguhkan Dewan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.15 malam.



(YB. DATO' LAW CHOO KIANG, DMPN)

Yang di-Pertua
Dewan Undangan Negeri
Pulau Pinang.

Tarikh : 13 September 2017